

D.R. 10/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS 1996

PENYUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Fungsi Bank.

BAHAGIAN II

**PELESENAN PENANGGUNG INSURANS,
BROKER INSURANS DAN AJUSTER**

4. Pengelasan perniagaan insurans.
5. Perniagaan yang bukan perniagaan insurans.
6. Larangan atau sekatan perniagaan insurans.
7. Larangan ke atas perniagaan anuiti pasti atau insurans berkaitan pelaburan.
8. Aktiviti yang menjadi perniagaan insurans.
9. Larangan menjalankan perniagaan melainkan jika dilesenkan.
10. Pengemukaan diri sebagai penanggung insurans, broker insurans atau ajuster.
11. Penggunaan perkataan "insurans", "asurans" atau "pengunderait".
12. Penanggung insurans hendaklah menjelaskan perniagaan hayat atau am.
13. Pihak berkuasa pelesenan.
14. Pemohon lesen.
15. Permohonan untuk mendapatkan lesen.

Fasal

16. Lesen bagi penanggung insurans.
17. Lesen bagi broker insurans dan ajuster.
18. Modal syer berbayar yang minimum atau lebih aset berbandingan dengan liabiliti.
19. Penyata modal.
20. Kehendak tentang prospektus.
21. Fee lesen.
22. Keanggotaan persatuan.
23. Syarat lesen.
24. Bentuk lesen.
25. Pempameran lesen.
26. Nama hendaklah dilekatkan di luar pejabat.
27. Mula berniaga.
28. Sekatan ke atas perniagaan.
29. Pindaan kepada butir-butir pelesenan.
30. Perniagaan berlesen hendaklah dijalankan secara eksklusif oleh pemegang lesen.
31. Pembatalan lesen.
32. Rayuan terhadap pembatalan lesen.
33. Kesan pembatalan lesen.
34. Senarai penanggung insurans berlesen hendaklah diwartakan.

BAHAGIAN III

SUBSIDIARI DAN PEJABAT PEMEGANG LESEN

35. Subsidiari pemegang lesen.
36. Pejabat pemegang lesen.
37. Permohonan di bawah seksyen 35 atau 36.

BAHAGIAN IV

KUMPULAN WANG INSURANS DAN KUMPULAN WANG
PEMEGANG SYER

38. Penubuhan kumpulan wang insurans.
39. Penentuan polisi berhubung dengan kumpulan wang insurans.
40. Kredit ke dalam kumpulan wang insurans.
41. Penggunaan kumpulan wang insurans.
42. Aset kumpulan wang insurans.

Fasal

43. Pengeluaran daripada kumpulan wang insurans.
44. Penilaian aset dan penentuan liabiliti.
45. Pelaburan aset.
46. Margin kesolvenan.
47. Daftar polisi dan daftar tuntutan.
48. Dokumen hakmilik.
49. Sekatan ke atas pemberian kemudahan kredit.
50. Cagaran bagi kemudahan kredit.
51. Penilaian cagaran.
52. Sekatan atau larangan ke atas cagaran.
53. Sekatan ke atas aset.
54. Pendedahan kepentingan dalam kemudahan kredit.
55. Pendedahan percanggahan kepentingan.
56. Setiausaha hendaklah merekodkan pengisytiharaan.
57. Insurans semula.

BAHAGIAN V

ARAHAN DAN KAWALAN KE ATAS PENANGGUNG INSURANS YANG INKAR

58. Pemberitahuan terhadap ketakpatuhan margin kesolvenan.
59. Tindakan terhadap penanggung insurans, pekerja atau pengarah.
60. Peruntukan berhubung dengan perlantikan di bawah subseksyen 59(3) atau (4).
61. Peruntukan berhubung dengan pemecatan di bawah perenggan 59(3)(a) atau (c).
62. Peruntukan berhubung dengan pengambilalihan kawalan di bawah subseksyen 59(4).
63. Kesan perintah di bawah subseksyen 59(4).
64. Kuasa untuk mengkensel atau mengeluarkan modal tambahan.
65. Moratorium.

BAHAGIAN VI

PENGURUSAN PEMEGANG LESEN

66. Pendedahan kepentingan benefisial dalam syer mengundi.
67. Pemerolehan atau pelupusan agregat kepentingan syer sebanyak lima peratus.

Fasal

68. Larangan dan sekatan sekiranya ada pelanggaran.
69. Larangan pemegangan kepentingan mengenai syer.
70. Perlantikan pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pengurus.
71. Kehilangan kelayakan pengarah atau pekerja.
72. Kesan kehilangan kelayakan pengarah atau pekerja.
73. Notis pemberhentian jawatan.

BAHAGIAN VII

JURUAUDIT, AKTUARI DAN AKAUN

74. Perlantikan juruaudit.
75. Kehilangan kelayakan juruaudit.
76. Sekatan ke atas firma audit.
77. Persetujuan untuk bertindak sebagai juruaudit.
78. Perlantikan firma audit.
79. Juruaudit tidak disifatkan sebagai pekerja pemegang lesen.
80. Laporan juruaudit.
81. Maklumat tambahan daripada juruaudit.
82. Juruaudit hendaklah melaporkan perkara tertentu kepada Bank.
83. Perlantikan aktuari oleh penanggung insurans hayat.
84. Pemberhentian menjadi aktuari yang dilantik.
85. Penyiasatan dan laporan aktuari.
86. Maklumat kepada juruaudit dan aktuari yang dilantik.
87. Akaun tahunan.
88. Akaun tahunan dan laporan aktuari mengenai penanggung insurans asing berlesen.
89. Penyata suku tahunan.
90. Standard perakaunan.
91. Laporan aktuari ke atas tuntutan.
92. Akaun tahunan, penyata suku tahunan dan laporan aktuari yang dilantik hendaklah diperbetulkan.
93. Sekatan ke atas pembayaran dividen.
94. Pengemukaan akaun tahunan.
95. Tindakan berhubungan dengan akaun tahunan.
96. Pemeriksaan.
97. Kebolehterimaan dokumen.
98. Liabiliti jika rekod perakaunan yang sepatutnya tidak disimpan.

BAHAGIAN VIII
PEMERIKSAAN

Fasal

99. Pemeriksaan pemegang lesen.
100. Kewajipan mengemukakan dokumen dan mengadakan akses kepada dokumen dan maklumat.
101. Pemeriksaan ke atas orang selain daripada pemegang lesen.
102. Kehadiran di hadapan pemeriksa.

BAHAGIAN IX

PENYIASATAN, PENGGELEDAHAN ATAU PENYITAAN

103. Perlantikan pegawai penyiasat.
104. Kuasa pegawai penyiasat.
105. Halangan terhadap pegawai penyiasat.
106. Kehendak untuk menyediakan terjemahan.
107. Kuasa untuk memeriksa orang.
108. Bantuan kepada pegawai awam.
109. Pegawai penyiasat disifatkan sebagai pengkhidmat awam dan pegawai awam.

BAHAGIAN X

PENGKULUNGAN PENANGGUNG INSURANS

110. Pemakaian Bahagian ini.
111. Sekatan ke atas pengkulungan penanggung insurans tempatan.
112. Bank hendaklah mempetisyen bagi pengkulungan.
113. Notis berhubung dengan prosiding pengkulungan.
114. Hal keadaan tambahan bagi pengkulungan.
115. Perlantikan pelikuidasi.
116. Kawalan ke atas pelikuidasi.
117. Saraan pelikuidasi.
118. Penyata hal-ehwal.
119. Laporan dan akaun pelikuidasi.
120. Penilaian aset dan liabiliti.
121. Penamatan polisi.
122. Penggunaan kumpulan wang insurans dalam pengkulungan.
123. Pengetepian beban bukti ketat mengenai hutang.

Fasal

124. Kesalahan oleh pengarah, pekerja atau ejen penanggung insurans.
125. Penerusan perniagaan hayat.
126. Kaedah-kaedah penggulangan.

BAHAGIAN XI

PEMINDAHAN PERNIAGAAN

127. Tafsiran Bahagian ini.
128. Mahkamah hendaklah mengesahkan skim.
129. Pengemukaan skim.
130. Kelulusan skim.
131. Notis skim.
132. Ubahsuaian skim.
133. Petisyen kepada Mahkamah untuk mengesahkan skim.
134. Bank hendaklah menjadi pihak kepada prosiding.
135. Kesan pengesahan oleh Mahkamah.
136. Bayaran balik perbelanjaan Bank.
137. Larangan pembayaran daripada kumpulan wang insurans.
138. Penyerahsimpanan dokumen.
139. Pemindahan perniagaan pembrokeran insurans atau pengajusteran insurans.

BAHAGIAN XII

PERUNTUKAN BERHUBUNGAN DENGAN POLISI

140. Insurans harta dan liabiliti.
141. Pengambilalihan risiko.
142. Kadar premium di bawah polisi hayat.
143. Laporan aktuari atas terma polisi.
144. Kadar premium di bawah polisi am.
145. Semakan kadar premium.
146. Notis berkenaan dengan bukti umur.
147. Pernyataan silap tentang umur dan ketakelakan polisi.
148. Bantahan kepada polisi hayat.
149. Kawalan ke atas borang cadangan, polisi dan cadangan.
150. Kewajipan pendedahan.
151. Pengetahuan, dan pernyataan oleh, ejen insurans.

Fasal

152. Kepentingan boleh insurans.
153. Keupayaan orang yang belum dewasa untuk menginsurans.
154. Wang polisi hayat hendaklah dibayar tanpa potongan.
155. Penyerahan polisi hayat.
156. Ketakbayaran premium polisi hayat.
157. Butir-butir dalam polisi.
158. Pemilihan bagi polisi berbayar.
159. Hak tambahan yang diberikan oleh seksyen 155, 156 dan 158.
160. Pungutan premium di alamat pemunya polisi.
161. Faedah atas amaun tuntutan.

BAHAGIAN XIII

PEMBAYARAN WANG POLISI DI BAWAH SUATU POLISI HAYAT ATAU POLISI KEMALANGAN DIRI

162. Pemakaian Bahagian ini.
163. Kuasa untuk membuat penamaan.
164. Pembatalan penamaan.
165. Pembayaran wang polisi jika terdapat penamaan.
166. Pemegang amanah wang polisi.
167. Penama selain daripada penama di bawah subseksyen 166(1).
168. Wang polisi yang diserahkan atau disandarkan.
169. Pembayaran wang polisi jika tidak ada penamaan.
170. Pembayaran kepada orang yang tak kompeten untuk berkontrak.
171. Pembahagian wang polisi dalam perjalanan pentadbiran.
172. Bahagian ini mengatasi polisi dan mana-mana undang-undang bertulis lain.

BAHAGIAN XIV

KUMPULAN WANG SKIM JAMINAN INSURANS

173. Penubuhan dan penyenggaraan kumpulan wang skim jaminan insurans.
174. Pelaburan wang.
175. Bank boleh meminjam wang.
176. Levi.
177. Pemberhentian levi.

Fasal

178. Penggunaan wang.
179. Sekatan ke atas penggunaan wang.
180. Penentuan wang kena dibayar.
181. Pembayaran sebahagian tuntutan.
182. Pembayaran tuntutan.
183. Bantuan dalam pentadbiran.

BAHAGIAN XV

PELBAGAI

184. Ejen dan broker insurans.
185. Sekatan ke atas broker insurans.
186. Perantara insurans.

BAHAGIAN XVI

PERUNTUKAN AM

187. Penguatkuasaan Akta ini.
188. Pemulangan wang yang diperolehi daripada pelanggaran Akta ini,
189. Pampasan.
190. Pemberitahuan sijil.
191. Tanggung rugi.
192. Laporan tahunan.
193. Pengemukaan maklumat dan statistik.
194. Penyampaian notis.
195. Kerahsiaan.
196. Pendedahan yang dibenarkan.
197. Keputusan Menteri adalah muktamad.
198. Pengecualian.
199. Pemakaian undang-undang lain.
200. Ketakpemakaian Akta.
201. Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan.
202. Peraturan-peraturan.

BAHAGIAN XVII

KESALAHAN

Fasal

203. Penalti am.
204. Kesalahan berterusan.
205. Kesalahan berhubung dengan catatan dalam dokumen.
206. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.
207. Kesalahan oleh individu.
208. Percantuman kesalahan.
209. Kesalahan boleh tangkap.
210. Orang ditangkap diserahkan kepada pihak polis.
211. Kuasa Gabenor untuk mengkompaun kesalahan.
212. Percubaan, pensubahatan dan komplot.
213. Pendakwaan.

BAHAGIAN XVIII

PEMANSUHAN DAN PERUNTUKAN PERALIHAN

214. Pemansuhan dan kecualian.
215. Kecualian berkenaan dengan penanggung insurans berdaftar, broker insurans dan ajuster berlesen, di bawah Akta termansuh.
216. Kelulusan lesen kepada penanggung insurans yang disifatkan telah dilesenkan di bawah perenggan 215(1)(a).
217. Penukaran kepada, pemindahan perniagaan insurans kepada, syarikat awam.
218. Pembatalan lesen insurans kerana ketakpatuhan seksyen 217.
219. Kelulusan lesen kepada broker insurans atau ajuster yang disifatkan telah dilesenkan di bawah perenggan 215(1)(b).
220. Penanggung insurans asing untuk menubuhkan kumpulan wang insuran.
221. Kecualian dan pendedahan berkenaan dengan kepentingan dalam syer.
222. Deposit dan waad bank sebagai ganti deposit.
223. Wang dalam kumpulan wang skim jaminan insurans.
224. Kecualian berkaitan dengan wang polisi hayat.
225. Peruntukan bagi mengatasi kesulitan.

JADUAL

BAHAGIAN I Pemansuhan.

BAHAGIAN II Pindaan berbangkit kepada Akta Syarikat 1965.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk mengadakan undang-undang baru bagi pelesenan dan pengawalseliaan perniagaan insurans, perniagaan pembrokeran insurans dan perniagaan pengajusteran dan bagi maksud lain yang berhubungan.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Insurans 1996 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Aktaini, melainkanjika konteksnyamenghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"ajuster" ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan pengajusteran sama ada bagi pihak penanggung insurans atau pemunya polisi atau kedua-duanya;

"Akta yang dimansuhkan" ertinya Akta Insurans 1963 Akta 89. yang dimansuhkan di bawah subseksyen 214(1);

"aktuari yang dilantik" ertinya aktuari yang dilantik di bawah subseksyen 83(1);

"alamat pemunya polisi" ertinya alamat pemunya polisi yang dinyatakan dalam polisi atau mana-mana alamat lain yang diberitahu kemudiannya secara bertulis oleh pemunya polisi itu kepada penanggung insurans;

"anak" termasuklah anak tak sah taraf, anak tiri dan anak yang diangkat di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia atau mana-mana tempat di luar Malaysia, atau di bawah suatu adat yang diiktiraf oleh suatu golongan orang di dalam atau di luar Malaysia;

"anggota", berhubung dengan suatu institusi yang merupakan—

- (a) suatu perbadanan, ertinya pemegang syer;
- (b) suatu koperasi, ertinya anggota koperasi itu;
- (c) mana-mana pertubuhan perbadanan yang lain yang mempunyai keanggotaan, ertinya anggota perbadanan tersebut;
- (d) suatu perkongsian, ertinya pekongsi; dan
- (e) suatu pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966, ertinya anggota itu;

Akta 335.

"anuiti" ertinya hak kepada suatu siri pembayaran berkala pada lat tempoh satu tahun atau kurang di bawah suatu kontrak dengan penanggung insurans hayat;

Akta 519.

"Bank" ertinya Bank Negara yang ditubuhkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 1958;

Akta 372.

"bank berlesen" mempunyai erti sebagaimana yang terdapat dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989;

"berlesen" ertinya dilesenkan dibawah seksyen 16 atau 17;

"broker insurans" ertinya seseorang yang, sebagai kontraktor bebas, menjalankan perniagaan pembrokeran insurans dan termasuklah pembrokeran insurans semula;

"ditentukan" ertinya ditentukan secara bertulis, dan suatu kuasa untuk menentukan termasuklah kuasa untuk menentukan secara berlainan bagi orang yang berlainan atau golongan orang yang berlainan, dan untuk meminda apa-apa penentuan;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang disiarkan dalam *Warta*, dan suatu kuasa untuk menetapkan termasuklah kuasa untuk membuat peruntukan yang berlainan dalam peraturan-peraturan bagi orang yang berlainan atau golongan orang yang berlainan;

"dokumen" mempunyai erti sebagaimana yang terdapat dalam Akta Keterangan 1950 dan termasuklah buku dan akaun; *Akta 56.*

"dokumen konstituen", berhubungan dengan sesuatu institusi, ertinya statut, piagam, memorandum persatuannya dan perkara persatuannya, kaedah-kaedah dan undang-undang kecil, perjanjian perkongsian, atau suratcara yang lain, yang di bawahnya atau melaluinya institusi itu ditubuhkan dan struktur pengawalan dan pentadbiran dan skop fungsi dan perniagaannya dinyatakan, sama ada terkandung dalam satu dokumen atau lebih;

"ejen insurans" ertinya seseorang yang melakukan kesemua atau mana-mana yang berikut;

- (a) mensolisit atau mendapatkan cadangan insurans bagi pihak seseorang penanggung insurans;
- (b) menawarkan atau mengambil alih untuk bertindak bagi pihak seseorang penanggung insurans dalam merundingkan sesuatu polisi; atau
- (c) melakukan apa-apa tindakan lain bagi pihak seseorang penanggung insurans berhubungan dengan pengeluaran, pembaharuan, atau penerusan, sesuatu polisi;

"Gabenor" ertinya Gabenor Bank dan termasuklah Timbalan Gabenor Bank;

"harta" ertinya harta alih atau tak alih dan termasuklah—

- (a) apa-apa hak, kepentingan, hakmilik, tuntutan, hak dalam tindakan, kuasa atau keistimewaan, sama ada pada masa ini atau masa hadapan, atau sama ada terletak hak atau kontingen, berhubungan dengan apa-apa harta; dan

- (b) pemindahhakan yang disempurnakan bagi memindahhakan, menyerahhakan, melantik, menyerahkan, atau selainnya memindahkan atau melupuskan harta tak alih jika orang yang menyempurnakan pemindahhakan itu ialah tuan punya atau pemilik, atau ialah berhak kepada suatu hak kontingen, sama ada bagi keseluruhan atau sebahagian daripada kepentingan itu;

"insurans" termasuklah insurans semula;

"insurans semula" ertinya perlindungan insurans yang diambil oleh seseorang penanggung insurans dengan penanggung insurans kedua atas risiko, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, yang telah diterimanya dan termasuklah apa-apa perkiraan yang serupa oleh suatu cawangan penanggung insurans itu di dalam Malaysia dengan cawangannya di luar Malaysia (ibu pejabat penanggung insurans itu adalah, bagi maksud ini, dikira sebagai suatu cawangan);

Akta 125. "juruaudit syarikat diluluskan" mempunyai erti sebagaimana yang terdapat dalam Akta Syarikat 1965;

"kemudahan kredit" ertinya sesuatu pendahuluan, pinjaman atau apa-apa kemudahan yang lain yang melaluinya peminjam itu mempunyai akses, secara langsung atau tak langsung, kepada wang pemberi pinjaman dan termasuklah pemberian suatu jaminan berhubungan dengan sesuatu kemudahan kredit;

"kepentingan dalam suatu syer" ertinya sesuatu kepentingan di sisi undang-undang atau ekuiti dalam sesuatu syer;

"ketua pegawai eksekutif, berhubungan dengan sesuatu institusi, ertinya seseorang individu, sama ada secara individu atau bersesama dengan seorang atau lebih orang lain, adalah bertanggungjawab, tertakluk kepada kuasa pengarah, bagi penjalanan perniagaan dan pentadbiran institusi itu;

"komisyen" ertinya sesuatu amaun atau faedah kebendaan, sama ada dinyatakan sebagai peratusan premium atau tidak, yang dipersetujui dibayar oleh penanggung insurans berlesen kepada ejen insurans atau broker insurans, termasuklah fee pengenalan;

"koperasi" ertinya koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993;

Akta 502.

"kumpulan wang insurans" ertinya kumpulan wang insurans yang ditubuhkan dan disenggarakan di bawah seksyen 38;

"liabiliti" termasuklah tiap-tiap jenis hutang, kewajipan dan obligasi, sama ada pada masa sekarang atau hadapan, sama ada terletak hak atau kontingen;

"margin kesolvenan" ertinya margin kesolvenan yang dikehendaki di bawah seksyen 46;

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"orang yang dilantik" ertinya seorang yang dilantik di bawah perenggan 59(4)(a);

"pegawai", berhubungan dengan sesuatu institusi, termasuklah seorang pekerja dan ketua pegawai eksekutif;

"pejabat" termasuklah tempat utama perniagaan, suatu pengkalan elektronik dan mana-mana tempat lain yang dari tempat itu atau pada tempat itu perniagaan pemegang lesen itu dijalankan;

"pekerja", berhubungan dengan seseorang pemegang lesen, termasuklah ketua pegawai eksekutif;

"pemegang lesen" ertinya penanggung insurans, broker insurans atau ajuster, yang dilesenkan di bawah seksyen 16 atau 17;

"pemunya polisi" ertinya orang yang mempunyai hakmilik di sisi undang-undang kepada suatu polisi dan termasuklah—

- (a) jika suatu polisi telah diserahkan, pemegang serahhak;
- (b) wakil diri pemunya polisi yang mati, jika wakil diri itu berhak terhadap penanggung insurans itu bagi faedah suatu polisi;
- (c) berhubungan dengan suatu polisi yang memperuntukkan bagi pembayaran anuiti, penerima anuiti; dan

- (d) jika di bawah suatu polisi, wang adalah kena dibayar, sama ada secara berkala atau selainnya, orang yang kepadanya wang itu kena dibayar;

"penanggung insurans" termasuklah penanggung insurans semula profesional;

"penanggung insurans asing" ertinya penanggung insurans yang diperbadankan di luar Malaysia;

"penanggung insurans semula profesional" ertinya penanggung insurans semula yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan insurans semula semata-mata;

"penanggung insurans tempatan" ertinya penanggung insurans yang diperbadankan di Malaysia;

"pengarah" termasuklah seseorang yang memegang jawatan pengarah dan termasuklah seseorang yang mengikut arahannya atau petunjuknya pengarah atau pegawai lazimnya bertindak dan pengarah silih-ganti atau pengarah ganti, dan tanpa menjejaskan peruntukan terdahulu dalam hal—

- (a) sesuatu koperasi, ertinya anggota lembaga, atau badan pengawalan lain koperasi itu;
- (b) sesuatu badan berkanun, ertinya anggota lembaga, jawatankuasa, majlis atau badan pengawalan lain badan berkanun itu;
- (c) sesuatu perkongsian, ertinya pekongsi;
- (d) sesuatu pemunyaan tunggal, ertinya tuannya tunggal; dan
- (e) mana-mana badan lain, persatuan atau kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan, seseorang yang mempunyai arahan dan kawalan ke atas pengurusan perniagaan atau hal-ehwalnya;

"pengawal", berhubungan dengan sesuatu institusi, ertinya—

- (a) seorang ketua pegawai eksekutif institusi itu atau pertubuhan perbadanan yang institusi itu adalah subsidiari baginya;

- (b) seseorang, sama ada berseorangan atau dengan mana-mana sekutu—
- (i) mempunyai kepentingan dalam satu pertiga atau lebih daripada syer mengundinya;
 - (ii) mempunyai kuasa untuk melantik atau menyebabkan dilantik, majoriti pengarahnya; atau
 - (iii) mempunyai kuasa untuk memutuskan atau menyebabkan diputuskan berkenaan dengan perniagaan atau pentadbirannya;

"perbadanan" mempunyai erti sebagaimana yang terdapat dalam Akta Syarikat 1965;

Akta 125.

"perbadanan berkaitan" mempunyai erti sebagaimana yang terdapat dalam Akta Syarikat 1965;

Akta 125.

"perniagaan berlesen" ertinya perniagaan insurans, perniagaan pembrokeran insurans dan perniagaan pengajusteran;

"perniagaan hayat" ertinya perniagaan mengakujajangi liabiliti di bawah polisi hayat;

"perniagaan pengajusteran" ertinya perniagaan menyiasat sebab dan hal keadaan suatu kerugian dan menentukan kuantum kerugian itu;

"perniagaan pembrokeran insurans" ertinya perniagaan mensolisit, merunding atau mendapatkan sesuatu polisi dengan seseorang penanggung insurans, atau pembaharuan atau penerusan polisi itu, bagi seorang pemunya polisi selain daripada dirinya dan termasuklah pembrokeran insurans semula bagi seseorang penanggung insurans;

"pertubuhan perbadanan" ertinya seseorang yang diperbadankan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan termasuklah - badan berkanun, pihak berkuasa awam, atau pihak berkuasa yang lain, yang diperbadankan oleh atau di bawah undang-undang bertulis, perbadanan, dan perbadanan tunggal;

"polisi" ertinya polisi insurans dan termasuklah nota perlindungan atau sesuatu kontrak insurans, sama ada atau tidak yang terkandung dalam atau ditunjukkan oleh suratcara dalam bentuk polisi insurans dan sebutan mengenai—

- (a) mengeluarkan sesuatu polisi hendaklah ditafsirkan sebagai membuat kontrak insurans, sama ada suatu kontrak formal telah dikeluarkan atau tidak; dan
- (b) polisi penanggung insurans termasuklah sesuatu polisi atau bon yang berkenaan dengannya penanggung insurans berada di bawah apa-apa liabiliti, sama ada polisi itu dikeluarkan oleh penanggung insurans atau liabiliti itu telah dipindahkan kepada penanggung insurans itu daripada penanggung insurans yang lain;

"polisi asing" ertinya polisi yang dikeluarkan oleh penanggung insurans berlesen dan bukan suatu polisi Malaysia;

"polisi hayat" ertinya polisi yang menurutnya pembayaran wang polisi adalah diinsuranskan atas kematian atau kehidupan, termasuk peluasan perlindungan bagi kemalangan diri, penyakit atau keuzuran dan termasuk suatu anuiti tetapi tidak termasuk polisi kemalangan diri;

"polisi hayat sertaan" ertinya polisi hayat yang memberikan hak untuk berkongsi dalam lebihan kumpulan wang insurans hayat;

"polisi hayat ketaksertaan" ertinya polisi hayat yang tidak memberikan apa-apa hak untuk berkongsi dalam lebihan kumpulan wang insurans hayat;

"polisi kemalangan diri" ertinya polisi yang memperuntukkan faedah kewangan tetap atau faedah yang bersifat tanggung-rugi atau kedua-duanya terhadap risiko kecederaan atau kematian orang yang diinsuranskan akibat suatu kemalangan atau ketakupayaan akibat daripada penyakit;

"polisi Malaysia" ertinya polisi yang dikeluarkan di Malaysia oleh penanggung yang insurans berlesen dan ialah—

- (a) suatu polisi hayat jika alamat pemunya polisi adalah atau dahulunya di Malaysia;

- (b) suatu polisi am yang berkaitan dengan risiko yang berbangkit di Malaysia, atau jika pemunya polisi ialah seorang pemastautin, atau menduduki perjawatan tetap di Malaysia dalam pengertian Akta Cukai Pendapatan 1967; atau *Akta 53.*
- (c) suatu kontrak insurans semula dengan penanggung insurans berlesen yang lain;

"premium" ertinya amaun yang kena dibayar kepada seseorang penanggung insurans di bawah suatu polisi sebagai balasan bagi obligasi yang diambil alih oleh penanggung insurans itu;

"sanak-saudara", berhubungan dengan seseorang, ertinya—

- (a) suami atau isteri orang itu;
- (b) saudara lelaki atau perempuan orang itu;
- (c) saudara lelaki atau perempuan kepada suami atau isteri orang itu;
- (d) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- (e) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan suami atau isteri orang itu;
- (f) suami atau isteri mana-mana orang yang disebut dalam perenggan (b), (c), (d) atau (e);
- (g) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b), (c) atau (f);
- (h) bapa saudara, emak saudara atau sepupu kepada orang itu, atau kepada suami atau isteri orang itu; atau
- (i) suami atau isteri, atau orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah, dengan orang yang disebut dalam perenggan (h);

"sekutu", berhubungan dengan seseorang, ertinya—

- (a) sanak-saudara orang itu;

- (b) sesuatu syarikat yang baginya orang itu ialah pengarah;
- (c) seseorang yang ialah pekerja atau pekongsi orang itu; dan
- (d) sekiranya orang itu ialah suatu syarikat, pengarah atau subsidiari syarikat itu dan pengarah atau pekerja subsidiari itu;

Akta 125. "subsidiari" mempunyai erti sebagaimana yang terdapat dalam seksyen 5 Akta Syarikat 1965;

Akta 125 "syarikat" mempunyai erti sebagaimana yang terdapat dalam Akta Syarikat 1965;

Akta 125 "syarikat awam" ertinya syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan yang memorandum persatuannya atau perkara persatuannya tidak mengenakan sekatan, had dan larangan yang disebut dalam subseksyen 15(1) Akta tersebut;

Akta 125. "syarikat persendirian" mempunyai erti sebagaimana yang terdapat dalam Akta Syarikat 1965;

"syer", berhubungan dengan sesuatu perbadanan, ertinya syer terbitan perbadanan itu dan termasuklah saham kecuali jika perbezaan antara saham dan syer adalah dinyatakan atau disiratkan;

"tahun kewangan", berhubungan dengan pemegang lesen, ertinya tempoh yang pemegang lesen membuat akaun perniagaannya yang hendaklah merupakan tempoh dua belas bulan kalendar, dihitung daripada bermulanya perniagaan itu atau dari akhir tahun kewangan yang sebelum sahaja tahun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau apa-apa tempoh yang lebih panjang atau pendek sebagaimana yang diluluskan oleh Bank, berhubungan dengan seseorang pemegang lesen tertentu, pada sesuatu masa tertentu;

"tarikh berkuatkuasa" ertinya tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini;

"tuntutan insurans" ertinya tuntutan bagi pembayaran suatu amaun yang kena dibayar di bawah suatu polisi;

"wang polisi" termasuklah apa-apa faedah, sama ada kewangan atau tidak, yang dijamin oleh suatu polisi.

3. (1) Sebagai tambahan kepada fungsi yang diberikan kepada Bank di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958, Bank hendaklah mempunyai segala fungsi yang diberikan kepadanya oleh Akta ini dan Gabenor hendaklah melaksanakan fungsi Bank bagi pihak Bank.

Fungsi Bank.
Akta 519.

(2) Bank boleh memberikuasa kepada seseorang pegawai Bank untuk melaksanakan mana-mana fungsi Bank di bawah Akta ini.

(3) Bank, sama ada secara am atau dalam sesuatu hal tertentu, boleh melantik seseorang yang bukan pegawai Bank—

(a) untuk memberikan apa-apa bantuan dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini; atau

(b) untuk melaksanakan fungsi sedemikian bagi pihak dan atas nama Bank,

sebagaimana yang ditentukannya.

BAHAGIAN II

PELESENAN PENANGGUNGINSURANS, BROKER INSURANS DAN AJUSTER

4. (1) Bagi maksud Akta ini, perniagaan insurans hendaklah dibahagikan kepada dua kelas:

Pengelasan
perniagaan
insurans.

(a) perniagaan hayat, yang sebagai tambahan kepada semua perniagaan insurans berkenaan dengan polisi hayat termasuklah apa-apa jenis perniagaan insurans yang dijalankan sebagai sampingan kepada perniagaan insurans hayat penanggung insurans; dan

(b) perniagaan am, yang bererti semua perniagaan insurans yang bukan perniagaan hayat.

(2) Bagi maksud Akta ini, liabiliti insurans semula di bawah sesuatu polisi adalah dikira sebagai perniagaan insurans daripada kelas dan perihalan yang dalamnya polisi itu akan tergolong jika ia dikeluarkan oleh penanggung insurans semula.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan 39(2), jika Bank berpuas hati bahawa mana-mana bahagian perniagaan penanggung insurans berlesen yang tergolong dalam sesuatu kelas atau perihalan tertentu perniagaan insurans, dalam hal penanggung insurans berlesen itu patut dikira sebagai tergolong dalam kelas atau perihalan yang lain, maka Bank boleh mengarahkan supaya ia dikira sedemikian.

Perniagaan yang bukan perniagaan insurans

5. Bagi maksud Akta ini, yang berikut bukanlah perniagaan insurans:

- (a) pengendalian oleh majikan, selain daripada untuk mendapatkan keuntungan, akan suatu skim atau perkiraan yang membuat peruntukan kewangan bagi persaraanpekerjanya, ataupenamatanperkhidmatan di masa hadapan kerana kematian atau ketakupayaan;
- (b) perniagaan yang dijalankan mengikut Bahagian II Akta Pertubuhan 1966 oleh suatu pertubuhan faedah bersama sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta itu; dan
- (c) eksport kredit dan lain-lain jaminan kredit perniagaan insurans yang dijalankan oleh Malaysia Export Credit Insurance Berhad.

Akta 335

Larangan atau sekatan perniagaan insurans.

6. Bank, demi kepentingan pengendalian secara teratur perniagaan suatu penanggung insurans berlesen atau industri insurans, boleh melarang atau menyekat secara bertulis seseorang penanggung insurans berlesen daripada menjalankan apa-apa perihalan perniagaan insurans sebagaimana yang ditentukannya.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

Larangan ke atas perniagaan anuiti pasti atau insurans berkaitan pelaburan.

7. (1) Kecuali dengan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukannya, tiada penanggung insurans berlesen boleh menjalankan—

- (a) perniagaan anuiti pasti; atau
- (b) perniagaan insurans berkaitan pelaburan.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

- (a) "anuiti pasti" ertinya kontrak anuiti yang mana tempoh pembayaran berkala adalah ditentukan terlebih dahulu dan tidak bergantung kepada matinya atau hidupnya pemunya polisi; dan
- (b) "perniagaan insurans berkaitan pelaburan" ertinya pelaksanaan dan perjalanan kontrak insurans atas hayat manusia atau anuiti yang faedah secara keseluruhan atau sebahagiannya adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai, atau pendapatan daripada, apa-apa perihal harta atau dengan merujuk kepada turun naik dalam, atau dalam suatu indeks, nilai harta daripada apa-apa perihal.

8. (1) Bagi maksud Akta ini, sebutan mengenai menjalankan perniagaan insurans termasuklah semua atau mana-mana yang berikut:

Aktiviti yang menjadi perniagaan insurans.

- (a) menerima cadangan bagi insurans;
- (b) merundingkan cadangan bagi insurans bagi pihak seseorang penanggung insurans;
- (c) mengeluarkan polisi;
- (d) memungut atau menerima premium atas polisi;
- (e) menyelesaikan atau mendapatkan tuntutan atas polisi.

(2) Bagi maksud Akta ini, sebutan mengenai perjalanan perniagaan insurans termasuklah menjalankannya melalui ejen, atau sebagai ejen; tetapi "penanggung insurans" tidak termasuk ejen insurans atau pun dalam hal seseorang yang merupakan kedua-dua penanggung insurans dan ejen insurans, merujuk kepada perniagaan yang dijalankan sebagai ejen insurans.

9. (1) Tiada seorang pun, melainkan jika dia dilesenkan di bawah Akta ini, boleh menjalankan—

- (a) perniagaan insurans;
- (b) perniagaan pembrokeran insurans; atau

Larangan menjalankan perniagaan melainkan jika dilesenkan.

(c) perniagaan pengajusteran.

Penalti: Penanggung insurans—Pemenjaraan selama sepuluh tahun atau sepuluh juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

Broker insurans—Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

Ajuter—Pemenjaraan selama satu tahun atau satu juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Perenggan (1)(c) tidaklah terpakai bagi—

(a) seseorang peguambela, peguamcara atau anggota mana-mana profesyen lain yang bertindak atau membantu dalam pengajusteran tuntutan insurans yang bersampingan dengan amalannya dan yang tidak mengemukakan dirinya sebagai seorang ajuter;

(b) seseorang ajuter bagi kerugian penerbangan atau maritim; atau

(c) seseorang pekerja penanggung insurans berlesen yang, dalam urusan pekerjaannya, bertindak atau membantu dalam pengajusteran tuntutan insurans dan yang tidak mengemukakan dirinya sebagai seorang ajuter.

Pengemukaan diri sebagai penanggung insurans, broker insurans atau ajuter.

10. Tiada seorang pun boleh mengemukakan dirinya sebagai seorang penanggung insurans, broker insurans atau ajuter melainkan jika dia dilesenkan di bawah Akta ini.

Penalti: Penanggung insurans—Pemenjaraan selama sepuluh tahun atau sepuluh juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

Broker insurans—Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

Ajuter—Pemenjaraan selama satu tahun atau satu juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

11. (1) Kecuali dengan keizinan bertulis daripada Bank terlebih dahulu, tiada seorang pun selain daripada pemegang lesen boleh menggunakan perkataan "insurans", "asurans" atau "pengunderait" berhubungannya dengan perniagaannya atau apa-apa terbitannya dalam mana-mana bahasa, atau apa-apa perkataan lain dalam mana-mana bahasa yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan perjalanan mana-mana perniagaan berlesen dalam nama, perihalan atau hakmilik yang di bawahnya dia menjalankan perniagaan atau membuat apa-apa representasi yang bermaksud sedemikian dalam apa-apa kepala bil, kertas surat, notis atau iklan atau dengan apa-apa cara lain.

Penggunaan perkataan "insurans", "asurans" atau "pengunderait".

Penalti: Lima ratus ribu ringgit. Penalti ingkar.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi—

- (a) seseorang yang menyertakan kepada namanya suatu kelayakan insurans yang diberikan kepadanya oleh suatu badan yang ditetapkan, jika kelayakan yang disertakan sedemikian diikuti dengan nama ringkas badan itu;
- (b) seseorang ejen insurans yang didaftarkan dengan Life Insurance Association of Malaysia atau General Insurance Association of Malaysia; dan
- (c) sesuatu persatuan pemegang lesen atau persatuan pekerja pemegang lesen.

12. (1) Seseorang penanggung insurans berlesen, selain daripada seorang penanggung insurans semula profesional berlesen, tidaklah boleh menjalankan kedua-dua perniagaan hayat dan perniagaan am.

Penanggung insurans hendaklah menjalankan perniagaan hayat atau am.

(2) Walau apapun subseksyen (1), seseorang penanggung insurans hayat berlesen boleh menjalankan perniagaan insurans semata-mata terhadap penyakit atau keuzuran atau semata-mata terhadap perbelanjaan perubatan tertakluk kepada apa-apa kehendak dan syarat yang ditetapkan oleh Bank.

(3) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi seseorang penanggung insurans yang secara sah menjalankan kedua-dua perniagaan pada tarikh berkuatkuasa.

Pihak
berkuasa
pelesenan.

13. (1) Menteri adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen yang memberikuasa kepada pemegangnya untuk menjalankan perniagaan insurans.

(2) Bank adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen yang memberikuasa pemegangnya untuk menjalankan perniagaan pembrokeran insurans atau perniagaan pengajusteran.

Pemohon
lesen.

14. Tiada seorang pun boleh memohon untuk mendapatkan lesen bagi menjalankan—

- (a) perniagaan insurans, melainkan jika dia adalah suatu syarikat awam;
- (b) perniagaan pembrokeran insurans atau perniagaan pengajusteran, melainkan jika dia adalah suatu syarikat; atau
- (c) perniagaan sebagai penanggung insurans semula profesional, melainkan jika dia adalah suatu pertubuhan perbadanan.

Permohonan
untuk
mendapatkan
lesen.

15. Suatu permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Bank dalam bentuk dan mengikut cara, dan menyatakan apa-apa butir mengenai lesen itu, sebagaimana, yang ditentukan oleh Bank.

Lesen bagi
penanggung
insurans.

16. (1) Bank, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan untuk mendapatkan lesen untuk menjalankan perniagaan insurans, hendaklah membuat syor kepada Menteri sama ada lesen itu patut diberikan atau tidak dan syarat-syarat, jika ada, yang hendaklah dikenakan ke atas lesen itu.

(2) Menteri, selepas menimbangkan—

- (a) sama ada pengeluaran lesen akan mendatangkan faedah atau tidak kepada struktur kewangan yang kukuh di Malaysia; dan
- (b) sama ada kepentingan orang awam akan dipenuhi atau tidak jika lesen dikeluarkan,

boleh memberikan suatu lesen, dengan atau tanpa syarat-syarat, atau enggan memberikan lesen.

(3) Bank hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusan Menteri.

17. (1) Bank, apabila diterima suatu permohonan untuk mendapatkan lesen untuk menjalankan perniagaan pembrokeran insurans atau perniagaan .pengajusteran, boleh memberikan suatu lesen, dengan atau tanpa syarat-syarat atau enggan memberikan lesen.

Lesen bagi broker msurans dan ajuster.

(2) Lesen bagi broker insurans atau ajuster hendaklah bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Bank dalam lesen.

18. (1) Seseorang penanggung insurans tempatan berlesen hendaklah mengekalkan modal syer berbayar yang minimum sebanyak amaun yang ditetapkan.

Modal syer berbayar yang minimum atau lebih aset berbanding dengan liabiliti.

Penalti: Tiga juta ringgit. Penalti ingkar.

(2) Seseorang penanggung insurans asing berlesen hendaklah mengekalkan di Malaysia pada setiap masa lebihan aset yang minimum berbanding dengan amaun liabiliti sebanyak amaun yang boleh ditetapkan.

Penalti: Tiga juta ringgit. Penalti ingkar.

(3) Seseorang broker insurans berlesen atau ajuster berlesen hendaklah mengekalkan pada setiap masa modal syer berbayar yang minimum yang tidak terjejas oleh kerugian sebanyak amaun yang ditetapkan.

Penalti: Satu ratus ribu ringgit. Penalti ingkar.

19. Tiada seorang pun penanggung insurans berlesen boleh mengeluarkan sesuatu notis, iklan, atau apa-apa penerbitan rasmi yang lain, yang mengandungi suatu pernyataan mengenai modal syernya yang dibenarkan olehnya melainkan jika dia menyatakan amaun modal syer yang telah dilanggan dan telah dibayar.

Penyata modal.

Penalti: Satu ratus ribu ringgit.

Kehendak
tentang
prospektus.

20. Seseorang penanggung insurans berlesen tidaklah boleh mengeluarkan, mengelilingkan atau mengedarkan prospektusnya melainkan jika—

- (a) Bank telah meluluskan prospektus itu secara bertulis; atau
- (b) dia telah mengubahsuaikan prospektus itu mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Bank.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit.

Fee lesen.

21. (1) Seseorang pemegang lesen, apabila dilesenkan, hendaklah membayar kepada Bank suatu fee lesen sebanyak amaun, atau yang dikira pada kadar atau mengikut cara yang ditetapkan.

(2) Mana-mana penanggung insurans berlesen hendaklah membayar kepada Bank—

- (a) suatu fee apabila menerima kelulusan Bank di bawah seksyen 36 bagi menubuhkan sesuatu pejabat di Malaysia, selain daripada tempat utama perniagaannya; dan
- (b) pada atau sebelum 31 Januari tiap-tiap tahun, suatu fee tahunan bagi lesen itu dan berkenaan dengan tempat utama perniagaannya dan setiap pejabatnya yang lain,

sebanyak amaun, atau yang dikira pada kadar atau mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit. Penalti ingkar.

Keanggotaan
persatuan.

22. (1) Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menjalankan perniagaan berlesennya melainkan jika dia adalah anggota persatuan—

- (a) penanggung insurans hayat bagi perniagaan insurans hayat;
- (b) penanggung insurans am bagi perniagaan insurans am;
- (c) broker insurans; atau
- (d) ajuster,

yang dokumen konstituennya telah diluluskan oleh Bank.

(2) Tiada pindaan boleh dibuat kepada dokumen konstituen sesuatu persatuan tanpa kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit. Penalti ingkar.

(3) Bank boleh mengarahkan sesuatu persatuan untuk mengambil, atau tidak mengambil, apa-apa tindakan yang ditentukan olehnya.

23. Menteri, dalam hal seseorang penanggung insurans berlesen, atau Bank, dalam hal seseorang broker insurans berlesen atau ajuster berlesen, pada bila-bila masa—

- (a) boleh mengenakan apa-apa syarat ke atas sesuatu lesen; atau
- (b) boleh meminda apa-apa syarat yang dikenakan ke atas sesuatu lesen.

24. (1) Sesuatu lesen hendaklah dalam bentuk yang ditentukan oleh Bank. Bentuk lesen.

(2) Sesuatu lesen hendaklah dikeluarkan di bawah tandatangan—

- (a) Menteri, dalam hal seseorang penanggung insurans; atau
- (b) Gabenor, dalam hal seseorang broker insurans atau ajuster.

25. Suatu pemegang lesen hendaklah mempamerkan suatu salinan lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen 24(2) di tempat utama perniagaannya pada kedudukan yang mudah dilihat dan melainkan jika dikecualikan secara bertulis oleh Bank, di setiap pejabatnya yang lain, selain daripada pangkalan elektronik. Pempameran lesen.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit.

26. Tiap-tiap pemegang lesen, melainkan jika dikecualikan oleh Bank secara bertulis, hendaklah melekatkan atau mengecat di luar setiap pejabatnya di suatu tempat yang ketara dan mudah dibaca dalam bahasa kebangsaan, mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Bank, namanya Nama hendaklah dilekatkan di luar pejabat.

dan perkataan "penanggung insurans berlesen", "broker insurans berlesen" atau "ajuster berlesen", mengikut mana-mana yang berkenaan, atau apa-apa perkataan yang lain yang secara jelas menunjukkan perniagaan yang baginya dia dilesenkan.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit.

Mula
berniaga

27. (1) Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah mula menjalankan perniagaan berlesennya tidak lebih daripada dua belas bulan selepas tarikh pengeluaran lesennya.

(2) Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah disifatkan telah menjalankan perniagaan berlesennya jika dia telah menubuhkan tempat utama perniagaannya dan mengeluarkan polisi berkenaan dengan perniagaan itu.

(3) Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah memberitahu Bank secara bertulis dalam tempoh empat belas hari dari permulaan menjalankan perniagaan berlesennya.

(4) Jika seseorang penanggung insurans berlesen tidak memulakan perniagaan berlesennya setelah tamat tempoh yang dalam subseksyen (1), lesennya hendaklah disifatkan telah dibatalkan.

Sekatan ke
atas
perniagaan.

28. Kecuali dengan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu, seseorang pemegang lesen tidaklah boleh menjalankan apa-apa aktiviti di dalam atau di luar Malaysia melainkan yang berkaitan dengan atau bagi maksud perniagaan berlesennya.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

Pindaan
kepada butir-
butir
pelesenan.

29. (1) Seseorang pemegang lesen tidaklah boleh membuat apa-apa pindaan kepada butir-butir pelesenannya, termasuk dokumen konstituennya, melainkan jika dia telah memberikan kepada Bank secara bertulis butir-butir pindaan yang dicadangkan itu dan memperolehi kelulusan secara bertulis daripada Bank terlebih dahulu.

Penalti: Satu juta ringgit.

(2) Seseorang pemegang lesen, dalam tempoh tiga puluh hari selepas apa-apa pindaan dibuat kepada dokumen konstituennya, hendaklah memberikan kepada Bank—

- (a) butir-butir secara bertulis mengenai pindaan itu yang ditentusahkan dengan sewajarnya melalui suatu akuan berkanun yang dibuat oleh salah seorang daripada pengarahnya; dan
- (b) suatu salinan dokumen konstituen yang telah dipinda.

Penalti: Satu ratus ribu ringgit. Penalti ingkar.

30. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah menguruskan perniagaan berlesennya secara eksklusif dan, kecuali sebagaimana yang boleh diluluskan oleh Bank secara bertulis sehingga apa-apa takat dan bagi apa-apa tempoh yang ditentukannya, tidaklah boleh membenarkan mana-mana bahagian perniagaan berlesennya diuruskan oleh orang lain.

Perniagaan berlesen hendaklah dijalankan secara eksklusif oleh pemegang lesen.

Penalti: Tiga juta ringgit. Penalti ingkar.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang penanggung insurans berlesen—

- (a) boleh mengatur untuk menjalankan perniagaan berlesennya secara bersesama atau melalui seorang penanggung insurans berlesen atau lebih yang menurutnya penanggung insurans berlesen itu berkongsi perniagaan itu pada nisbah sebagaimana yang dipersetujui; atau
- (b) boleh menanggung insurans bersama-sama dengan penanggung insurans berlesen yang lain.

31. (1) Menteri, atas syor Bank, boleh membatalkan lesen seseorang penanggung insurans berlesen, dan Bank boleh membatalkan lesen seseorang broker insurans berlesen atau ajuster berlesen, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika—

Pembatalan lesen.

- (a) penanggung insurans berlesen itu telah berhenti mengeluarkan apa-apa polisi baru berkenaan dengan perniagaan berlesennya;

- (b) broker insurans berlesen itu telah berhenti menjalankan perniagaan pembrokeran insurans;
- (c) ajuster berlesen itu telah berhenti menjalankan perniagaan pengajusteran;
- (d) pemegang lesen itu menjalankan perniagaannya mengikut cara yang mungkin memudaratkan kepentingan pelanggannya;
- (e) pemegang lesen itu melanggar atau telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana syarat yang dikenakan ke atas lesennya atau mana-mana arahan yang diberikan oleh Bank di bawah Akta ini tanpa mengambil kira bahawa tiadanya pendakwaan bagi suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu;
- (f) pemegang lesen itu, atau mana-mana pegawainya yang bertanggungjawab bagi pengurusannya, telah memberikan maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat atau telah menyembunyikan, atau tidak mendedahkan, fakta material dalam permohonannya untuk mendapatkan lesen atau dalam apa-apa penyata yang difailkan di bawah Akta ini;
- (g) pemegang lesen itu, atau mana-mana pengarahnya atau pegawainya yang bertanggungjawab bagi pengurusannya, telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau suatu kesalahan berhubung dengan fraud atau kecurangan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (h) pemegang lesen itu tak dapat menunaikan obligasinya di bawah Akta ini, sama ada obligasi kewangan atau selainnya;
- (i) pemegang lesen itu bercadang hendak membuat atau telah membuat suatu komposisi atau perkiraan dengan pemiutangnya atau telah dilikuidasikan atau telah diperintahkan supaya digulung atau dibubarkan selainnya;

- (j) seorang penerima atau pengurus harta pemegang lesen itu telah dilantik;
- (k) milik harta pemegang lesen itu telah diambil oleh atau bagi pihak seorang pemegang debentur berikutan dengan suatu gadaian atas harta itu; atau
- (l) adalah demi kepentingan awam untuk berbuat sedemikian.

(2) Menteri, atas syor Bank, boleh membatalkan lesen seseorang penanggung insurans berlesen jika dia berpuas hati bahawa penanggung insurans berlesen itu telah tidak menguatkuasakan perkiraan insurans semula yang sesuai bagi perniagaan itu dan telah tidak mematuhi arahan bertulis Bank mengenai perkiraan insurans semula di bawah subseksyen 57(3).

(3) Jika suatu lesen dicadang dibatalkan, suatu notis bertulis yang menyatakan pembatalan yang dicadangkan itu dan alasan bagi pembatalan itu hendaklah diberikan kepada pemegang lesen.

(4) Pemegang lesen hendaklah diberikan suatu peluang untuk membuat representasi bertulis kepada Bank dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penyampaian notis itu.

(5) Jika tiada representasi bertulis diterima oleh Bank dalam tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (4), Menteri, atau Bank, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah membatalkan lesen itu melalui notis bertulis.

(6) Jika representasi diterima, Menteri dalam hal seseorang penanggung insurans berlesen, atau Bank, dalam hal seseorang broker insurans berlesen atau ajuster berlesen, apabila mempertimbangkan representasi itu, hendaklah memberikan kepada pemegang lesen notis bertulis mengenai keputusan itu.

(7) Suatu pembatalan di bawah subseksyen (5), atau suatu keputusan di bawah subseksyen (6), tidaklah boleh berkuatkuasa pada tarikh yang lebih awal daripada empat belas hari dari tarikh notis itu.

(8) Jika Menteri, dalam hal seseorang penanggung insurans berlesen, atau Bank, dalam hal seseorang broker insurans berlesen atau ajuster berlesen, memutuskan untuk tidak membatalkan lesen itu, Menteri atau Bank, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengenakan apa-apa syarat atau sekatan ke atas lesen sebagaimana yang ditentukan dalam notis itu.

(9) Suatu pembatalan lesen hendaklah disiarkan dalam *Warta* dengan seberapa segera yang mungkin, tetapi apa-apa kelewatan dalam penyiaran atau kegagalan untuk menyiarkan sedemikian tidaklah dengan apa-apa cara menjejaskan kesahan pembatalan itu.

Rayuan
terhadap
pembatalan
lesen.

32. (1) Seseorang penanggung insurans yang tak berpuas hati dengan pembatalan lesennya, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis bertulis mengenai keputusan Menteri di bawah subseksyen 31 (5) atau (6), boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Mahkamah.

(2) Seseorang broker insurans atau ajuster yang tak berpuashati dengan pembatalan lesennya, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis bertulis mengenai keputusan Bank di bawah subseksyen 31 (5) atau (6), merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri.

Kesan
pembatalan
lesen.

33. (1) Jika pembatalan suatu lesen telah berkuatkuasa, penanggung insurans, broker insurans atau ajuster itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dengan serta-merta berhenti daripada menjalankan perniagaannya.

Penalti: Penanggung insurans—Pemenjaraan selama sepuluh tahun atau sepuluh juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

Broker insurans—Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

Ajuster—Pemenjaraan selama satu tahun atau satu juta ringgit atau kedua-duanya, Penalti ingkar.

(2) Pembatalan sesuatu lesen tidaklah boleh menjejaskan penguatkuasaan apa-apa hak atau tuntutan oleh, atau terhadap, seseorang penanggung insurans, seseorang broker insurans atau seseorang ajuster.

(3) Walau pun lesennya dibatalkan, penanggung insurans, broker insurans atau ajuster itu, kecuali Menteri atas syor Bank memutuskan selainnya, hendaklah terus tertakluk kepada Akta ini sehingga takat yang sama seperti seorang pemegang lesen dan hendaklah terus menunaikan obligasinya selagi liabilitinya yang ada tidak ditunaikan atau tidak diperuntukkan selainnya sehingga memuaskan hati Bank.

34. Bank hendaklah menyebabkan disiarkan dalam *Warta* suatu senarai penanggung insurans berlesen, tidak lewat dari 31 Mac setiap tahun dan tambahan kepada atau pemotongan daripada senarai itu hendaklah disiarkan dari semasa ke semasa apabila ia dibuat.

Senarai penanggung insurans berlesen hendaklah diwartakan

BAHAGIAN III

SUBSIDIARI DAN PEJABAT PEMEGANG LESEN

35. Tiada seorang pun pemegang lesen yang diperbadankan di Malaysia boleh menubuhkan atau memperolehi sesuatu subsidiari di dalam atau di luar Malaysia tanpa kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu.

Subsidiari pemegang lesen.

Penalti: Tiga juta ringgit. Penalti ingkar.

36. (1) Tiada seorang pun pemegang lesen yang diperbadankan di Malaysia boleh membuka suatu pejabat di dalam atau di luar Malaysia, dan tiada seorang pun penanggung insurans asing berlesen boleh membuka suatu pejabat di Malaysia tanpa kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu.

Pejabat pemegang lesen.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

(2) Subseksyen (1) terpakai bagi penempatan semula sesuatu pejabat.

37. Sesuatu permohonan untuk mendapatkan kelulusan Bank di bawah seksyen 35 atau 36 hendaklah mengandungi apa-apa maklumat dan dokumen yang ditentukan oleh Bank.

Permohonan di bawah seksyen 35 atau 36.

BAHAGIAN IV

KUMPULAN WANG INSURANS DAN KUMPULAN WANG
PEMEGANG SYER

Penubuhan
kumpulan
wang
insurans.

38. (1) Seseorang penanggung insurans hayat berlesen hendaklah menubuhkan dan menyenggarakan suatu kumpulan wang insurans yang berasingan bagi polisi Malaysianya dan polisi asingnya.

(2) Seseorang penanggung insurans am berlesen hendaklah menubuhkan dan menyenggarakan suatu kumpulan wang insurans yang berasingan bagi polisi Malaysianya dan polisi asingnya.

(3) Seseorang penanggung insurans semula profesional asing berlesen hendaklah menubuhkan dan menyenggarakan suatu kumpulan wang insurans yang berasingan bagi polisi hayat Malaysianya dan bagi polisi am Malaysianya.

(4) Seseorang penanggung insurans hendaklah menyenggarakan suatu kumpulan wang insurans selagi dia berada di bawah liabiliti berkenaan dengan mana-mana polisi atau tuntutan insurans berhubungan dengan kumpulan wang itu.

Penalti: Pemenjaraan selama lima tahun atau lima juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(5) Walauapapun subseksyen (1), (2) dan (3), Bank—

(a) dengan mengambil kira kecilnya jumlah polisi asing yang dikeluarkan oleh seseorang penanggung insurans berlesen, boleh membenarkan penanggung insurans berlesen itu menyenggarakan hanya satu kumpulan wang insurans bagi polisi Malaysianya dan polisi asingnya; atau

(b) mengarahkan seseorang penanggung insurans berlesen supaya menubuhkan dan menyenggarakan suatu kumpulan wang insurans yang berasingan bagi mana-mana kategori atau perihalannya perniagaan insuransnya, yang akan

dipanggil dengan apa-apa nama yang ditentukan oleh Bank.

Penalti: Pemenjaraan selama satu tahun atau satu juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

39. (1) Jika seseorang penanggung insurans berlesen telah menubuhkan sebelum tarikh berkuatkuasa, atau menubuhkan pada atau selepas tarikh itu, suatu kumpulan wang insurans—

Penemuan polisi berhubungan dengan kumpulan wang insurans.

- (a) penanggung insurans berlesen itu, pada atau seberapa segera yang praktik selepas tarikh berkuatkuasa atau tarikh yang kumpulan wang insurans itu ditubuhkan, mengikut mana-mana tarikh yang terkemudian, hendaklah menentukan, jika ada, antara polisi yang dikeluarkan olehnya, atau yang di bawahnya dia telah mengakujaji liabiliti, sebelum tarikh yang terkemudian itu ialah polisi yang berhubungan dengan kumpulan wang insurans itu; dan
- (b) penanggung insurans berlesen itu, apabila mengeluarkan, atau mengakujaji liabiliti di bawah, suatu polisi pada atau selepas tarikh yang terkemudian itu, hendaklah menentukan kumpulan wang insurans yang dengannya polisi itu berhubungan.

(2) Jika seseorang penanggung insurans berlesen menentukan bahawa sesuatu polisi berhubungan dengan suatu kumpulan wang insurans, polisi itu hendaklah, bagi maksud Akta ini, disifatkan, dan terus disifatkan, termasuk dalam kumpulan wang insurans itu sehingga penentuan itu dibatalkan.

40. (1) Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah membayar ke dalam suatu kumpulan wang insurans kesemua wang yang diterima olehnya berkenaan dengan polisi daripada suatu kelas yang kumpulan wang insurans itu berhubungan dan yang dikeluarkan olehnya atau yang di bawahnya dia telah mengakujaji liabiliti.

Kredit ke dalam kumpulan wang insurans.

(2) Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah membawa kepada suatu kumpulan wang insurans kesemua pendapatan yang timbul daripada pelaburan aset kumpulan wang insurans itu.

Penalti: Pemenjaraan selama lima tahun atau lima juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

Penggunaan
kumpulan
wang
insurans.

41. (1) Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah menyenggarakan pada setiap masa, aset dalam kumpulan wang insuransnya yang nilainya adalah bersamaan dengan atau lebih tinggi daripada liabiliti kumpulan wang insurans itu.

Penalti: Pemenjaraan selama lima tahun atau lima juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Tertakluk kepada seksyen 122, seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah menggunakan aset suatu kumpulan wang insurans hanya untuk memenuhi apa-apa liabilitinya dan perbelanjaannya yang sepatutnya berkaitan dengan kumpulan wang insurans itu.

Penalti: Pemenjaraan selama lima tahun atau lima juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

Aset
kumpulan
wang
insurans.

42. (1). Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah menyimpan aset kumpulan wang insuransnya berasingan daripada asetnya yang lain.

Penalti: Pemenjaraan selama lima tahun atau lima juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Seseorang penanggung insurans berlesen tidaklah boleh memasukkan mana-mana yang berikut sebagai aset kumpulan wang insurans:

- (a) suatu amaun kerana nama baik;
- (b) perbelanjaan pembangunan atau apa-apa amaun yang dipermodalkan berkenaan dengan perbelanjaan sedemikian;
- (c) apa-apa butiran perbelanjaan yang lain yang sama dengan butiran dalam perenggan (b) yang tidak boleh dihasilkan selain daripada perniagaan itu, keseluruhannya atau sebahagiannya, yang dengannya kumpulan wang insurans itu berhubung; dan

(d) apa-apa aset yang lain yang ditentukan oleh Bank.

43. (1) Jika terdapat lebih aset berbanding dengan liabiliti dalam suatu kumpulan wang insurans am pada akhir sesuatu tahun kewangan, penanggung insurans berlesen boleh mengeluarkan lebih itu tertakluk kepada—

Pengeluaran daripada kumpulan wang insurans.

(a) apa-apa suratcara atau kontrak yang mengikat penanggung insurans am berlesen itu; atau

(b) dokumen konstituennya.

(2) Jika pada penilaian aktuari sesuatu kumpulan wang insurans hayat, terdapat lebih aset berbanding dengan liabiliti dalam sesuatu kumpulan wang insurans hayat pada akhir sesuatu tahun kewangan, penanggung insurans berlesen, atas syor aktuari yang dilantik, boleh menguntukkan sebahagian daripada lebih yang berkaitan dengan polisi sertaan dan polisi ketaksertaan—

(a) melalui bonus kepada polisi sertaan; dan

(b) bagi mengeluarkan daripada kumpulan wang insurans hayat itu kepada kumpulan wang pemegang syer,

tertakluk kepada had dan apa-apa kadar yang ditetapkan.

(3) Jika jumlah wang yang boleh dipindahkan daripada suatu kumpulan wang insurans hayat mengikut mana-mana suratcara atau kontrak yang mengikat penanggung insurans hayat berlesen, atau dokumen konstituennya adalah kurang daripada jumlah wang yang dibenarkan di bawah subseksyen (2), maka jumlah wang yang kurang itu bolehlah dipindahmilikkan.

(4) Bagi maksud subseksyen (2), yang berikut hendaklah disifatkan sebagai suatu polisi hayat sertaan:

(a) suatu peluasan polisi hayat sertaan yang tidak memberikan hak untuk berkongsi dalam lebihan suatu kumpulan wang insurans hayat; atau

(b) suatu polisi ketaksertaan yang mempunyai peluasan yang memberikan hak untuk berkongsi dalam lebihan suatu kumpulan wang insurans hayat.

Penilaian aset dan penentuan liabiliti. **44.** Bank boleh menetapkan cara bagi—

- (a) menilai aset kumpulan wang insurans dan aset lain seseorang penanggung insurans berlesen; dan
- (b) menentukan liabiliti kumpulan wang insurans dan liabiliti lain penanggung insurans berlesen.

Pelaburan aset **45.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah melaburkan asetnya mengikut apa-apa cara, dan menyenggarakan aset itu di mana-mana tempat, yang ditetapkan.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Bank boleh mengarahkan seseorang penanggung insurans berlesen secara bertulis—

- (a) supaya tidak membuat pelaburan daripada sesuatu kelas atau perihalan tertentu; atau
- (b) supaya menghasilkan, sebelum tamat tempoh tertentu atau tempoh lanjut yang diluluskan oleh Bank, keseluruhan atau sesuatu bahagian tertentu pelaburannya.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

Margin kesolvenan. **46.** (1) Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah mengekalkan margin kesolvenan berkenaan dengan setiap kelas perniagaan insuransnya dalam apa-apa amaun, dan mengikut apa-apa cara, yang ditetapkan.

Penalti: Pemenjaraan selama lima tahun atau lima juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Bank boleh menentukan—

- (a) kelas atau perihalan aset seseorang penanggung insurans berlesen; atau
- (b) takat bagi sesuatu kelas atau perihalan aset seseorang penanggung insurans berlesen.

yang boleh diambil kira bagi maksud margin kesolvenan penanggung insurans berlesen itu.

(3) Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah memegang aset yang mewakili margin kesolvenannya dalam kumpulan wang insuransnya masing-masing melainkan jika diluluskan selainnya oleh Bank.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (3), seseorang penanggung insurans asing berlesen, boleh memegang aset yang mewakili margin kesolvenannya, keseluruhannya atau sebahagiannya, di luar kumpulan wang insuransnya dan aset itu hendaklah menjadi sebahagian daripada aset yang dipegang pada mematuhi subseksyen 18(2).

(5) Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah mengenalpasti aset yang mewakili margin kesolvenannya berkenaan dengan perniagaan hayatnya atau perniagaan amnya yang dipegang di luar kumpulan wang insuransnya bagi kelas itu dan aset itu hendaklah disifatkan sebagai aset kumpulan wang insurans itu.

47. (1) Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah menubuhkan dan menyenggarakan dalam bentuk yang ditetapkan—

Daftar polisi dan daftar tuntutan.

- (a) suatu daftar berasingan bagi polisi Malaysianya dan polisi asingnya; dan
- (b) suatu daftar berasingan bagi tuntutan di bawah polisi Malaysianya dan tuntutan di bawah polisi asingnya.

(2) Kecuali dengan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu, seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah menyimpan daftar itu di tempat utama perniagaannya di Malaysia.

(3) Maka hendaklah dicatatkan dalam daftar itu masing-masing—

- (a) tiap-tiap polisi, sebaik sahaja ia dikeluarkan oleh, atau dipindahkan kepada, penanggung insurans berlesen; dan
- (b) tiap-tiap tuntutan insurans, sebaik sahaja penanggung insurans berlesen menyedari tentangnya,

dan tiada polisi atau tuntutan insurans yang telah dicatatkan sedemikian boleh dikeluarkan daripada daftar selagi penanggung insurans berlesen itu berada di bawah apa-apa liabiliti berkenaan dengan polisi atau tuntutan insurans itu.

Penalti : Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

(4) Seseorang penanggung insurans berlesen, atas permintaan seseorang yang mempunyai kepentingan dalam sesuatu polisi atau tuntutan insurans, hendaklah memberitahu orang itu sama ada atau tidak polisi atau tuntutan insurans itu dicatatkan dalam daftar itu.

Dokumen
hakmilik.

48. (1) Sesuatu aset seseorang penanggung insurans berlesen, termasuklah aset kumpulan wang insuransnya, hendaklah dipegang atas nama perbadanannya dan tiap-tiap dokumen yang membuktikan hakmiliknya atau haknya kepada sesuatu aset hendaklah atas nama perbadanannya.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya, Penalti ingkar.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Bank, atas permohonan seseorang penanggung insurans berlesen, boleh membenarkan asetnya dipegang atas nama penamanya tertakluk kepada syarat yang ditentukan oleh Bank.

(3) Dokumen yang disebut dalam subseksyen (1)—

- (a) hendaklah disimpan di Malaysia dalam jagaan penanggung insurans berlesen itu atau suatu bank berlesen dan, jika kerana apa-apa sebab khas sesuatu dokumen disimpan dalam jagaan mana-mana orang lain bagi pihaknya, dia hendaklah memberitahu Bank secara bertulis mengenai orang itu dan sebab bagi jagaannya dan mengenai apa-apa perubahan dalam jagaan itu dan sebab baginya;
- (b) boleh disimpan di luar Malaysia, dengan kelulusan bertulis daripada Bank, dalam jagaan seseorang di tempat itu, dan tertakluk kepada apa-apa terma, yang ditentukan; atau
- (c) boleh disimpan dalam jagaan penanggung insurans tempatan berlesen itu, atau suatu bank, di negara di mana ia menjalankan perniagaan

setakat yang aset itu berhubungan dengan perniagaannya di negara itu, dan penanggung insurans tempatan berlesen itu hendaklah memberitahu Bank secara bertulis mengenai penjaga dokumennya dan Bank boleh menghendaki penanggung insurans tempatan berlesen itu supaya mengemukakan suatu perakuan daripada penjaga atau juruauditnya yang mengesahkan kewujudan dokumen itu.

(4) Suatu dokumen yang disebut dalam perenggan 3(a) atau (b), hendaklah dikemukakan bagi pemeriksaan—

(a) kepada pegawai Bank; dan

(b) dalam apa-apa tempoh,

yang ditentukan oleh Bank melalui notis bertulis kepada penanggung insurans berlesen itu atau kepada penjaga dokumen itu.

Penalti: Pemenjaraan selama satu tahun atau satu juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

49. (1) Tiada seseorang pun penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen—

(a) boleh memberikan kemudahan kredit dengan cagaran syernya sendiri;

(b) kecuali dalam hal keadaan khas dan dalam amaun yang diluluskan oleh Bank, bolehlah memberikan suatu kemudahan kredit—

(i) kepada mana-mana pengarahnya selain daripada dalam hal seseorang penanggung insurans hayat berlesen, suatu kemudahan kredit yang bercagarkan dengan polisi hayatnya yang dipegang oleh pengarah itu yang tidak melebihi nilai serahan polisi itu;

(ii) kepada suatu syarikat atau firma yang mana ia atau mana-manapengarahnya mempunyai apa-apa kepentingan sebagai pengarah, pekongsi, pengawal, pengurus atau ejen, atau kepada seorang individu yang baginya atau suatu

Sekatan ke atas pemberian kemudahan kredit.

- syarikat atau firma yang baginya mana-mana pengarahnya adalah seorang penjamin;
- (iii) kepada suatu syarikat yang dalamnya dia, atau mana-mana satu pengarahnya atau lebih, mempunyai kepentingan mengenai syer sebanyak dua puluh peratus atau lebih dalam penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan;
 - (iv) kepada suatu syarikat yang mempunyai kepentingan mengenai syer sebanyak dua puluh peratus atau lebih dalam penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
 - (v) kepada suatu syarikat yang dalamnya syarikat dalam subperenggan (iv) mempunyai kepentingan mengenai syer sebanyak dua puluh peratus atau lebih;
- (c) kecuali dalam hal keadaan khas dan pada setakat yang diluluskan oleh Bank—
- (i) memberikan kepada seseorang, selain daripada pekerjaanya, suatu kemudahan kredit yang tak bercagar;
 - (ii) bertindak sebagai penjamin bagi suatu kemudahan kredit yang diberikan kepada mana-mana orang;
 - (iii) membuat apa-apa transaksi jika suatu keuntungan material boleh terakru kepada mana-mana pengarahnya atau suatu syarikat yang dalamnya mana-mana pengarahnya mempunyai kepentingan mengenai syer sebanyak dua puluh peratus atau lebih; atau
 - (iv) membuat perkiraan dengan mana-mana orang untuk membuat mana-mana tindakan dalam subperenggan (i), (ii) atau (iii).

Penalti: Pemenjaraan selama lima tahun atau lima juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), "pengarah" termasuk sanak-saudara kepada seorang pengarah.

50. (1) Tiada seseorang penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen, kecuali dalam hal keadaan khas, dan dalam apa-apa amaun yang diluluskan oleh Bank, boleh memberikan kepada seseorang apa-apa kemudahan kredit melainkan jika kemudahan kredit itu dijamin sepenuhnya atau dicagar dengan harta yang nilainya tidak kurang daripada apa-apa perkadaran kemudahan kredit itu yang ditetapkan oleh Bank.

Cagaran bagi kemudahan kredit.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Jika pada bila-bila masa semasa tempoh sesuatu kemudahan kredit, nilai cagaran menurun kepada nilai yang kurang daripada perkadaran yang ditetapkan di bawah subseksyen (1), maka penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen itu hendaklah menghendaki peminjamnya mengadakan cagaran tambahan untuk mematuhi subseksyen (1) dalam tempoh sembilan hari atau apa-apa tempoh lain yang diluluskan oleh Bank.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

(3) Jika cagaran tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (2) tidak diadakan dalam tempoh yang ditentukan, penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen itu hendaklah mengambil langkah serta-merta untuk mendapatkan semula kemudahan kredit yang belum dijelaskan itu.

(4) Bagi maksud subseksyen (1) "dijamin" ertinya dijamin oleh orang yang ditetapkan.

51. Nilai sesuatu harta yang diadakan sebagai cagaran kepada seseorang penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen hendaklah—

Penilaian cagaran.

(a) nilai pasarannya; atau

(b) jika bagi apa-apa sebab adalah tidak mungkin untuk menentukan nilai pasarannya, nilai yang diluluskan oleh Bank atas permohonan orang yang mengambil cagaran itu yang sepatutnya menyatakan nilai yang dicapai oleh pemohon dan asas baginya.

Sekatan atau larangan ke atas cagaran.

52. Bank, berhubungan dengan seseorang penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen, boleh menetapkan—

- (a) Sekatan atau syarat yang tertakluk kepadanya sesuatu harta tertentu, atau sesuatu kelas harta, boleh diadakan sebagai cagaran; atau
- (b) supaya sesuatu harta tertentu, atau sesuatu kelas harta, dilarang daripada diadakan sebagai cagaran.

Sekatan ke atas aset.

53. Tiada seorang pun penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen, kecuali dengan kelulusan bertulis Bank terlebih dahulu, boleh menyandakan atau menggadaikan mana-mana aset atau cagarannya.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

Pendedahan kepentingan dalam kemudahan kredit.

54. (1) Seorang pengarah, atau ketua pegawai eksekutif, seseorang penanggung insurans berlesen, atau seseorang broker insurans berlesen, atau pengurusnya yang bertanggungjawab bagi memproses sesuatu kemudahan kredit, yang mempunyai kepentingan, secara langsung atau tak langsung, dalam sesuatu kemudahan kredit daripada penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen itu, sebelum keputusan dibuat mengenai kemudahan kredit itu, hendaklah membuat suatu pengisytiharan kepada penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, secara bertulis tentang jenis dan takat kepentingannya mengenai peminjam atau kemudahan kredit itu,

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), suatu notis seseorang kepada lembaga pengarah seseorang penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang memberikan maksud bahawa dia mempunyai kepentingan dalam sesuatu kemudahan kredit yang, selepas tarikh notis itu, boleh diberikan kepada peminjam itu hendaklah disifatkan sebagai pengisytiharan kepentingan yang mencukupi berhubungan dengan kemudahan kredit yang telah diberikan sedemikian jika—

- (a) dia menentukan jenis dan takat kepentingannya mengenai peminjam itu; dan

- (b) pada masa kemudahan kredit itu diberikan, kepentingannya tidak berlainan dari segi jenis atau lebih daripada takat yang ditentukan dalam notis itu.

(3) Penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen dalam tempoh tujuh hari dari penerimaan pengisytiharan kepentingan berhubungan dengan kemudahan kredit, hendaklah memberikan suatu salinan pengisytiharan itu kepada juruauditnya, pengarahnya dan Bank.

55. Seorang pengarah seseorang penanggung insurans berlesen, atau seseorang broker insurans berlesen, yang memegang jawatan atau memiliki harta yang melaluinya, sama ada secara langsung atau tak langsung, sesuatu kewajipan atau kepentingan mungkin timbul yang bercanggah dengan kewajipan atau kepentingannya sebagai pengarah hendaklah mengisytiharkan hakikat, jenis dan takat percanggahan yang mungkin timbul pada mesyuarat pertama lembaga pengarah yang diadakan—

Pendedahan percanggahan kepentingan.

- (a) selepas orang itu menjadi pengarah penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen itu; atau
- (b) jika telah pun menjadi pengarah, selepas orang itu mula memegang jawatan atau memiliki harta yang melaluinya percanggahan itu mungkin timbul.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

56. Setiausaha seseorang penanggung insurans berlesen, atau seseorang broker insurans berlesen, hendaklah merekodkan apa-apa pengisytiharan yang dibuat di bawah seksyen 54 atau 55 dalam minit mesyuarat yang padanya ia dibuat atau yang padanya ia dibawa dan dibaca.

Setiausaha hendaklah merekodkan pengisytiharan.

57. (1) Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah membuat perkiraan insurans semula berkenaan dengan risiko yang diinsuranskan atau yang akan diinsuranskan dalam perjalanan perniagaan insuransnya yang konsisten dengan prinsip insurans yang kukuh.

Insurans semula.

(2) Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah mengemukakan bagi pemeriksaan Bank, atau menyerahkan kepada Bank, apa-apa butir-butir perkiraan insurans semulanya, dan apa-apa maklumat yang lain, sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank melalui notis secara bertulis dalam tempoh yang ditentukan dalam notis itu.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit. Penalti ingkar.

(3) Bank, jika ia berpuas hati bahawa—

- (a) terma perkiraan insurans semula itu adalah kurang baik bagi penanggung insurans berlesen;
- (b) perkiraan insurans semula itu dari segi teknikalnya tidak sesuai dengan portfolio penanggung insurans berlesen; atau
- (c) penanggung insurans semula atau broker insurans semula bukan orang yang layak dan sesuai untuk menjalankan perniagaan dengannya,

boleh memberikan apa-apa arahan secara bertulis sebagaimana yang difikirkannya sesuai, termasuk memberhentikan atau mengubahsuaikan perkiraan insurans semula itu atau menghendaki perlindungan insurans semula tambahan atau melarang penanggung insurans berlesen itu daripada membuat kontrak dengan mana-mana penanggung insurans semula atau melalui mana-mana broker insurans semula.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

BAHAGIAN V

ARAHAN DAN KAWALAN KE ATAS PENANGGUNG INSURANS YANG INKAR

58. (1) Jika aset sedia ada seseorang penanggung insurans berlesen hanya memadai atau kurang memadai untuk menampung margin kesolvenannya, lembaga pengarahnya, hendaklah dalam tempoh sembilan puluh hari selepas menyedari keadaan itu—

- (a) memberitahu Bank mengenai hakikat itu; dan

Pemberitahuan
terhadap
ketakpatuhan
margin
kesolvenan.

- (b) mengemukakan suatu rancangan perniagaan untuk memperbaiki kedudukan kewangannya.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Bank, setelah menimbang rancangan perniagaan itu, boleh mengarahkan penanggung insurans berlesen itu secara bertulis supaya memperbaiki atau memulihkan margin kesolvenannya mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Bank.

(3) Jika seseorang penanggung insurans berlesen tiada aset sedia ada untuk memenuhi margin kesolvenannya, Bank boleh memberikan notis secara bertulis dalam tempoh tidak kurang daripada tiga puluh hari-kepada penanggung insurans berlesen itu supaya mengemukakan suatu rancangan untuk memulihkan margin kesolvenannya.

(4) Bank boleh mempetisyen bagi penggulungan seseorang penanggung insurans berlesen jika dia—

- (a) tidak mengemukakan rancangan perniagaan untuk memulihkan margin kesolvenannya; atau
- (b) mengemukakan rancangan perniagaan yang tidak dapat diterima oleh Bank.

59. (1) Seksyen ini terpakai jika Bank berpuas hati bahawa—

- (a) seseorang penanggung insurans berlesen—
 - (i) menjalankan perniagaan dengan cara yang memudaratkan kepentingan pemunya polisinya, pemiutangnya, atau orang awam secara amnya;
 - (ii) menanggung perbelanjaan tinggi yang tidak wajar dalam memperolehi, menyenggarakan atau mentadbirkan perniagaan insuransnya berbanding dengan pendapatan premiumnya;
 - (iil) berada dalam keadaan yang baginya seksyen 58 terpakai; atau
 - (iv) telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, atau mana-mana syarat lesennya, atau mana-mana undang-undang bertulis

Tindakan terhadap penanggung insurans pekerja atau pengarah.

tanpa mengambil kira bahawa tiada pendakwaan jenayah dikenakan berkenaan dengan pelanggaran itu; atau

- (b) seorang pengarah atau pegawai penanggung insurans berlesen—
- (i) mempunyai kepentingan kewangan, secara langsung atau tak langsung, dalam suatu perkara dan kepentingan tersebut menimbulkan konflik dengan pelaksanaan tugasnya berhubungan dengan perkara itu; atau
 - (ii) menjalankan hal-ehwal penanggung insurans berlesen bagi kepentingan diri sendiri atau dengan cara yang memudaratkan kepentingan penanggung insurans berlesen itu.

(2) Bank, melalui perintah secara bertulis, boleh melakukan apa-apa tindakan berhubungan dengan penanggung insurans berlesen itu, perniagaannya, pengarahnya atau pekerjaanya atau boleh menghendaki penanggung insurans berlesen itu supaya melakukan atau tidak melakukan apa-apa tindakan berhubungan dengan dirinya, perniagaannya, pengarahnya atau pekerjaanya.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(3) Bank, sama ada atau tidak apa-apa tindakan telah diambil di bawah subseksyen (2), dengan kelulusan Menteri, melalui perintah secara bertulis boleh membuat kesemua atau mana-mana daripada yang berikut:

- (a) memecat daripada pekerjaan atau jawatan, berkuatkuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam perintah itu, mana-mana pekerja atau pengarah penanggung insurans berlesen itu, atau melantik seseorang sebagai—
- (i) pekerja penanggung insurans berlesen dalam apa-apa jawatan dengan perihalankerja dan kuasa sebagaimana yang diperihalkan dalam perintah itu; atau
 - (ii) pengarah penanggung insurans berlesen itu,

dan memperuntukkan dalam perintah itu supaya pekerja atau pengarah yang dilantik sedemikian dibayar oleh penanggung insurans berlesen apa-apa saraan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu walau apa pun apa-apa dalam mana-mana undang-undang bertulis, atau apa-apa batasan yang terkandung dalam dokumen konstituennya;

- (b) melantik seseorang untuk menasihati penanggung insurans berlesen berhubung dengan cara yang sewajarnya untuk menjalankan perniagaannya, dan memperuntukkan dalam perintah itu supaya orang yang dilantik sedemikian dibayar oleh penanggung insurans berlesen apa-apa saraan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; atau
- (c) menamatkan mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat oleh penanggung insurans berlesen itu dengan mana-mana orang berhubung dengan perniagaannya atau selainnya.

(4) Menteri, sama ada atau tidak apa-apa tindakan telah diambil di bawah subseksyen (2) atau (3), atas syor Bank, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, boleh memperuntukkan—

- (a) bagi Bank mengambil alih kawalan, atau meneruskan, keseluruhan atau sebahagian harta, perniagaan, dan hal-ehwal penanggung insurans, atau bagi Bank melantik orang yang dilantik untuk berbuat sedemikian bagi pihak Bank dan perlantikan itu hendaklah mengikat penanggung insurans berlesen itu dan bagi kos dan perbelanjaan Bank, atau saraan orang yang dilantik itu dibayar sebagai gadaian pertama oleh penanggung insurans berlesen itu; atau
- (b) sama ada atau tidak suatu perintah telah dibuat di bawah perenggan (a), bagi Bank mengemukakan suatu petisyen kepada Mahkamah bagi penggugulan penanggung insurans berlesen itu.

(5) Tiada perintah di bawah seksyen ini boleh dibuat melainkan jika penanggung insurans berlesen itu, pekerjaanya, pengarahnya atau seseorang telah diberikan peluang yang munasabah untuk membuat representasi secara bertulis kepada Bank atau Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Walau apa pun subseksyen (5), suatu perintah di bawah seksyen ini boleh dibuat dahulu dan peluang untuk membuat representasi diberikan sebaik sahaja selepas perintah itu dibuat jika apa-apa kelewatan akan memudaratkan kepentingan penanggung insurans berlesen, pemunya polisinya, atau orang awam secara amnya.

(7) Suatu perintah, berikutan dengan representasi yang dibuat di bawah subseksyen (5) atau (6), boleh disahkan, dipinda atau dibatalkan.

Peruntukan
berhubungan
dengan
perlantikan di
bawah
subseksyen
59(3) atau
(4).

60. (1) Seseorang yang dilantik oleh Bank di bawah perenggan 59(3)(a) atau (b) atau perenggan 59(4)(a) hendaklah dilantik bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Bank, dan perlantikan itu, apabila tamat tempoh permulaan itu, boleh dilanjutkan bagi apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Bank boleh membatalkan perlantikan orang itu pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa sebab.

Peruntukan
berhubungan
dengan
pemecatan di
bawah
perenggan
59(3)(a) atau
(c).

61. (1) Seseorang pekerja atau pengarah yang dipecat daripada pekerjaan atau jawatannya dengan penanggung insurans berlesen di bawah perenggan 59(3)(a) atau seseorang yang kontraknya ditamatkan di bawah perenggan 59(3)(c) hendaklah berhenti memegang jawatan yang daripadanya dia dipecat atau hendaklah berhenti daripada melaksanakan obligasinya di bawah kontrak itu berkuatkuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam perintah itu dan hendaklah berhenti daripada terlibat dalam perniagaan atau hal-ehwal penanggung insurans berlesen itu.

Penalti: Pemenjaraan seiama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Pemecatan seseorang pekerja atau pengarah di bawah perenggan 59(3)(a) atau penamatan sesuatu kontrak di bawah perenggan 59(3)(c) adalah menurut undang-undang dan sah walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam suatu kontrak perkhidmatan atau apa-apa kontrak lain, dan seseorang yang dipecat daripada jawatan atau yang kontraknya ditamatkan sedemikian, tidaklah berhak menuntut pampasan bagi kehilangan jawatan atau penamatan kontrak itu.

62. (1) Jika kawalan penanggung insurans berlesen telah diambil alih menurut suatu perintah di bawah subseksyen 59(4), penanggung insurans berlesen itu, pekerjaanya dan pengarahnya hendaklah mengadakan untuk Bank atau orang yang dilantik dengan apa-apa kemudahan, dokumen dan maklumat yang dikehendaki untuk menjalankan perniagaannya.

Peruntukan
berhubungan
dengan
pengabdalian
kawalan di
bawah
subseksyen
59(4)

Penalti: Pemenjaraan selama lima tahun atau lima juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Bank atau orang yang dilantik itu hendaklah mengawal dan menjalankan, harta, perniagaan dan hal-ehwal penanggung insurans berlesen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak penanggung insurans berlesen itu sehingga perintah di bawah subseksyen 59(4) dibatalkan.

(3) Semasa tempoh berkuatkuasanya suatu perintah di bawah subseksyen 59(4)—

- (a) tiada pengaruh seseorang penanggung insurans berlesen itu, boleh melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti berhubungan dengan penanggung insurans berlesen itu, secara langsung atau tak langsung, kecuali sebagaimana yang dikehendaki atau diberikuasa oleh Bank, atau orang yang dilantik itu;
- (b) tiada saraan boleh terakru atau kena dibayar kepada seseorang pengarah penanggung insurans berlesen itu melainkan jika diluluskan secara bertulis oleh Bank, atau orang yang dilantik itu, berhubungan dengan aktiviti yang dikehendaki atau diberikuasa oleh Bank, atau orang yang dilantik itu; dan
- (c) Bank atau orang yang dilantik hendaklah diletakhakkan dengan segala kuasa penanggung insurans berlesen itu, dan lembaga pengarahnya, di bawah dokumen konstituennya, atau yang boleh dijalankan oleh penanggung insurans berlesen itu atau pengarahnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis tanpa mengambil kira sama ada kuasa itu boleh dijalankan melalui ketetapan.

Penalti: Pemenjaraan selama lima tahun atau lima juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

Kesan perintah di bawah subseksyen 59(4).

63. Suatu perintah di bawah subseksyen 59(4)—

- (a) tidaklah mempunyai kesan memberikan kepada, atau meletakhakkan kepada, Bank, atau orang yang dilantik, apa-apa hakmilik kepada, atau apa-apa kepentingan benefisial mengenai, apa-apa harta penanggung insurans berlesen yang berhubungan dengan perintah itu;
- (b) tidaklah memberi kesan menyebabkan Bank, atau orang yang dilantik, bertanggung bagi apa-apa obligasi atau liabiliti penanggung insurans berlesen itu, sama ada dilakukan sebelum atau selepas perintah itu berkuatkuasa; dan
- (c) hendaklah memberi kesan menyebabkan semua peruntukan Akta Syarikat 1965, atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, yang tak konsisten dengan apa-apa jua yang terkandung dalam Bahagian ini, termasuklah peruntukan berhubungan dengan mesyuarat tahunan, dan mesyuarat luar biasa anggota penanggung insurans tidak terpakai bagi penanggung insurans berlesen itu.

Akta 125.

Kuasa untuk mengkensel atau mengeluarkan modal tambahan.

64. (1) Walau apa pun perenggan 64(1)(b) Akta Syarikat 1965, Bank boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan perintah untuk mengkensel apa-apa modal syer berbayar seseorang penanggung insurans berlesen yang telah kerugian atau tidak digambarkan oleh aset sedia ada.

(2) Bank, dalam permohonan itu, boleh memohon kepada Mahkamah untuk memulihkan modal syer penanggung insurans berlesen itu kepada amaun yang asal atau untuk menambahkan modal syer kepada amaun yang lebih banyak sebagaimana yang diminta oleh Bank, selepas mengambil kira takat kesolvenan penanggung insurans berlesen itu, dengan menghendaki penanggung insurans berlesen membuat suatu panggilan kepada anggotanya supaya melanggan modal syer tambahan itu.

(3) Jika seorang anggota tidak membuat langganan kepada modal syer tambahan penanggung insurans berlesen itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh panggilan itu dibuat, Bank boleh menguntukkan mana-mana syer yang tidak dilanggan kepada mana-mana orang.

(4) Jika modal syer seseorang penanggung insurans berlesen dikurangkan menurut subseksyen (1) atau ditambahkan menurut subseksyen (2), dokumen konstituennya, dengan tidak rnengambil kira bahawa pengubahan itu boleh dijalankan melalui ketetapan, hendaklah diubah tanpa ketetapan.

65. (1) Menteri, atas syor Bank, jika difikirkannya berfaedah untuk kepentingan pemunya polisi seseorang penanggung insurans berlesen yang baginya seksyen 58 terpakai, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, boleh memeruntukkan bagi semua atau mana-mana daripada yang berikut: Moratorium.

- (a) melarang penanggung insurans berlesen itu daripada menjalankan semua perniagaannya, atau mana-mana bahagiannya sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu;
- (b) melarang penanggung insurans berlesen itu daripada melakukan atau melaksanakan apa-apa perbuatan atau fungsi yang berkaitan dengan kesemua perniagaannya atau mana-mana bahagiannya sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu;
- (c) menggantung lesen penanggung insurans itu kepada takat dan bagi tempoh yang perlu untuk menguatkuasakan larangan di bawah perenggan (a) atau (b);
- (d) memberikuasa Bank untuk memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan perintah penangguhan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan, permulaan atau penerusan sesuatu kelas tindakan tertentu dan prosiding yang bersifat sivil oleh atau terhadap penanggung insurans berlesen itu mengenai mana-mana perniagaannya dan Mahkamah, setelah mendengar saman pemula *ex parte* yang difailkan oleh Bank, boleh membuat perintah itu; atau
- (e) menguatkuasakan perkara di bawah perenggan yang tersebut di atas, termasuk memberi Bank kuasa untuk mengambil ke dalam jagaan atau kawalannya

dokumen, harta, atau barang kegunaan penanggung insurans itu.

Penalti: Pemenjaraan selama lima tahun atau lima juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Suatu perintah di bawah subseksyen (1) boleh dipinda secara prospektif atau, jika tidak praktik atau tak adil untuk berbuat sedemikian, secara kebelakangan melalui suatu perintah selanjutnya di bawah subseksyen (1).

(3) Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah diberikan peluang yang munasabah untuk membuat representasi sebelum suatu perintah di bawah subseksyen (1) dibuat.

(4) Jika apa-apa kelewatan akan memudaratkan kepentingan pemunya polisi, suatu perintah di bawah subseksyen (1) boleh dibuat dahulu dan peluang untuk membuat representasi hendaklah diberikan sebaik sahaja selepas perintah itu dibuat dan berikutan dengan representasi itu, Menteri, atas syor Bank, boleh mengesahkan atau membatalkan perintah itu.

BAHAGIAN VI

PENGURUSAN PEMEGANG LESEN

Pendedahan
kepentingan
benefisial
mengenai
syer
mengundi.

66. (1) Seseorang pemegang lesen yang diperbadankan di Malaysia, melalui notis secara bertulis boleh menghendaki mana-mana anggotanya memberitahunya dalam apa-apa masa yang munasabah sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) sama ada dia memegang syer mengundi mengenai pemegang lesen itu sebagai pemunya benefisial atau sebagai pemegang amanah; dan
- (b) jika dia memegang syer itu sebagai pemegang amanah, untuk menunjukkan setakat yang dia boleh orang yang baginya dia memegang syer itu melalui nama dan apa-apa butir lain yang mencukupi untuk membolehkan orang itu dikenalpasti dan menentukan jenis kepentingannya,

(2) Jika seseorang pemegang lesen diberitahu oleh seseorang di bawah subseksyen (1) atau di bawah subseksyen ini bahawa orang lain mempunyai kepentingan mengenai

mana-mana syer mengundinya atau mana-mana syer mengundi mengenai sesuatu syarikat yang memegang syer mengundinya, pemegang lesen itu boleh melalui notis secara bertulis menghendaki orang lain itu memberitahunya dalam apa-apa masa yang munasabah sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) sama ada dia memegang kepentingan itu sebagai pemunya benefisial atau sebagai pemegang amanah; dan
- (b) jika dia memegang kepentingan itu sebagai pemegang amanah, untuk menunjukkan setakat yang dia boleh orang yang baginya dia memegang kepentingan itu melalui nama dan apa-apa lain yang mencukupi untuk membolehkan orang itu dikenalpasti dan menentukan jenis kepentingannya.

(3) Seseorang pemegang lesen atau sesuatu syarikat yang baginya seksyen ini terpakai, boleh melalui notis secara bertulis menghendaki mana-mana anggotanya memberitahunya dalam apa-apa masa yang munasabah sebagaimana yang dinyatakan dalam notis, sama ada apa-apa hak mengundi yang dibawa oleh mana-mana syer mengundi mengenai pemegang lesen atau syarikat itu yang dipegang olehnya adalah tertakluk kepada suatu perjanjian atau perkiraan yang di bawahnya orang yang satu lagi berhak untuk mengawal penggunaannya ke atas hak itu dan, jika sedemikian, untuk memberikan butir-butir perjanjian atau perkiraan itu dan pihak kepadanya.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (5), seorang melakukan suatu kesalahan jika dia—

- (a) tidak mematuhi notis di bawah seksyen ini; atau
- (b) berupa sebagai mematuhi notis di bawah seksyen ini, membuat suatu pernyataan yang diketahuinya sebagai palsu mengenai sesuatu butiran materialnya atau secara melulu membuat apa-apa pernyataan palsu mengenai sesuatu butiran material.

Penalti; Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

(5) Seorang tidaklah bersalah bagi suatu kesalahan di bawah perenggan (4)(a) jika dia membuktikan bahawa maklumat yang berkenaan itu telah sedia ada dalam milik pemegang lesen itu atau bahawa kehendak memberikannya adalah bagi apa-apa sebab lain yang remeh atau menyusahkan.

Pemerolehan
atau
pelupusan
agregat
kepentingan
syer
sebanyak
lima peratus.

67. (1) Tiada seorang pun boleh membuat perjanjian atau perkiraan untuk memperolehi atau melupuskan apa-apa kepentingan mengenai syer seseorang pemegang lesen yang diperbadankan di Malaysia atau pengawalnya yang menurutnya, jika perjanjian atau perkiraan itu dijalankan, dia akan, sama ada berseorangan atau dengan mana-mana sekutu, memperolehi atau melupuskan kepada seseorang, sama ada berseorangan atau dengan mana-mana sekutu, berserta dengan apa-apa kepentingan mengenai syer pemegang lesen itu atau pengawalnya yang sedia dipegang olehnya atau terdahulu dilupuskan olehnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu agregat kepentingan mengenai syer yang melebihi lima peratus daripada syer pemegang lesen itu atau pengawalnya tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Menteri, dalam hal seseorang penanggung insurans berlesen, dan Bank, dalam hal seseorang broker insurans berlesen atau ajuster berlesen.

(2) Tiada seorang pun yang telah mendapat kelulusan di bawah subseksyen (1), atau yang memegang lebih daripada lima peratus syer mengenai seseorang pemegang lesen atau pengawalnya, boleh membuat suatu perjanjian atau perkiraan kemudiannya untuk memperolehi atau melupuskan apa-apa kepentingan mengenai syer pemegang lesen itu atau pengawalnya tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Menteri atau Bank, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Orang yang bercadang hendak memperolehi atau melupuskan apa-apa kepentingan mengenai syer seseorang pemegang lesen atau pengawalnya di bawah subseksyen (1) atau (2) hendaklah mengemukakan permohonannya kepada Bank, dan selepas itu Bank hendaklah—

(a) dalam hal seseorang penanggung insurans berlesen atau pengawalnya, mengemukakan permohonan itu, berserta dengan syornya kepada

Menteri yang akan meluluskan atau menolak permohonan itu; dan

- (b) dalam hal seseorang broker insurans berlesen atau ajuster berlesen, atau pengawalnya, meluluskan atau menolak permohonan itu.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

68. (1) Jika Bank berpuas hati bahawa seseorang telah melanggar seksyen 67, ia boleh membuat suatu perintah permulaan secara bertulis yang mengenakan kesemua atau mana-mana larangan atau sekatan yang berikut berkenaan dengan sesuatu syer yang menjadi subjek pelanggaran itu:

Larangan dan sekatan sekiranya ada pelanggaran.

- (a) melarang pemindahan, atau pelaksanaan perjanjian untuk memindahkan, syer itu, atau, dalam hal syer yang tak diterbitkan, melarang pemindahan, atau pelaksanaan perjanjian untuk memindahkan, hak untuk diterbitkan bersama-sama dengan syer yang tak diterbitkan itu;
- (b) melarang penggunaan apa-apa hak mengundi berkenaan dengan syer itu;
- (c) melarang terbitan apa-apa syer dalam hak syer itu atau di bawah apa-apa tawaran yang dibuat kepada pemegangnya; atau
- (d) kecuali dalam likuidasi, melarang pembayaran apa-apa jumlah wang yang kena dibayar oleh pemegang lesen itu atau pengawalnya ke atas syer itu, sama ada berkenaan dengan modal atau selainnya.

(2) Suatu perintah permulaan di bawah subseksyen (1) hendaklah disampaikan kepada orang yang ingkar dengan seberapa segera yang praktik, dan boleh diumumkan mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Bank, jika pada pendapat Bank, ia perlu diumumkan.

(3) Suatu perintah permulaan hendaklah mengikat orang yang ingkar, seseorang yang sedang memegang syer yang

baginya perintah itu terpakai, dan mana-mana orang lain yang ditentukan dalam perintah itu atau yang kepadanya perintah itu ditujukan.

(4) Seseorang yang memegang syer yang baginya suatu perintah permulaan terpakai, hendaklah dalam tempoh tujuh hari selepas penyampaiannya kepada orang yang ingkar, atau apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh Bank, menyerahkan syer itu kepada Bank.

(5) Seseorang hendaklah diberikan peluang untuk didengar sebelum Bank membuat suatu perintah permulaan di bawah subseksyen (1) terhadapnya atau yang melibatkannya dalam apa-apa cara.

(6) Seseorang yang ingkar yang terhadapnya suatu perintah permulaan telah dibuat, atau mana-mana orang lain yang terjejas secara mudarat oleh perintah itu, boleh membuat, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh perintah itu disampaikan kepada orang yang ingkar itu, representasi secara bertulis kepada Bank.

(7) Bank, selepas menimbangkan representasi yang dibuat di bawah subseksyen (6), boleh mengesahkan perintah permulaan itu, atau membatalkannya, atau mengubahnya mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

(8) Jika Bank mengesahkan suatu perintah permulaan, ia boleh melupuskan syer yang diserahkan kepadanya di bawah subseksyen (4) kepada orang itu dan pada takat yang ditentukan oleh Bank.

(9) Hasil pelupusan syer di bawah subseksyen (8) hendaklah dibayar kepada Mahkamah, dan seseorang yang menuntut sebagai berhak secara benefisial kepada keseluruhan atau mana-mana bahagian hasil itu boleh memohon, dalam tempoh sembilan puluh hari dari pembayaran kepada Mahkamah, kepada hakim Mahkamah dalam kamar bagi pembayaran hasil itu kepadanya.

(10) Bank boleh menunjuk ajar atau mengarahkan lembaga pengarah, atau pegawai, pemegang lesen, atau

pengawalnya mengikut cara yang perlu untuk menguatkuasakan suatu perintah Bank di bawah seksyen ini.

(11) Suatu transaksi, termasuk suatu perjanjian atau perkiraan yang berhubungan dengan sesuatu kepentingan mengenai syer, yang melanggar dengan suatu perintah di bawah seksyen ini adalah batal dan tidak mempunyai kuatkuasa.

(12) Bank boleh mencapai tahap puas hati di bawah subseksyen (1) tanpa mengambil kira sama ada atau tidak terdapat apa-apa pendakwaan terhadap mana-mana orang bagi pelanggaran itu.

(13) Dalam seksyen ini, "orang yang ingkar" ertinya orang yang telah melanggar seksyen 67.

69. (1) Kecuali jika Menteri, atas syor Bank, meluluskan selainnya dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan, tiada seorang pun, tertakluk kepada seksyen 67, boleh memegang suatu kepentingan mengenai syer—

Larangan pemegangan kepentingan mengenai syer.

(a) jika dia seorang pemegang lesen, seorang pemegang lesen yang lain yang diperbadankan di Malaysia; atau

(b) jika dia ialah orang selain daripada seorang pemegang lesen, dua pemegang lesen atau lebih yang diperbadankan di Malaysia melainkan jika dia ialah penanggung insurans berlesen yang menjalankan kelas perniagaan insurans yang berlainan.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(a), seorang penanggung insurans berlesen boleh memiliki kepentingan dalam syer dalam penanggung insurans yang lain yang menjalankan kelas perniagaan insurans.

70. (1) Tiada seorang pun pemegang lesen, dan tiada seorang pun pengawal seorang pemegang lesen, boleh melantik seseorang sebagai pengarah atau ketua pegawai eksekutif, melainkan jika dia telah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank bagi perlantikan yang dicadangkan itu.

Perlantikan pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pengurus.

(2) Tiada seorang pun pemegang lesen, dan tiada seorang pun pengawal seorang pemegang lesen, boleh melantik sebagai pengarahnya, ketua pegawai eksekutifnya atau pengurusnya, seorang yang—

- (a) telah hilang kelayakan di bawah seksyen 71;
- (b) tidak memenuhi kriteria minimum "orang yang layak dan sesuai" sebagaimana yang ditetapkannya; dan
- (c) selain daripada seorang pengarah bukan eksekutif yang mewakili seorang pemegang syer asing seorang pemegang lesen, tidak bermastautin di Malaysia sepanjang tempoh perlintikannya.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(3) Bank boleh menentukan butir-butir dan maklumat yang dikehendaki dikemukakan oleh pemegang lesen, atau pengawal seorang pemegang lesen, berhubungan dengan orang yang baginya kelulusan bertulis Bank diminta di bawah subseksyen (1).

Kehilangan kelayakan pengarah atau pekerja.

71. (1) Tiada seorang pun pemegang lesen, dan tiada seorang pun pengawal pemegang lesen boleh melantik seseorang dan tiada seorang pun boleh menerima perlintikan sebagai pengarah, ketua pegawai eksekutif, pengurus, setiausaha atau pekerja lain yang terlibat dalam pengurusannya atau pengurusan pejabatnya—

- (a) jika orang itu telah dihukum bankrap, atau telah menggantungkan pembayaran, atau telah mengkompaunkan pembayaran dengan pemiutangnya, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (b) tanpa menjejaskan perenggan (c), jika suatu pertuduhan bagi kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang melibatkan fraud atau kecurangan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan bagi tempoh satu tahun atau lebih, sama ada hukuman penjara sahaja, atau sebagai ganti, atau sebagai tambahan

kepada, denda, telah dibuktikan terhadapnya di dalam mana-mana mahkamah di dalam atau di luar Malaysia;

- (c) jika suatu pertuduhan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini telah dibuktikan terhadap orang itu;
- (d) jika terhadap orang itu telah dibuat suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi, atau jika telah dikenakan ke atasnya apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan melalui bon atau selainya, di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pencegahan jenayah, atau dengan tahanan pencegahan bagi mencegah jenayah atau pengedaran dadah, atau kediaman terhad, atau buang negeri atau imigresen; atau
- (e) jika orang itu, selain daripada orang yang dilantik, telah menjadi seorang pengarah, atau secara langsung terlibat dalam pengurusan—
 - (i) suatu perbadanan yang diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia yang sedang atau telah digulungkan;
 - (ii) seorang pemegang lesen, yang lesennya telah dibatalkan di bawah Akta ini, atau yang berkenaan dengannya suatu perintah telah dibuat di bawah seksyen 59; atau
 - (iii) suatu institusi berlesen, yang lesennya telah dibatalkan di bawah, atau yang berkenaan dengannya suatu perintah telah dibuat di bawah seksyen 73, Akta Bank dan Institusi-
Institusi Kewangan 1989. *Akta 372.*

Penalti: Tiga juta ringgit. Penalti ingkar.

(2) Seorang yang tertakluk kepada perenggan (1)(e), dengan persetujuan bertulis pemegang lesen yang dengannya dia sedang memegang jawatan atau akan dilantik—

- (a) dalam hal seorang penanggung insurans berlesen, boleh memohon kepada Menteri secara bertulis supaya mengecualikannya daripada perenggan

itu, dan Menteri, atas syor Bank, boleh memberikan pengecualian itu, tertakluk kepada apa-apa syarat, yang difikirkannya patut dikenakan; atau

(b) dalam hal seorang broker insurans berlesen atau ajuster berlesen, memohon kepada Bank secara bertulis supaya mengecualikannya daripada perenggan itu dan Bank boleh memberikan pengecualian itu, tertakluk kepada apa-apa syarat, yang difikirkannya patut dikenakan.

(3) Semasa apa-apa prosiding jenayah belum selesai di dalam mana-mana mahkamah bagi suatu kesalahan yang disebut dalam perenggan (1)(b) atau (c) terhadap seseorang yang memegang jawatan dengan seorang pemegang lesen, orang itu tidaklah boleh bertindak atas sifat sedemikian, atau memegang apa-apa jawatan lain, atau bertindak atas apa-apa sifat lain, dengan mana-mana pemegang lesen atau dengan apa-apa cara, secara langsung atau tak langsung, terlibat dalam apa-apa perniagaan atau hal-ehwal mana-mana pemegang lesen melainkan jika diberikuasa secara bertulis oleh Bank sehingga takat dan tertakluk kepada syarat yang dikenakan oleh Bank.

Penalti: Tiga juta ringgit. Penalti ingkar.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), prosiding jenayah hendaklah disifatkan belum selesai dari tarikh orang tertuduh mula dipertuduh di dalam mahkamah bagi kesalahan itu sehinggalah tarikh keputusan muktamad prosiding itu, sama ada di dalam mahkamah berbidang kuasa asal atau, sekiranya ada rayuan oleh mana-mana pihak, di dalam mahkamah berbidang kuasa rayuan yang akhir.

(5) Dalam seksyen ini, "institusi berlesen" mempunyai pengertian sebagaimana yang terdapat dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989.

72. Jika seseorang hilang kelayakan selepas perlantikannya oleh pemegang lesen bagi apa-apa sebab yang dinyatakan di bawah subseksyen 70(2)—

Kesan kebilangan kelayakan pengarah atau pekerja.

(a) dia hendaklah dengan serta-merta berhenti daripada memegang jawatan; dan

(b) pemegang lesen itu hendaklah dengan serta-merta menamatkan perlantikannya,

dan orang itu, walau apa pun apa-apa kontrak perkhidmatan, tidak berhak untuk menuntut apa-apa pampasan bagi kehilangan jawatannya atau penamatan perlantikannya.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

73. Seseorang pemegang lesen hendaklah memberitahu Bank secara bertulis mengenai hakikat bahawa seseorang telah berhenti daripada menjadi pengarahnya atau ketua pegawai eksekutifnya dan sebab baginya dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pemberhentian itu.

Notis pemberhentian jawatan.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit.

BAHAGIAN VII

JURUAUDIT, AKTUARI DAN AKAUN

74. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah melantik, bagi setiap tahun kewangan sebelum suatu tarikh yang akan ditentukan oleh Bank, seorang juruaudit yang diluluskan oleh Bank.

Perlantikan juruaudit.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar,

(2) Jika seseorang pemegang lesen tidak melantik seorang juruaudit sebelum tarikh yang dinyatakan dalam subseksyen (1), Bank boleh melantik seorang juruaudit bagi pemegang lesen itu dan saraan dan perbelanjaan juruaudit itu sebagaimana yang ditentukan oleh Bank hendaklah dibayar oleh pemegang lesen itu.

(3) Jika Bank memikirkan wajar bahawa seorang lagi juruaudit patut bertindak bersama-sama dengan juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (1) atau (2), ia boleh melantik seorang lagi juruaudit, yang saraan dan perbelanjaannya, sebagaimana yang ditentukan oleh Bank, hendaklah dibayar oleh pemegang lesen itu.

Kehilangan
kelayakan
juruaudit.

75. (1) Tiada seorang pun pemegang lesen boleh dengan disedarinya melantik sebagai juruauditnya seseorang, dan tiada seorang pun boleh dengan disedarinya menyetujui untuk dilantik sebagai juruaudit seseorang pemegang lesen oleh pemegang lesen itu atau oleh Bank, jika orang itu—

- (a) bukan seorang juruaudit syarikat yang diluluskan;
- (b) mempunyai kepentingan mengenai syer pemegang lesen melebihi lima peratus;
- (c) ialah seorang pengarah, pengawal atau pekerja pemegang lesen itu;
- (d) adalah berhutang dengan pemegang lesen itu atau dengan mana-mana perbadanan berkaitan pemegang lesen itu;
- (e) ialah seorang pekongsi, majikan atau pekerja seorang pengarah, pengawal, atau pekerja, pemegang lesen itu;
- (f) adalah bertanggungjawab, atau ialah pekongsi, majikan, atau pekerja orang yang bertanggungjawab, bagi menyimpan daftar anggota atau daftar pemegang debentur pemegang lesen itu; atau
- (g) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau Akta Syarikat 1965, atau suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Akta 125

Penalti: Pemenjaraan selama satu tahun atau satu juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Bank boleh meluluskan secara bertulis seseorang yang tertakluk kepada apa-apa kehilangan kelayakan di bawah

subseksyen itu supaya dilantik sebagai seorang juruaudit jika Bank berpuas hati bahawa ia tidak akan bertentangan dengan kepentingan awam.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang itu hendaklah disifatkan sebagai seorang pekerja pemegang lesen—

- (a) jika dia ialah seorang pekerja suatu perbadanan berkaitan pemegang lesen itu; atau
- (b) kecuali jika Bank, dalam hal keadaan kes itu, mengarahkan selainnya, jika dia telah, dalam tempoh dua belas bulan yang terdahulu, menjadi seorang pekerja atau penganjur pemegang lesen itu atau perbadanan berkaitannya.

(4) Seorang juruaudit bagi pemegang lesen yang tertakluk kepada apa-apa kehilangan kelayakan yang disebut dalam Bahagian ini atau dalam seksyen 9 Akta Syarikat 1965, hendaklah dengan serta-merta berhenti menjadi juruaudit pemegang lesen itu. *Akta 125*

Penalti: Pemenjaraan selama satu tahun atau satu juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

76. Sesuatu firma tidaklah boleh dengan disedarinya menyetujui untuk dilantik, dan tidaklah boleh dengan disedarinya bertindak, sebagai juruaudit bagi pemegang lesen dan tidaklah boleh menyediakan, untuk atau bagi pihak pemegang lesen itu, suatu laporan yang dikehendaki oleh Akta ini supaya disediakan oleh seorang juruaudit melainkan jika tiada seorang pun daripada pekongsinya hilang ketayakan di bawah perenggan 75(1)(b) hingga (g) daripada bertindak sebagai juruaudit pemegang lesen itu. *Sekatan ke atas firma audit.*

Penalti: Satu juta ringgit.

77. Tiada seorang pun pemegang lesen boleh melantik seseorang sebagai juruaudit di bawah seksyen 74 melainkan jika orang itu, sebelum perlantikannya, telah bersetuju secara bertulis untuk bertindak sebagai juruaudit, dan persetujuan dalam hal suatu firma hendaklah ditandatangani oleh sekurang-kurangnya seorang daripada pekongsinya. *Persetujuan untuk bertindak sebagai juruaudit.*

Perlantikan
firma audit.

78. Perlantikan sesuatu firma atas nama firma itu sebagai juruaudit hendaklah mempunyai kesan dan berkuatkuasa sebagai suatu perlantikan orang yang merupakan anggota firma itu pada masa perlantikan itu.

Juruaudit tidak
disifatkan
sebagai
pekerja
pemegang
lesen.

79. Bagi maksud Bahagian ini, seseorang tidaklah boleh disifatkan sebagai seorang pekerja pemegang lesen atau perbadanan berkaitannya hanya disebabkan dia telah dilantik sebagai seorang juruaudit pemegang lesen itu atau perbadanan berkaitannya.

Laporan
juruaudit.

80. Seorang juruaudit seorang pemegang lesen hendaklah mengemukakan suatu laporan audit kepada anggota pemegang lesen itu dan laporan itu—

Akta 125

(a) dalam hal pemegang lesen yang merupakan suatu syarikat, hendaklah dibuat mengikut seksyen 174 Akta Syarikat 1965; dan

(b) dalam hal pemegang lesen, selain daripada suatu syarikat, hendaklah memperakukan sama ada atau tidak pada pendapatnya—

(i) segala maklumat dan penerangan yang perlu bagi maksud audit itu telah diperolehi;

(ii) mengikut maklumat dan penerangan yang mutakhir yang diberikan kepadanya, akaun untung rugi dan kunci kira-kira memberikan suatu gambaran yang benar dan adil tentang keadaan hal-ehwal pemegang lesen itu bagi tahun kewangan yang berkenaan;

(iii) buku akaun telah disimpan dengan sewajarnya oleh pemegang lesen itu setakat yang nyata daripada pengauditan akaun itu; dan

(iv) penyata yang wajar yang memadai bagi maksud pengauditan itu, telah diterima olehnya daripada pejabat pemegang lesen itu yang tidak dilawati.

Penalti: Satu juta ringgit.

- 81.** Bank boleh menghendaki seseorang juruaudit supaya—
- (a) mengemukakan apa-apa maklumat tambahan berhubung dengan pengauditannya yang ditentukan oleh Bank; atau
 - (b) memperluas atau melanjutkan skop pengauditannya mengenai perniagaan dan hal-ehwal pemegang lesen itu, mengikut cara, atau sehingga takat, yang ditentukan oleh Bank,

Maklumat tambahan daripada juruaudit.

dan Bank boleh menentukan tempoh yang dalamnya kehendak itu hendaklah dipatuhi oleh juruaudit itu dan menentukan saraan yang pemegang lesen hendaklah membayar kepada juruaudit itu.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit. Penalti ingkar.

- 82.** (1) Seseorang juruaudit hendaklah dengan sertamerta melaporkan kepada Bank jika, dalam penjalanan tugasnya sebagai seorang juruaudit seorang pemegang lesen, dia berpuas hati bahawa—
- (a) telah berlaku suatu pelanggaran terhadap suatu peruntukan Akta ini atau bahawa suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain telah dilakukan oleh pemegang lesen itu atau oleh pekerjanya;
 - (b) apa-apa luar aturan yang memudaratkan kepentingan pemunya polisi atau pemiutang pemegang lesen itu, atau apa-apa luar aturan serius yang lain telah berlaku; atau
 - (c) kehendak seksyen 58 terpakai bagi penanggung insurans berlesen itu.

Juruaudit hendaklah melaporkan perkara tertentu kepada Bank.

Penalti: Satu juta ringgit.

(2) Juruaudit seseorang pemegang lesen tidaklah bertanggungjawab bagi kemungkiran kewajipan kerahsiaan antara juruaudit itu dan pemegang lesen itu kerana melaporkan kepada Bank secara suci hati menurut subseksyen (1).

Perlantikan
aktuari oleh
penanggung
insurans
hayat

83. (1) Seseorang penanggung insurans hayat berlesen hendaklah melantik, bagi setiap tahun kewangan sebelum tarikh yang ditentukan oleh Bank, seorang aktuari yang diluluskan oleh Bank.

Penalti: Tiga juta ringgit.

(2) Tiada seorang pun penanggung insurans hayat berlesen boleh dengan disedarinya melantik seseorang sebagai aktuari yang dilantiknya dan tiada seorang pun boleh dengan disedarinya menerima perlantikan sebagai aktuari yang dilantik oleh penanggung insurans hayat berlesen melainkan jika dia bermastautin Malaysia dan—

(a) dia anggota—

- (i) Institute of Actuaries di England;
- (ii) Faculty of Actuaries di Scotland;
- (iii) Society of Actuaries di Amerika Syarikat;
- (iv) Canadian Institute of Actuaries; atau
- (v) Australian Institute of Actuaries; atau

(b) dia memegang apa-apa kelayakan yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

Penalti: Tiga juta ringgit. Penalti ingkar.

(3) Seseorang penanggung insurans hayat yang bercadang hendak melantik seseorang yang tidak bermastautin di Malaysia sebagai aktuari yang dilantiknya, boleh memohon secara bertulis kepada Bank dan Bank boleh memberikan pengecualian daripada subseksyen (2) bagi tempoh dan tertakluk kepada syarat yang difikirkannya patut.

(4) Aktuari yang dilantik, dalam menunaikan fungsinya, hendaklah bertindak secara profesional dan mematuhi garis panduan atau kod amalan Bank.

Pemberhentian
menjadi aktuari
yang dilantik.

84. (1) Seorang aktuari yang dilantik hendaklah berhenti daripada menjadi aktuari yang dilantik bagi seseorang penanggung insurans hayat berlesen jika—

(a) dia tidak lagi layak untuk dilantik sebagai seorang aktuari yang dilantik; atau

(b) dia meletakkan jawatan atau penanggung insurans hayat berlesen itu menamatkan perlantikannya.

(2) Jika seseorang berhenti daripada menjadi aktuari yang dilantik bagi seseorang penanggung insurans hayat berlesen, penanggung insurans hayat berlesen itu—

(a) hendaklah memberitahu Bank secara bertulis mengenai pemberhentian itu dan sebab baginya dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pemberhentian itu; dan

(b) hendaklah melantik orang lain sebagai aktuari yang dilantiknya di bawah subseksyen 83(1) tidak lewat daripada sembilan puluh hari dari tarikh pemberhentian itu atau apa-apa tempoh lanjut yang diluluskan oleh Bank.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit.

85. (1) Seseorang penanggung insurans hayat berlesen hendaklah mengadakan suatu penyiasatan yang dibuat oleh aktuari yang dilantiknya terhadap keadaan kewangan perniagaannya pada akhir setiap tahun kewangan.

Penyiasatan
dan laporan
aktuari.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

(2) Aktuari yang dilantik hendaklah menilai liabiliti perniagaan hayat penanggung insurans hayat berlesen mengikut apa-apa cara yang ditetapkan.

Penalti: Satu juta ringgit.

(3) Aktuari yang dilantik itu hendaklah menyediakan suatu laporan, dan perakuan dalam bentuk yang ditentukan oleh Bank.

(4) Seseorang penanggung insurans hayat berlesen hendaklah menyerahkan dengan Bank tiga salinan setiap satu—

(a) laporan dan perakuan aktuari yang dilantik; dan

- (b) penyata yang diperakukan oleh aktuari yang dilantik sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank,

dalam tempoh sembilan puluh hari dari akhir tahun kewangannya atau apa-apa tempoh lanjut yang diluluskan oleh Bank.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

Maklumat kepada juruaudit dan aktuari yang dilantik.

86. Seorang pemegang lesen, dan seorang pengarah, pengawal atau pekerja seseorang pemegang lesen—

- (a) hendaklah memberikan kepada juruauditnya, atau aktuari yang dilantiknya, maklumat yang berada dalam pengetahuannya yang dikehendaki oleh juruaudit atau aktuari yang dilantik itu; dan
- (b) hendaklah memastikan bahawa maklumat yang diberikan kepada juruaudit atau aktuari yang dilantik itu, tidak palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butiran material dan tidak tak lengkap.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

Akaun tahunan.

87. (1) Dalam tempoh sembilan puluh hari selepas penutupan setiap tahun kewangan pemegang lesen, atau apa-apa tempoh lanjut yang diluluskan oleh Bank, pemegang lesen hendaklah mengemukakan kepada Bank, berkenaan dengan keseluruhan operasinya, tiga salinan setiap satu yang berikut:

- (a) dalam hal seseorang penanggung insurans berlesen, akaun pendapatan yang diaudit dengan sewajarnya berserta dengan penyata yang menyokongnya;
- (b) akaun untung rugi dan kunci kira-kira yang diaudit dengan sewajarnya berserta dengan penyata yang menyokongnya;
- (c) perakuan oleh juruaudit;

- (d) laporan oleh lembaga pengarah tentang operasinya dalam tahun kewangan itu; dan
- (e) akaun berkanun oleh seorang daripada pengarah bukan eksekutifnya dan ketua pegawai eksekutifnya berkenaan dengan perkara dalam perenggan (a), (b) dan (d),

dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Bank.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

(2) Akaun pendapatan, akaun untung rugi dan kunci kira-kira yang dibentangkan di hadapan mesyuarat agung penanggung insurans berlesen atau yang dikemukakan kepada Pendaftar Syarikat atau Ketua Pendaftar Koperasi hendaklah dalam borang yang ditentukan oleh Bank dan amaun yang terdapat dalam akaun pendapatan, akaun untung rugi dan kunci kira-kira itu hendaklah sama dengan amaun yang dilaporkan di bawah seksyen ini dan apa-apa kualifikasi berkenaan dengan pulangan di bawah seksyen ini hendaklah juga dimasukkan ke dalam akaun itu.

(3) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan kepada Bank dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh laporan juruauditnya atau apa-apa tempoh lanjut yang diluluskan oleh Bank—

- (a) suatu salinan apa-apa laporan yang dibuat oleh juruauditnya kepada lembaga pengarahnya berikutan dengan pengauditan akaun tahunannya; dan
- (b) suatu laporan tentang tindakan yang diambil oleh lembaga pengarahnya tentang laporan juruaudit.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

88. (1) Dokumen yang dikehendaki dikemukakan di bawah seksyen 85, 87 dan 89, dalam hal seseorang penanggung insurans asing berlesen, hendaklah berhubungan dengan polisi Malaysiannya.

Akaun tahunan dan laporan aktuari mengenai penanggung insurans asing berlesen.

(2) Seseorang penanggung insurans asing berlesen hendaklah mengemukakan kepada Bank dalam tempoh

tiga puluh hari, atau apa-apa tempoh lanjut yang diluluskan oleh Bank, dari tarikh pengemukakan kepada pihak berkuasa yang mentadbirkan undang-undang itu atau kepada mesyuarat agung tahunannya, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) suatu salinan penyata pulangan tahunan yang diperakui benar dan laporan aktuari, jika ada, yang dikehendaki oleh undang-undang berhubungan dengan insurans di negara di mana dia diperbadankan atau ditubuhkan untuk diberikan kepada pihak berkuasa negara itu;
- (b) suatu penyata yang menunjukkan kedudukan aset dan liabilitinya berkenaan dengan keseluruhan operasinya setakat akhir tahun kewangannya; dan
- (c) suatu salinan akaunnya yang diperakui benar sebagaimana yang diluluskan oleh anggotanya pada mesyuarat agung tahunan.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

(3) Jika sesuatu laporan atau penyata yang disebut dalam subseksyen (2) adalah dalam bahasa selain daripada bahasa kebangsaan atau Inggeris, salinan yang dikehendaki oleh subseksyen itu hendaklah dalam bahasa kebangsaan atau Inggeris dan hendaklah diperakui sebagai terjemahan sebenar daripada yang asal oleh penterjemah,

(4) Bank boleh menghendaki penanggung insurans semula profesional asing berlesen untuk mengemukakan kepadanya suatu laporan mengenai polisi asing pejabatnya di Malaysia, dalam apa-apa bentuk, dan pada apa-apa lat-tempoh, sebagaimana yang ditentukannya.

Penyata suku tahunan.

89. Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah mengemukakan kepada Bank berkenaan dengan operasinya bagi setiap suku tahun kalendar dua salinan setiap satu yang berikut:

- (a) suatu penyata pendapatan berserta dengan penyata yang menyokongnya;

- (b) akaun untung rugi dan kunci kira-kira berserta dengan penyata yang menyokongnya; dan
- (c) suatu perakuan yang ditandatangani oleh ketua pegawai eksekutif dan pekerja yang bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan penanggung insurans berlesen,

dalam apa-apa bentuk, dan dalam apa-apa masa yang ditentukan oleh Bank.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

90. Seseorang pemegang lesen hendaklah menyenggarakan akaunnya dengan mematuhi standard perakaunan yang diluluskan oleh Bank tertakluk kepada apa-apa pengubahsuaian yang ditentukan oleh Bank.

Standard perakaunan.

Penalti: Tiga juta ringgit. Penalti ingkar.

91. (1) Bank boleh menghendaki seseorang penanggung insurans am berlesen untuk mendapatkan penilaian mengenai liabilitinya berkenaan dengan tuntutan yang telah ditanggung tetapi tidak dilaporkan, termasuk kekurangan dalam merizabkan bagi tuntutan belum selesai yang disedari, oleh aktuari yang diluluskan oleh Bank.

Laporan aktuari ke atas tuntutan.

(2) Aktuari itu hendaklah melaporkan kepada Bank secara langsung dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh perekuisisian laporan oleh Bank atau dalam apa-apa tempoh lanjut yang diluluskan oleh Bank.

(3) Seksyen 86 terpakai berhubungan dengan aktuari yang dilantik di bawah seksyen ini.

92. (1) Bank, melalui notis secara bertulis, boleh menghendaki seseorang pemegang lesen mengemukakan maklumat atau penjelasan tambahan berhubungan dengan apa-apa dokumen atau maklumat yang dikemukakan di bawah seksyen 85, 87, 88 atau 89 dalam apa-apa masa yang ditentukan oleh Bank.

Akaun tahunan, penyata suku tahunan dan laporan aktuari yang dilantik hendaklah diperbetulkan

Penalti: Satu juta ringgit.

(2) Bank boleh menghendaki maklumat atau penjelasan tambahan itu diperakui benar oleh juruaudit pemegang lesen atau aktuari yang dilantik.

(3) Bank boleh, selepas menimbangkan penjelasan yang disebut dalam subseksyen (1), atau jika penjelasan itu tidak diberikan oleh atau bagi pihak pemegang lesen dalam mana yang ditentukan—

- (a) menolak dokumen yang dikemukakan di bawah seksyen 85, 87 atau 89; atau
- (b) mengarahkan pemegang lesen itu supaya mengubahkan dokumen atau kesemua dokumen berkaitan yang lain dalam apa-apa masa yang ditentukan dalam arahan itu.

(4) Jika suatu arahan diberikan oleh Bank di bawah subseksyen (3), dokumen yang dengannya ia berhubungan hendaklah disifatkan tidak diserahsimpan sehinggalah ia dikemukakan semula dengan perubahan yang dikehendaki oleh arahan itu.

(5) Bank, berasaskan maklumat yang sedia ada dengan Bank atau pada kajian semula penyata yang difailkan di bawah seksyen 89, boleh mengarahkan penanggung insurans tempatan berlesen supaya mendapatkan pengesahan pematuhannya terhadap seksyen 87 dan berkenaan dengan penanggung insurans hayat berlesen, seksyen 85 dan 87 sebelum—

- (a) membentangkan akaunnya di hadapan mesyuarat agungannya; dan
- (b) menyiarkan akaunnya di bawah seksyen 95.

(6) Walau apa pun subseksyen (3), Bank, dalam hal penanggung insurans hayat berlesen, boleh menghendaki penanggung insurans itu melantik seorang aktuari lagi

yang diluluskan oleh Bank, untuk menyasat keadaan kewangan perniagaan hayatnya dan subseksyen 85(2), (3) dan (4) dan seksyen 86 hendaklah terpakai dengan sewajarnya.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

93. Seseorang penanggung insurans tempatan berlesen tidaklah boleh membayar apa-apa dividen ke atas syernya—

Sekatan ke atas pembayaran dividen.

(a) sehingga kesemua perbelanjaan yang dipermodalkannya (termasuk perbelanjaan permulaan, perbelanjaan organisasi, komisyen penjualan syer, bayaran broker, amaun kerugian yang ditanggung, dan apa-apa butiran perbelanjaan yang lain yang tidak merupakan aset ketara) telah dihapuskan; atau

(b) jika pembayaran dividen itu akan mencacatkan margin kesolvenannya.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

94. Seseorang penanggung insurans berlesen, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh mesyuarat agung tahunannya, hendaklah mengemukakan kepada Bank tiga salinan akaunnya sebagaimana yang dibentangkan di hadapan mesyuarat agung tahunannya berserta dengan minit mesyuarat itu yang diperakui benar oleh setiausaha syarikatnya.

Pengemukakan akaun tahunan.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

95. (1) Seseorang penanggung insurans berlesen, dalam tempoh empat belas hari dari pembentangan akaunnya pada mesyuarat agung tahunannya, atau dalam apa-apa tempoh lanjut yang diuluskan oleh Bank—

Tindakan berhubung dengan akaun tahunan.

(a) hendaklah menyiarkan dalam tidak kurang daripada dua akhbar harian yang diterbitkan di Malaysia dan diluluskan oleh Bank. satu dalam bahasa kebangsaan dan satu lagi dalam bahasa Inggeris; dan

(b) hendaklah mempamerkan dalam kedudukan mudah dilihat di setiap cawangannya di Malaysia, suatu salinan setiap laporan lembaga pengarahnya, akaun pendapatannya, akaun untung ruginya dan kunci kira-kiranya, sebagaimana yang dibentangkan di hadapan mesyuarat agungnya dan apa-apa dokumen lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), sebutan mengenai pembentangan akaun pada mesyuarat agung, dalam hal seseorang penanggung insurans asing adalah sebutan mengenai pengesahan Bank mengenai pematuhannya dengan seksyen 87.

Pemeriksaan. **96.** (1) Seseorang penanggung insurans berlesen, atas permohonan oleh seorang anggota atau pemunya polisi dan atas pembayaran fee yang munasabah, hendaklah menghantar kepadanya satu salinan apa-apa dokumen yang diserahkan dengan Bank di bawah seksyen 85(4) dan subseksyen 87(1) dalam tempoh empat belas hari daripada penerimaan permohonan itu.

(2) Seseorang, atas pembayaran fee yang ditetapkan, boleh memeriksa, atau membuat salinan, apa-apa dokumen yang diserahkan oleh seseorang penanggung insurans berlesen dengan Bank di bawah subseksyen 85(4) dan 87(1) semasa waktu bekerja Bank.

(3) Subseksyen (1) dan (2) tidaklah terpakai bagi—

- (a) apa-apa dokumen yang telah diserahkan lebih daripada lima tahun; atau
- (b) apa-apa dokumen lain yang ditentukan oleh Bank.

Kebolehterimaan dokumen.

97. Dalam apa-apa prosiding, suatu perakuan yang ditandatangani oleh seorang pegawai diberikuasa Bank yang menyatakan bahawa dokumen telah diserahkan oleh pemegang lesen di bawah seksyen 85, 87 atau 89 atau suatu dokumen yang menyertai dokumen yang diserahkan sedemikian, hendaklah boleh diterima di mahkamah sebagai keterangan bagi fakta yang diperakui sedemikian.

98. Jika rekod perakaunan yang perlu untuk menunjukkan dan menjelaskan transaksi dan keadaan kewangan sebenar pemegang lesen tidak disimpan, pekerja pemegang lesen sekarang dan dahulu yang bertanggungjawab bagi menyimpan rekod perakaunan yang sepatutnya adalah melakukan suatu kesalahan melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan usaha wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankan olehnya memandangkan jenis fungsinya atas sifat itu dan hal keadaan.

Liabiliti jika rekod perakaunan yang sepatutnya tidak disimpan.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

BAHAGIAN VIII

PEMERIKSAAN

99. (1) Seorang pemeriksa yang diberikuasa secara bertulis oleh Bank hendaklah memeriksa, tanpa apa-apa notis terlebih dahulu, dokumen—

Pemeriksaan pemegang lesen.

- (a) seseorang pemegang lesen, atau ejennya, di dalam atau di luar Malaysia; atau
- (h) seseorang pemegang lesen dalam likuidasi atau seseorang pemegang lesen yang lesennya telah dibatalkan atau tidak dikeluarkan semula.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(a), sebutan mengenai seorang pemegang lesen atau ejennya, dalam hal seorang penanggung insurans asing berlesen, adalah sebutan mengenai perniagaannya, atau perniagaan ejennya, di Malaysia.

100. (1) Seseorang yang sedang diperiksa dan pengarahnya, pekerjaanya dan ejennya—

Kewajipan mengemukakan dokumen dan mengadakan akses kepada dokumen dan maklumat.

- (a) hendaklah memberi pemeriksa akses kepada dokumennya;
- (b) hendaklah mengadakan untuk pemeriksa kemudahan untuk menjalankan pemeriksaan itu; dan

- (c) hendaklah memberikan kepada pemeriksa, secara lisan atau bertulis, apa-apa maklumat yang ditentukannya berhubung dengan perniagaan orang itu, atau ejennya, dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh pemeriksa.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Seorang pemeriksa boleh mengambil milik suatu dokumen atau wang tunai yang kepadanya dia mempunyai akses di bawah subseksyen (1) jika pada pendapatnya—

- (a) ia adalah perlu bagi tujuan pemeriksaan, termasuk membuat salinan atau membuat cabutan;
- (b) ia mungkin diganggu, dimusnahkan, disembunyikan atau dialihkan melainkan jika dia mengambil milik ke atasnya; atau
- (c) ia mungkin diperlukan sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding undang-undang, sama ada sivil atau jenayah, yang mungkin dimulakan di bawah Akta ini, Akta Bank Negara Malaysia 1958 atau apa-apa undang-undang bertulis lain.

Akta 519

Pemeriksaan ke atas orang selain daripada pemegang lesen.

101. Pemeriksa boleh memeriksa—

- (a) seseorang yang adalah atau yang dahulunya pada bila-bila masa, seorang pengarah atau pekerja pemegang lesen atau ejennya;
- (b) seseorang yang adalah, atau yang dahulunya pada bila-bila masa, merupakan seorang pemunya polisi, atau selainnya yang mempunyai urusaniaga dengan pemegang lesen itu; atau
- (c) seseorang yang dipercayainya tahu tentang fakta dan hal keadaan kes, termasuk juruaudit seseorang pemegang lesen atau aktuari yang dilantik bagi seseorang penanggung insurans hayat berlesen,

dan orang itu hendaklah memberikan apa-apa dokumen atau maklumat yang dikehendaki pemeriksa dalam apa-apa tempoh yang ditentukannya.

Penalti: Pemenjaraan selama satu tahun atau satu juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Seorang juruaudit atau seorang aktuari yang dilantik tidaklah bertanggung bagi pelanggaran suatu kontrak yang berhubungan dengan, atau kewajipan, kerahsiaan bagi mengemukakan dokumen atau maklumat kepada pemeriksa,

102. Seseorang yang diperiksa di bawah subseksyen 99(1) atau 101(1) hendaklah hadir di hadapan pemeriksa di pejabatnya pada masa yang ditentukan olehnya. Kehadiran di hadapan pemeriksa.

Penalti; Pemenjaraan selama satu tahun atau satu juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

BAHAGIAN IX

PENYIASATAN, PENGGELEDAHAN DAN PENYITAAN

103. (1) Bank boleh melantik pekerjaanya atau mana-mana orang lain yang dilantik di bawah subseksyen 3(3) menjadi seorang pegawai penyiasat. Perlantikan pegawai penyiasat.

(2) Seorang pegawai penyiasat, yang bukannya seorang pekerja Bank, hendaklah tertakluk kepada, dan menikmati hak, perlindungan dan tanggung-rugi sebagaimana yang ditentukan dalam Akta ini, Akta Bank Negara Malaysia 1958 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang terpakai bagi pekerja Bank. Akta 519.

(3) Seorang pegawai penyiasat hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Bank.

104. (1) Jika seorang pegawai penyiasat berpuas hati, atau mempunyai sebab untuk mempercayai, bahawa seseorang itu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, dia— Kuasa pegawai penyiasat

(a) boleh memasuki mana-mana premis dan menggeledah, menyita dan menahan apa-apa dokumen atau harta yang perlu bagi penyiasatan;

- (b) boleh memeriksa, membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, apa-apa dokumen yang disita dan ditahan;
- (c) boleh mengambil milik, dan mengalihkan dari premis, apa-apa dokumen atau harta yang disita dan menahannya bagi tempoh yang diperlukan;
- (d) boleh memecah buka, memeriksa, dan menggeledah, apa-apa artikel, bekas atau bejana;
- (e) boleh memberhentikan, menahan atau menggeledah mana-mana kenderaan;
- (f) boleh memeriksa mana-mana orang yang dia syaki mempunyai pada dirinya apa-apa dokumen atau harta yang perlu bagi penyiasatannya;
- (g) boleh menahan orang itu bagi tempoh yang diperlukan untuk menjalankan pemeriksaan di bawah perenggan (f); dan
- (h) boleh menyita, menahan, atau mengambil milik apa-apa dokumen atau harta yang dijumpai pada orang tersebut.

(2) Seorang pegawai penyiasat, jika pada pendapatnya ia diperlukan—

- (a) boleh memecah buka atau masuk secara paksa, apa-apa premis atau apa-apa kenderaan; atau
- (b) boleh menahan mana-mana orang yang dijumpai pada mana-mana premis atau di dalam mana-mana kenderaan sehingga orang, premis atau kenderaan itu telah digeledah di bawah subseksyen (1).

(3) Tiada seorang perempuan pun boleh diperiksa di bawah seksyen ini kecuali oleh seorang perempuan lain.

(4) Seorang pegawai penyiasat boleh menyita, mengambil milik, dan menahan bagi apa-apa jangka masa yang difikirkannya perlu, apa-apa dokumen atau harta

yang dikemukakan kepadanya dalam penjalanan urusan penyiastannya, atau yang didapati pada orang yang sedang diperiksa olehnya.

105. Tiada seorang pun—

Halangan
terhadap
pegawai
penyiasat.

- (a) boleh enggan memberi seorang pegawai penyiasat akses kepada mana-mana premis atau gagal untuk membenarkan dirinya diperiksa;
- (b) boleh menyerang, menghalang, menggalang atau melambatkan seorang pegawai penyiasat daripada masuk sedangkan dia berhak masuk;
- (c) boleh tidak mematuhi apa-apa tuntutan sah seseorang pegawai penyiasat dalam melaksanakan tugasnya;
- (d) boleh enggan untuk memberikan kepada seorang pegawai penyiasat apa-apa dokumen atau maklumat yang mungkin semunasabahnya dikehendaki daripadanya dan yang dia mempunyai kuasa untuk memberikannya;
- (e) boleh tidak mengemukakan kepada, atau menyembunyikan atau cuba menyembunyikan daripada, seorang pegawai penyiasat atau memusnahkan, mengubah atau mengalihkan, apa-apa dokumen atau harta yang pegawai dikehendaki oleh pegawai penyiasat;
- (f) boleh mengambil semula atau berusaha untuk mengambil semula apa-apa benda yang telah disita;
- (g) boleh memberikan kepada seorang pegawai penyiasat sebagai benar, maklumat yang dia tahu, atau mempunyai sebab untuk mempercayai, adalah palsu; atau
- (h) sebelum atau selepas apa-apa penyitaan, boleh memecahkan atau selainnya memusnahkan sesuatu artikel untuk mengelakkannya daripada disita, atau melindungi artikel itu.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

Kehendak
untuk
menyediakan
terjemahan.

106. (1) Jika seorang pegawai penyiasat menjumpai, menyita, menahan, atau mengambil milik, suatu dokumen yang, keseluruhannya atau sebahagiannya adalah dalam suatu bahasa selain daripada bahasa kebangsaan atau Inggeris, atau dalam apa-apa isyarat atau kod, pegawai penyiasat itu, secara lisan atau secara bertulis, boleh menghendaki orang yang mempunyai milikan, jagaan atau kawalan terhadap dokumen itu, supaya memberikan kepada pegawai penyiasat itu suatu terjemahan dalam bahasa kebangsaan atau Inggeris dalam tempoh yang ditentukan oleh pegawai penyiasat itu.

(2) Tiada seorang pun boleh dengan disedarinya memberikan suatu terjemahan di bawah subseksyen (1) yang bukannya suatu terjemahan yang tepat dan benar bagi dokumen itu.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit. Penalti ingkar.

(3) Jika orang yang dikehendaki memberikan suatu terjemahan di bawah subseksyen (1) itu bukannya orang di bawah siasatan, Bank hendaklah membayar kepadanya fee yang munasabah bagi terjemahan itu.

Kuasa untuk
memeriksa
orang.

107. (1) Seorang pegawai penyiasat hendaklah mempunyai kuasa untuk mengendalikan suatu sumpah atau ikrar bagi orang yang sedang diperiksa.

(2) Seorang pegawai penyiasat boleh memerintahkan, secara lisan atau bertulis, seseorang yang dipercayainya tahu tentang fakta dan hal keadaan kes itu—

- (a) untuk hadir di hadapan beliau bagi pemeriksaan;
- (b) untuk mengemukakan di hadapan beliau apa-apa dokumen; atau
- (c) untuk memberikan pernyataan bertulis yang dibuat atas sumpah atau ikrar yang menyatakan apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendakinya.

Penalti: Pemenjaraan selama satu tahun atau satu juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(3) Subseksyen (1) hendaklah terpakai walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, atau sumpah, akujanji atau kehendak kerahsiaan, yang berlawanan, atau suatu obligasi di bawah sesuatu perjanjian atau perkiraan, nyata atau tersirat, yang berlawanan.

(4) Jika seseorang atau pekerjaanya atau ejennya mendedahkan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa harta atau dokumen menurut subseksyen (1) atau (2), orang itu tidaklah boleh didakwa bagi suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain, atau dikenakan apa-apa prosiding atau tuntutan oleh mana-mana orang di bawah suatu perjanjian atau perkiraan semata-mata kerana membuat pendedahan atau pengemukaan sedemikian.

(5) Suatu pemeriksaan hendaklah direkodkan oleh pegawai penyiasat itu secara bertulis dan hendaklah dibacakan kepada dan ditandatangani oleh orang yang sedang diperiksa, dan jika orang itu enggan menandatangani rekod itu, pegawai penyiasat itu hendaklah mengendorskan atas rekod itu dengan tandatangannya akan hakikat keengganan itu dan sebab baginya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

(6) Rekod suatu pemeriksaan, pernyataan bertulis atas sumpah atau ikrar dan apa-apa dokumen atau harta yang dikemukakan oleh seseorang di bawah seksyen ini, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau kaedah undang-undang yang berlawanan, hendaklah diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding mahkamah bagi, atau berhubungan dengan, suatu kesalahan di bawah Akta ini, atau mana-mana -undang-undang bertulis yang lain, atau apa-apa perkara lain di bawah Akta ini.

108. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Bank, atas inisiatifnya sendiri, atau atas permintaan seorang pegawai polis atau seorang pegawai.

Bantuan
kepada
pegawai

awam yang lain dalam menjalankan penyiastannya mengenai suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, boleh membenarkan pegawai itu akses kepada—

- (a) suatu salinan dokumen yang disita, ditahan atau diambil milik;
- (b) suatu rekod pemeriksaan; atau
- (c) suatu pernyataan bertulis atas sumpah atau ikrar.

Pegawai penyiastat disifatkan sebagai pengkhidmat awam dan pegawai awam.
N.M.B.
Bab 45.
N.M.B.
Bab 6.

109. Seorang pegawai penyiastat hendaklah disifatkan sebagai seorang pengkhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan, dan sebagai seorang pegawai awam bagi maksud Kanun Prosedur Jenayah atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang Menteri, atas syor Bank, boleh menetapkan.

BAHAGIAN X

PENGGULUNGAN PENANGGUNG INSURANS

Pemakaian Bahagian ini.
Akta 125.

110. Bahagian ini dan Akta Syarikat 1965, selain daripada seksyen 176,237,241,242,246 dan 278 Akta itu, hendaklah terpakai bagi penggulungan seseorang penanggung insurans berlesen, termasuklah seorang penanggung insurans yang lesennya telah dibatalkan dan seorang penanggung insurans yang penggulungannya telah dimulakan tetapi belum selesai.

Sekatan ke atas penggulungan penanggung insurans tempatan.

111. (1) Seseorang penanggung insurans tempatan, sama ada atau tidak lesennya telah dibatalkan, tidak boleh digulungkan secara sukarela di bawah Penggal 3 Bahagian X Akta Syarikat 1965 atau oleh Mahkamah di bawah perenggan 218(1)(a) Akta itu kecuali selepas keseluruhan perniagaannya dipindahkan kepada seorang penanggung insurans lain di bawah seksyen 128.

(2) Jika penggulungan secara sukarela suatu syarikat telah dimulakan, ia hendaklah memberitahu Bank dalam tempoh empat belas hari dari permulaan itu.

112. (1) Bank boleh mengemukakan suatu petisyen ke Mahkamah bagi penggulangan penanggung insurans tempatan, dan dalam hal penanggung insurans asing bagi penggulangan perniagaannya di Malaysia, sama ada atau tidak lesennya telah dibatalkan.

Bank hendaklah mempetisyen bagi penggulangan.

(2) Jika suatu petisyen bagi penggulangan seorang penanggung insurans oleh Mahkamah dikemukakan oleh seseorang selain daripada Bank, orang itu hendaklah, pada masa yang sama ia dikemukakan, menyerahkan suatu salinan petisyen itu kepada Bank.

(3) Bank adalah berhak untuk hadir dan didengar dalam segala prosiding berhubungan dengan petisyen itu dan untuk memanggil, memeriksa dan memeriksa balas mana-mana saksi.

(4) Bank, jika difikirkannya patut, boleh menyokong atau menentang petisyen itu.

113. Seorang pempetisyen—

(a) hendaklah memberikan kepada Bank notis prosiding berhubungan dengan petisyen itu, termasuklah prosiding di bawah seksyen 243 dan 249, dan subseksyen 236(3), 277(2), (3) dan (4) Akta Syarikat 1965; dan

Notis berhubungan dengan prosiding penggulangan.

Akta 125.

(b) hendaklah menyerahkan kepada Bank suatu salinan dokumen dan rekod berhubungan dengan prosiding pada masa yang sama sebagaimana ia diserahkan di dalam Mahkamah atau disampaikan kepada mana-mana pihak kepada prosiding itu.

114. Mahkamah boleh memerintahkan penggulangan seseorang penanggung insurans jika—

Hal keadaan tambahan bagi penggulangan.

(a) suatu petisyen dibuat berkenaan dengannya berikutan dengan suatu perintah Menteri di bawah perenggan 59(4)(b);

(b) suatu petisyen dibuat berkenaan dengannya di bawah subseksyen 58(4); atau

(c) lesennya telah dibatalkan di bawah seksyen 31.

Perlantikan
pelikuidasi.

115. (1) Mahkamah, jika suatu perintah penggulungan dibuat—

- (a) berkenaan dengan seorang penanggung insurans tempatan, hendaklah melantik sebagai pelikuidasi; atau
- (b) berkenaan dengan seorang penanggung insurans asing, hendaklah melantik sebagai pelikuidasi bagi Malaysia,

seseorang yang ditentukan oleh Bank dalam petisyen atau permohonannya.

(2) Bank boleh memohon kepada Mahkamah bagi pemecatan seseorang yang dilantik di bawah subseksyen (1) dan memohon bagi mana-mana orang lain yang ditentukannya untuk dilantik oleh Mahkamah di bawah subseksyen (1).

Kawalan ke
atas
pelikuidasi.

116. Tertakluk kepada sesuatu perintah Mahkamah, seorang pelikuidasi, selain daripada Pegawai Penerima, yang dilantik di bawah subseksyen 115(1) hendaklah menjalankan fungsinya di bawah arahan dan pengawasan Bank.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit. Penalti ingkar.

Saraan
pelikuidasi.

117. (1) Saraan seorang pelikuidasi atau pelikuidasi sementara bagi penanggung insurans hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah, atas syor Bank.

(2) Tiada seorang pun, selain daripada Bank, boleh memohon kepada Mahkamah untuk mengubah amaun saraan pelikuidasi atau pelikuidasi sementara.

Penyata hal-
ehwal.

Akta 125

118. Penyata hal-ehwal penanggung insurans pada tarikh perintah penggulungan yang dibuat di bawah seksyen 234 Akta Syarikat 1965 hendaklah dikemukakan kepada Bank pada masa yang sama sebagaimana ia dikemukakan kepada Pegawai Penerima atau pelikuidasi.

119. (1) Pelikuidasi hendaklah menyerahkan dengan Bank suatu salinan— Laporan dan akaun pelikuidasi.

(a) laporan permulaan yang disebut dalam seksyen 235 Akta Syarikat 1965 pada masa yang sama ia mengemukakannya kepada Mahkamah; dan Akta 125.

(b) borang yang ditetapkan yang disebut dalam subseksyen 281(1) Akta Syarikat 1965 pada masa yang sama ia mengemukakannya kepada Pegawai Penerima. Akta 125.

(2) Pelikuidasi hendaklah mengemukakan kepada Bank apa-apa dokumen lain yang ditentukan oleh Bank.

120. Dalam penggulungan penanggung insurans, sama ada atau tidak lesennya itu dibatalkan dan sama ada atau tidak ia solven, nilai aset dan liabilitinya, termasuk liabiliti berkenaan dengan polisi, hendaklah ditentukan atas apa-apa asas yang ditentukan oleh Bank dan undang-undang yang berhubungan dengan kebangkrapan tidaklah terpakai bagi penilaian liabilitinya. Penilaian aset dan liabihti

121. (1) Suatu polisi penanggung insurans hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa mulai dari tarikh perintah penggulungannya. Penamatan polisi.

(2) Jika suatu polisi terhenti daripada berkuatkuasa di bawah subseksyen (1), pemunya polisi hanyalah layak untuk menuntut sebagai hutang yang kena dibayar kepadanya—

(a) suatu pemulangan premiumnya mengikut kadar tempoh polisi amnya yang belum tamat; atau

(b) penilaian rizab aktuari berkenaan dengan polisi hayatnya.

(3) Pelikuidasi hendaklah memberitahu setiap pemunya polisi dan, dalam hal suatu polisi kumpulan, pemunya polisi kumpulan itu, tentang pemberhentian insurans melalui pos biasa pada alamat akhirnya yang diketahui dan melalui iklan dalam akhbar yang ditentukan oleh Bank.

Penggunaan
kumpulan
wang
insurans
dalam
penggulangan.

122. (1) Dalam penggulangan penanggung insurans, aset kumpulan wang insurans hendaklah digunakan untuk memenuhi liabilitinya kepada pemunya polisi dan penuntut di bawah polisi kelas perniagaan insurans itu dan liabiliti ini hendaklah mendapat keutamaan berbanding dengan semua liabiliti tak bercagar selain daripada hutang keutamaan yang ditentukan di bawah subseksyen 292(1) Akta Syarikat 1965 setakat yang ia diumpukkan kepada kumpulan wang insurans itu.

Akta 125.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1)—

- (a) aset yang mewakili suatu kumpulan wang insurans Malaysia atau kumpulan wang insurans asing yang disenggarakan oleh penanggung insurans itu berkenaan dengan perniagaan insurans hayat atau amnya hendaklah digunakan hanya bagi memenuhi liabiliti kumpulan wang itu;
- (b) jika aset suatu kumpulan wang insurans melebihi liabilitinya, lebihan aset itu bolehlah digunakan secara berkadar untuk memenuhi liabiliti kumpulan wang insuransnya yang lain yang kekurangan; dan
- (c) apa-apa kekurangan yang masih wujud selepas penggunaan aset kumpulan wang insurans itu di bawah perenggan (a) dan (b) hendaklah ditampung oleh aset lain penanggung insurans itu, dan liabiliti yang tidak dipenuhi kepada seorang pemunya polisi dan penuntut di bawah polisi hendaklah mempunyai keutamaan daripada liabiliti tak bercagar yang lain selain daripada hutang keutamaan yang ditentukan di bawah subseksyen 292(1) dalam Akta Syarikat 1965.

Akta 125.

Pengetepian
beban bukti
ketat
mengenai
hutang.

123. Jika didapati oleh pelikuidasi bahawa oleh sebab dokumennya tidak mencukupi, atau apa-apa hal keadaan yang lain, kesulitan akan timbul jika dia menghendaki beban bukti yang ketat, dia boleh bertindak atas keterangan yang difikirkannya patut dan pembayaran hutang yang dibuat secara suci hati oleh pelikuidasi itu kepada mana-mana orang yang berhak ke atas tuntutan itu hendaklah melepaskan pelikuidasi daripada segala tanggungan berkenaan dengan hutang itu.

124. Tiada pengarah, pekerja, ejen atau penyumbang, dahulu atau sekarang, penanggung insurans yang sedang digulungkan—

Kesalahan oleh pengarah, pekerja atau ejen penanggung insurans.

- (a) selepas pemberhentian perniagaan insuransnya, boleh terus mengeluarkan suatu polisi;
- (b) dalam tempoh dua belas bulan sebaik sahaja sebelum atau selepas bermulanya penggulungan—
 - (i) boleh menyembunyikan apa-apa bahagian hartanya, atau menyembunyikan apa-apa hutang yang kena dibayar kepada atau daripadanya;
 - (ii) boleh secara fraud mengalihkan apa-apa bahagian harta penanggung insurans;
 - (iii) dengan sendirinya atau melalui orang lain, boleh mengubah, menyembunyikan, memusnahkan, mencatitkan atau memalsukan suatu dokumen berhubungan dengan harta atau hal-ehwalnya;
 - (iv) boleh membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa pemalsuan atau catatan fraud dalam suatu dokumen yang menyentuh atau berhubungan dengan harta atau hal-ehwalnya;
 - (v) dengan sendirinya atau melalui orang lain, boleh mengambil bahagian secara fraud, mengubah atau membuat apa-apa peninggalan dalam suatu dokumen berhubungan dengan harta atau hal-ehwalnya;
 - (vi) melalui apa-apa representasi palsu atau fraud yang lain, boleh memperolehi apa-apa harta untuk atau bagi pihaknya atas kredit yang kemudiannya tidak dibayar olehnya;
 - (vii) boleh memperolehi secara kredit, untuk atau bagi pihaknya di bawah dakwaan palsu bahawa ia sedang menjalankan perniagaannya, suatu harta yang kemudiannya tidak dibayar olehnya;

- (viii) boleh menyandar atau melupuskan hartanya yang telah diperolehi secara kredit dan tidak dibayar olehnya, melainkan jika penyandaran atau pelupusan itu adalah dalam perjalanan biasa perniagaannya;
 - (ix) boleh cuba untuk mendapatkan apa-apa bahagian hartanya melalui kerugian atau perbelanjaan rekaan; atau
 - (x) boleh membuat apa-apa representasi palsu atau fraud yang lain bagi maksud mendapatkan persetujuan pemiutangnya kepada suatu perjanjian yang merujuk kepada hal-ehwalnya atau kepada penggulangannya; atau
- (c) selepas bermula penggulangan—
- (i) boleh membuat apa-apa peninggalan material dalam suatu penyata berhubungan dengan hal-ehwalnya;
 - (ii) dengan disedarinya atau mempercayai bahawa suatu hutang palsu telah dibuktikan oleh mana-mana orang, tidak memberitahu pelikuidasi tentangnya; atau
 - (iii) tidak mengemukakan atau menghalang penerbitan suatu dokumen yang berhubungan dengan harta atau hal-ehwalnya.

Penalti: Pemenjaraan selama lima tahun atau lima juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

Penerusan
perniagaan
hayat.
Akta 125

125. (1) Walauapapunperenggan236(1)(a)AktaSyarikat 1965, pelikuidasi penanggung insurans hayat—

- (a) boleh menjalankan perniagaan hayatnya dengan tujuan dipindahkan sebagai perniagaan yang sudah berjalan kepada penanggung insurans yang lain tetapi tidaklah melaksanakan suatu polisi baru; dan

(b) tertakluk kepada subseksyen (2), boleh memindahkan aset dan liabilitinya kepada penanggung insurans yang lain, termasuklah liabiliti di bawah polisi hayat dan Bahagian XI dengan pengecualian perenggan 129(1)(d) hendaklah terpakai bagi pemindahan itu.

(2) Pelikuidasi, bagi maksud suatu pemindahan di bawah perenggan (1)(b), boleh memohon kepada Mahkamah bagi suatu perintah untuk mengurangkan—

(a) amaun liabiliti di bawah polisi hayat penanggung insurans itu; atau

(b) amaun liabilitinya yang lain,

dan Mahkamah boleh mengurangkan liabiliti itu setakat yang perlu dengan mengambil kira nilai aset penanggung insurans sedia ada tertakluk kepada syarat yang difikirkannya patut.

126. (1) Jika Menteri mengemukakan cadangan kepada Jawatankuasa Kaedah-Kaedah bagi membuat peruntukan khas di bawah seksyen 372 Akta Syarikat 1965 berhubung dengan penggulangan penanggung insurans, Jawatankuasa itu boleh membuat kaedah-kaedah di bawah seksyen itu untuk menguatkuasakan cadangan itu, sama ada sebagaimana yang dikemukakan atau tertakluk kepada apa-apa ubahsuaian sebagaimana yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa.

Kaedah-
kaedah
penggulangan.
Akta 125.

(2) Kaedah-kaedah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh memperuntukkan bagi ubahsuaian atau kecualian Bahagian X Akta Syarikat 1965.

Akta 125

BAHAGIAN XI

PEMINDAHAN PERNIAGAAN

127. Dalam Bahagian ini—

Tafsiran
Bahagian ini.

"pemindah" ertinya penanggung insurans berlesen yang memindahkan perniagaan insuransnya, keseluruhannya atau sebahagiannya kepada penerima pindahan;

"penerima pindahan" ertinya suatu syarikat, termasuk penanggung insurans berlesen, yang kepadanya perniagaan insurans penanggung insurans berlesen itu telah dipindahkan;

"skim" ertinya suatu skim pindahan bagi perniagaan insurans.

Mahkamah
hendaklah
mengesahkan
skim.

128. (1) Suatu perniagaan insurans pemindah, keseluruhannya atau sebahagiannya, boleh dipindahkan kepada penerima pindahan melalui suatu skim yang diluluskan oleh Bank dan disahkan oleh Mahkamah.

(2) Subseksyen (1) dan (4) dalam hal penanggung insurans asing, hendaklah terpakai berhubungan dengan polisi Malaysiannya.

(3) Pengesahan Mahkamah di bawah subseksyen (1) tidak diperlukan bagi pemindahan perniagaan penanggung insurans tempatan berlesen di luar Malaysia.

(4) Suatu skim boleh memperuntukkan bagi perniagaan itu dipindahkan kepada suatu syarikat awam yang tidak dilesenkan sebagai penanggung insurans di bawah Akta ini berkenaan dengan kelas perniagaan yang relevan, jika skim itu hanya beroperasi apabila syarikat awam itu dilesenkan sedemikian.

Pengemukakan
skim.

129. (1) Pemindah, sebelum membuat suatu permohonan kepada Mahkamah, hendaklah mengemukakan kepada Bank, mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Bank—

- (a) draf skim;
- (b) persetujuan penerima pindahan terhadap skim;
- (c) suatu salinan akaunnya yang diperakui, dan dalam hal suatu pemindahan perniagaan hayat, suatu laporan penilaian yang kepadanya skim itu diasaskan; dan
- (d) pengesahan penerima pindahan bahawa pemunya polisi, penuntut dan pemiutang lain tidak akan dimudaratkan berikutan dengan pemindahan itu.

(2) Bank boleh menghendaki pemindah atau penerima pindahan atau kedua-duanya supaya memberikan dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Bank, termasuk—

- (a) suatu salinan memorandum persatuan dan perkara persatuan penerima pindahan;
- (b) rancangan berjadual khusus untuk memastikan bahawa penerima pindahan mematuhi kehendak modal seksyen 18; dan
- (c) laporan oleh juruaudit pemindah, dan dalam hal suatu pemindahan perniagaan hayat, suatu laporan oleh aktuari yang dilantik pemindah tentang kedudukan kewangan kumpulan wang insuransnya.

(3) Bank boleh menghendaki suatu penilaian mengenai kumpulan wang hayat itu dibuat oleh seorang aktuari dengan menggunakan asas penilaian yang diluluskan oleh Bank dan kos penilaian itu hendaklah ditanggung oleh pemindah itu.

(4) Dalam hal pemindahan perniagaan insurans am, skim pemindahan itu hendaklah memperuntukkan bahawa penerima pindahan hendaklah mengambil alih liabiliti bagi tuntutan yang telah ditanggung tetapi belum dilaporkan, sebagai tambahan kepada liabiliti terhadap tuntutan yang dilaporkan dan liabiliti lain yang dinyatakan dalam kunci kira-kiranya.

130. Bank boleh menolak atau meluluskan skim itu dengan apa-apa ubahsuaian sebagaimana yang ditentukannya. Kelulusan skim.

131. (1) Pemindah, apabila Bank meluluskan skim itu, hendaklah menyiarkan suatu notis yang menyatakan— Notis skim.

- (a) niatnya untuk memohon kepada Mahkamah bagi pengesahan skim itu, dalam *Warta* dan dalam tidak kurang daripada dua akhbar harian yang disiarkan di Malaysia dan diluluskan oleh Bank, satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan;

- (b) bahawa satu salinan skim itu adalah terbuka untuk pemeriksaan bagi suatu tempoh tiga puluh hari di tempat utama perniagaan pemindah dan penerima pindahan;
- (c) lokasi pejabat lain di mana skim itu boleh diperiksa; dan
- (d) bahawa seorang pemunya polisi, penuntut atau pemiutang lain boleh membantah terhadap skim itu secara bertulis kepada Bank dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyiaran notis itu.

(2) Pemindah itu hendaklah menghantar suatu salinan notis itu berserta dengan ringkasan skim itu sebagaimana yang diluluskan oleh Bank kepada setiap pemunya polisinya di alamat akhirnya yang diketahui.

(3) Bank, atas permohonan pemindah secara bertulis, boleh mengecualikan pemindah itu daripada subseksyen (2) tertakluk kepada syarat yang dikenakan oleh Bank.

Ubahsuaian
skim.

132. Jika pemunya polisi, penuntut atau pemiutang lain memfailkan suatu bantahan kepada skim itu, pemindah dengan kelulusan Bank, boleh mengubahsuaikan skim itu.

Petisyen
kepada
Mahkamah
untuk
mengesahkan
skim.

133. (1) Pemindah hendaklah mengemukakan suatu petisyen kepada Mahkamah bagi pengesahan skim yang telah diluluskan oleh Bank.

(2) Suatu permohonan kepada Mahkamah berkenaan dengan mana-mana perkara berkaitan dengan skim itu boleh dibuat oleh seseorang yang pada pendapat Mahkamah mungkin akan tersentuh oleh skim itu, pada bila-bila masa sebelum pengesahan skim itu oleh Mahkamah.

(3) Mahkamah boleh enggan mengesahkan skim itu atau boleh mengesahkannya dengan atau tanpa ubahsuaian.

(4) Apabila mengesahkan skim itu, Mahkamah hendaklah menetapkan tarikh kuatkuasa pemindahan selepas mendengar kesemua pihak yang berkenaan dan pemindahan itu hendaklah mengikat semua orang yang tersentuh olehnya.

134. (1) Seseorang yang membuat permohonan kepada Mahkamah berhubung dengan suatu skim—

Bank hendaklah menjadi pihak kepada prosiding.

- (a) hendaklah menyerahkan suatu salinan permohonan itu kepada Bank;
- (b) hendaklah memberikan notis kepada Bank mengenai kesemua prosiding yang berhubung dengan permohonan itu; dan
- (c) hendaklah memberikan kepada Bank suatu salinan mana-mana dokumen yang berhubung dengan prosiding itu,

pada masa yang sama dengan masa prosiding dimulakan atau dokumen diserahkan di dalam Mahkamah atau disampaikan kepada pihak kepada prosiding itu.

(2) Bank adalah berhak untuk didengar dalam prosiding berhubung dengan suatu permohonan berkenaan dengan suatu skim dan untuk memanggil, memeriksa dan memeriksa balas seorang saksi.

(3) Walau pun Bank telah memberikan kelulusannya terhadap sesuatu skim, ia boleh menyokong suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen 133(2) atau mencadangkan ubahsuaian kepada skim itu.

135. (1) Pengesahan Mahkamah terhadap skim itu hendaklah mempunyai kuatkuasa—

Kesan pengesahan oleh Mahkamah.

- (a) meletakhakkan hak dan hakmilik pemindah terhadap aset yang dipindahkan oleh skim itu kepada penerima pindahan tanpa perlu untuk menguatkuasakan pemindahan hak dan hakmilik terhadap setiap aset secara individu; dan

- (b) menjadikan penerima pindahan bertanggung-jawab sepenuhnya bagi liabiliti yang dipindahkan oleh skim itu sama ada yang berbangkit daripada polisi atau selainnya seolah-olah liabiliti itu pada asalnya diambil alih oleh penerima pindahan tanpa penerima pindahan perlu mengesahkan setiap liabiliti secara individu.

(2) Jika suatu perintah Mahkamah meletakkan suatu tanah bermilik, atau suatu syer atau kepentingan mengenai suatu tanah bermilik, pada penerima pindahan—

- (a) Mahkamah, jika tanah bermilik itu terletak di Malaysia Barat, hendaklah menyebabkan suatu salinan perintah itu disampaikan kepada Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebaik sahaja perintah itu dibuat untuk memberikan kuatkuasa kepada subseksyen 420(2), (3) dan (4) Kanun Tanah Negara;

*Akta
5611965*

- (b) jika tanah bermilik itu terletak di Sabah, penerima pindahan, dengan seberapa segera yang praktik selepas perintah itu dibuat, hendaklah mengemukakan suatu salinan perintah itu yang ditentusahkan kepada Pendaftar bagi pendaftaran perletakhakkan tanah bermilik itu atau syer itu atau kepentingan mengenai tanah bermilik itu, kepada penerima pindahan, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Ordinan Tanah Sabah; atau

*Sabah
Bab 68.*

- (c) jika tanah bermilik itu terletak di Sarawak, penerima pindahan, dengan seberapa segera yang praktik selepas perintah itu dibuat, hendaklah mengeluarkan suatu salinan perintah itu yang ditentusahkan kepada Pendaftar bagi pendaftaran perletakhakkan tanah bermilik itu atau syer itu atau kepentingan mengenai tanah bermilik itu, kepada penerima pindahan, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 171 Kanun Tanah Sarawak.

*Swk
Bab 81.*

136. Pemindah dan penerima pindahan hendaklah bersesama dan berasingan bertanggung untuk membayar balik kepada Bank mana-mana perbelanjaan yang ditanggungnya di bawah Bahagian ini.

Bayaran balik perbelanjaan Bank.

137. Tiada penanggung insurans berlesen boleh membayar kepada mana-mana orang apa-apa saraan daripada aset suatu kumpulan wang insurans berhubung dengan suatu skim.

Larangan pembayaran daripada kumpulan wang insurans.

Penalti : Satu juta ringgit.

138. Dalam tempoh tiga puiuh hari selepas skim itu berkuatkuasa, penerima pindahan hendaklah menyerahkan—

Penyerah-simpanan dokumen.

- (a) suatu salinan skim itu yang disahkan oleh Mahkamah;
- (b) suatu penyata aset dan liabiliti perniagaan insurans yang dipindahkan itu pada tarikh berkuatkuasanya pemindahan itu;
- (c) suatu penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti penerima pindahan pada tarikh berkuatkuasanya pemindahan itu;
- (d) suatu salinan mana-mana laporan aktuari atau laporan lain tentang kedudukan kewangan perniagaan insurans hayat yang dipindahkan itu dan yang dibuat selepas laporan itu difailkan dengan Bank di bawah subseksyen 129(1); dan
- (e) suatu akuan berkanun oleh pengerusi lembaga pengarah, penerima pindahan, dan pemindah atau pelikuidasi, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang menyatakan pembayaran secara tunai atau yang berupa wang telah dibuat atau akan dibuat kepada seseorang kerana pemindahan itu dan menyatakan bahawa sepanjang yang dia percaya tiada pembayaran lain telah atau akan dibuat dengan pengetahuannya.

Pemindahan
perniagaan
pembrokeran
insurans atau
pengajusteran
insurans.

139. Tiada seorang pun broker insurans berlesen atau ajuster berlesen boleh memindahkan perniagaannya, keseluruhannya atau sebahagiannya, kepada seseorang kecuali dengan kelulusan daripada Bank terlebih dahulu.

BAHAGIAN XII

PERUNTUKAN BERHUBUNGAN DENGAN POLISI

Insurans harta
dan liabiliti.

140. (1) Kecuali dengan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu, tiada seorang pun boleh menginsuranskan atau menyebabkan diinsuranskan harta, atau liabiliti, dengan penanggung insurans selain daripada penanggung insurans am berlesen.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit.

(2) Bank, jika ia berpuas hati bahawa insurans harta, atau liabiliti itu, tidak terdapat daripada mana-mana penanggung insurans am berlesen, dan selepas berunding dengan Menteri, boleh meluluskan di bawah subseksyen (1) bagi insurans itu dilaksanakan di luar Malaysia.

(3) Suatu kelulusan di bawah subseksyen (2) hendaklah diberikan bagi apa-apa tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan oleh Bank.

(4) Seseorang hendaklah memberi Bank apa-apa maklumat tentang insurans mana-mana harta, atau liabiliti, sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank melalui notis secara bertulis dalam apa-apa tempoh yang ditentukan dalam notis itu.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit.

(5) Dalam seksyen ini—

- (a) "harta" ertinya harta, alih dan tak alih, yang terletak di Malaysia, termasuklah mana-mana kapal atau kapal terbang yang berdaftar di Malaysia;
- (b) "liabiliti" ertinya liabiliti seseorang yang bermastautin di Malaysia terhadap pihak ketiga.

141. (1) Tiada seorang pun penanggung insurans am berlesen boleh mengambil alih apa-apa risiko berkenaan dengan perihalan polisi insurans am sebagaimana yang ditetapkan melainkan jika dan sehingga premium yang kena dibayar diterima oleh penanggung insurans am berlesen itu mengikut cara dan dalam apa-apa tempoh yang ditetapkan.

Pengambil-
alihan risiko.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit.

(2) Jika premium yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) diterima oleh seseorang bagi pihak penanggung insurans am berlesen, penerimaan itu hendaklah disifatkan sebagai penerimaan oleh penanggung insurans berlesen itu bagi maksud subseksyen itu dan beban membuktikan bahawa premium itu telah diterima oleh seseorang yang tidak diberikuasa untuk menerima premium itu adalah terletak pada penanggung insurans berlesen itu.

(3) Jika seseorang menerima bagi pihak penanggung insurans am berlesen premium atas polisi daripada perihalan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1), orang itu hendaklah meremitkan amaun itu kepada penanggung insurans am berlesen itu dalam apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh Bank berhubung dengan polisi daripada perihalan itu.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit.

(4) Penanggung insurans am berlesen hendaklah membayar terus kepada pemunya polisi suatu pemulangan premium berhubung dengan polisi daripada perihalan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) yang mungkin kena dibayar kepada pemunya polisi itu bagi apa-apa sebab.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit. Penalti ingkar.

142. (1) Penanggung insurans hayat berlesen tidaklah boleh mengeluarkan polisi hayat melainkan jika kadar premium yang boleh dicaj di bawah perihalan polisi itu telah diperakui oleh aktuari yang dilantiknya sebagai sesuai.

Kadar
premium di
bawah polisi
hayat.

Penalti: Satu juta ringgit.

(2) Penanggung insurans hayat berlesen hendaklah menyerahkan dengan Bank butir-butir mengenai produk polisi hayat baru berserta dengan perakuannya oleh aktuari yang dilantik, prospektus atau kepustakaan jualan yang lain dan polisi contoh berhubungan dengan produk itu dan apa-apa maklumat lain yang menyokong sebagaimana yang ditentukan oleh Bank, sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum menawarkan produk polisi hayat baru itu kepada orang awam.

Penalti: Satu juta ringgit.

(3) Jika didapati oleh Bank bahawa suatu produk polisi hayat tidak wajar kerana apa-apa sebab, Bank, sebelum tamatnya tempoh tiga puluh hari yang disebut dalam subseksyen (2)—

- (a) boleh melarang penanggung insurans hayat berlesen itu daripada menawarkan polisi hayat kepada orang awam; atau
- (b) boleh menghendaki penanggung insurans hayat berlesen itu untuk membuat apa-apa perubahan kepada produk polisi hayat itu sebagaimana yang ditentukan oleh Bank sebelum menawarkannya kepada orang awam.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

(4) Perakuan aktuari yang dilantik hendaklah dalam bentuk yang ditentukan oleh Bank.

(5) Aktuari yang dilantik tidaklah boleh memperakukan kadar premium bagi suatu produk polisi hayat melainkan jika dia berpuas hati bahawa ia sesuai dan mengikut prinsip insurans yang kukuh, konsisten dengan pengalaman penanggung insurans hayat berlesen itu dan mematuhi tata amalan baik sebagaimana yang ditentukan oleh Bank berkenaan dengan asas pengaktuarian bagi menentukan kadar premium.

(6) Aktuari yang dilantik itu dalam memperakukan kadar premium bagi sesuatu produk polisi hayat hendaklah mengambil kira kadar maksimum komisyen atau diskaun yang dicadangkan untuk dibayar atau dibenarkan kepada seseorang bagi perihalan polisi itu.

(7) Jika kadar premium adalah diperakukan oleh aktuari yang dilantik itu bagi sesuatu produk polisi hayat, penanggung insurans hayat berlesen itu, kecuali dengan kelulusan Bank, tidaklah boleh membayar atau membenarkan berkenaan dengan sesuatu polisi mengenai perihalan itu, komisyen pada kadar yang lebih tinggi daripada kadar maksimum komisyen.

Penalti: Satu juta ringgit.

143. (1) Bank boleh mengarahkan sesuatu penanggung insurans hayat berlesen untuk melantik seseorang aktuari yang diluluskan oleh Bank untuk memberikan, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis, suatu laporan mengenai—

Laporan
aktuari atas
terma polisi.

- (a) kesesuaian terma polisi dan kadar premium yang pada masa itu boleh dicajkan oleh penanggung insurans hayat berlesen itu bagi sesuatu produk polisi hayat; atau
- (b) apa-apa perkara lain yang ditentukan oleh Bank,

dan jika dia fikirkan bahawa terma polisi, kadar atau apa-apa perkara lain adalah tidak sesuai atau tidak menurut prinsip insurans yang kukuh atau bertentangan dengan pengalaman penanggung insurans hayat berlesen itu, untuk mengemukakan suatu laporan mengenai terma polisi dan kadar premium atau apa-apa perkara lain yang disyorkan oleh aktuari bagi produk polisi itu.

(2) Bank, selepas menimbangkan laporan aktuari itu—

- (a) boleh melarang penanggung insurans hayat berlesen itu daripada menawarkan produk polisi hayat itu kepada orang awam; atau

- (b) boleh menghendaki penanggung insurans hayat berlesen itu untuk membuat apa-apa perubahan kepada produk polisi hayat itu sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

Penalti: Satu juta ringgit.

(3) Apabila menerima laporan itu, Bank hendaklah memberitahu saraan yang penanggung insurans hayat berlesen hendaklah membayar kepada aktuari itu.

Kadar premium di bawah polisi am.

144. Tiada seorang pun penanggung insurans am berlesen atau persatuan penanggung insurans am berlesen boleh menerimapakai sesuatu tarif kadar premium, atau sesuatu tarif terma dan syarat polisi, bagi sesuatu perihalan polisi am yang wajib terpakai kepada penanggung insurans am berlesen, kecuali dengan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu.

Penalti: Satu juta ringgit.

Semakan kadar premium,

145. Bank boleh menghendaki seseorang penanggung insurans berlesen atau sesuatu persatuan penanggung insurans hayat atau am berlesen—

- (a) untuk menyemak semula kadar premium bagi sesuatu perihalan polisi hayat atau am berdasarkan pengalaman tuntutan penanggung insurans berlesen itu atau kesemua penanggung insurans berlesen atau faktor lain yang relevan dalam menentukan kadar premium; atau
- (b) untuk menjustifikasikan kadar premiumnya bagi sesuatu perihalan polisi hayat atau am dan Bank, jika ia fikirkan perlu, boleh mengarahkan penanggung insurans berlesen itu untuk menaikkan atau mengurangkan kadar premium.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

Notis berkenaan dengan bukti umur.

146. Jika seseorang penanggung insurans hayat berlesen mengeluarkan sesuatu polisi hayat yang memperuntukkan bahawa bukti umur orang yang hayatnya diinsuranskan adalah suatu syarat terdahulu kepada pembayaran faedah di bawah polisi hayat itu dan ia tidak mengakui umur

orang yang hayatnya diinsuranskan itu, ia hendaklah mengeluarkan pada atau berserta dengan polisi hayat itu satu notis bercetak yang menyatakan bahawa bukti umur orang yang hayatnya diinsuranskan itu mungkin dikehendaki sebelum pembayaran faedah di bawah polisi hayat itu.

147. (1) Seseorang penanggung insurans hayat berlesen tidaklah boleh mempertikaikan liabiliti di bawah sesuatu polisi hayat hanya dengan sebab sesuatu pernyataan silap tentang umur orang yang hayatnya diinsuranskan itu. Pernyataan silap tentang umur dan ketakelakan polisi.

(2) Jika umur sebenar seperti yang ditunjukkan melalui bukti adalah lebih daripada umur yang baginya polisi hayat itu diasaskan, penanggung insurans hayat berlesen itu boleh mengubah jumlah yang diinsuranskan oleh, dan bonus yang diuntukkan kepada, polisi hayat itu supaya, sebagaimana diubah, ianya mempunyai nisbah yang sama kepada jumlah yang diinsuranskan oleh, dan bonus yang diuntukkan kepada, polisi hayat itu sebelum perubahan bagi amaun premium yang telah dibayar di bawah polisi hayat yang dikeluarkan mempunyai amaun premium yang mungkin menjadi kena dibayar jika polisi hayat itu telah diasaskan kepada umur sebenar.

(3) Jika umur sebenar seperti yang ditunjukkan melalui bukti adalah kurang daripada umur yang baginya polisi hayat itu diasaskan, penanggung insurans hayat berlesen itu—

- (a) boleh mengubah jumlah yang diinsuranskan oleh, dan bonus yang diuntukkan kepada, polisi hayat itu supaya, sebagaimana diubah ianya mempunyai nisbah yang sama kepada jumlah wang yang diinsuranskan oleh, dan bonus yang diuntukkan kepada, polisi hayat itu sebelum perubahan sebagai amaun premium yang telah dibayar di bawah polisi hayat itu sebagaimana dikeluarkan mempunyai amaun premium yang mungkin menjadi kena dibayar jika polisi itu diasaskan kepada umur sebenar; atau
- (b) boleh mengurangkan premium dari tarikh pengeluaran polisi hayat itu, kepada amaun yang mungkin kena dibayar jika polisi hayat itu diasaskan kepada umur sebenar dan membayar

balik pemunya polisi amaun itu premium yang terlebih bayar ditolak apa-apa amaun yang telah dibayar sebagai nilai wang tunai bonus yang melebihi nilai wang tunai yang mungkin dibayar jika polisi hayat itu diasaskan kepada umur sebenar.

(4) Seseorang penanggung insurans hayat berlesen tidaklah boleh mempertikaikan kesahan sesuatu polisi hayat selepas tamat tempoh dua tahun dari tarikh ianya berkuatkuasa dengan alasan bahawa sesuatu pernyataan yang dibuat atau ditinggalkan daripada dibuat dalam cadangan bagi insurans atau dalam sesuatu laporan doktor, pengadil atau mana-mana orang lain, atau dalam sesuatu dokumen yang mendorong kepada pengeluaran polisi hayat itu, adalah tidak tepat atau palsu atau mengelirukan melainkan jika penanggung insurans hayat berlesen itu menunjukkan bahawa pernyataan tersebut adalah suatu perkara material atau menyekat suatu fakta material dan bahawa ia telah dibuat atau ditinggalkan daripada dibuat secara fraud oleh pemunya polisi itu.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), "perkara material" atau "fakta material" ertinya sesuatu perkara atau fakta yang, jika diketahui oleh penanggung insurans hayat berlesen, mungkin mendorongnya untuk enggan mengeluarkan sesuatu polisi hayat kepada pemunya polisi atau mungkin mendorongnya untuk mengenakan terma yang kurang berfaedah kepada pemunya polisi daripada terma yang dikenakan dalam polisi hayat itu.

(6) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menghalang penanggung insurans hayat berlesen daripada menghendaki bukti umur pada bila-bila masa dan tiada polisi hayat boleh disifatkan sebagai dipertikaikan hanya kerana terma polisi hayat itu diselaraskan mengikut subseksyen (2) atau (3).

Bantahan
kepada polisi
hayat.

148. (1) Seseorang pemunya polisi, dalam tempoh lima belas hari selepas penghantaran sesuatu polisi hayat mengenai apa-apa perihalan kepadanya atau kepada seseorang yang tinggal di rumahnya, boleh mengembalikan polisi hayat itu kepada penanggung insurans hayat berlesen dan ia hendaklah dengan serta-merta membayar balik

apa-apa premium yang telah dibayar berkenaan dengan polisi hayat itu dan polisi hayat itu hendaklah dibatalkan tertakluk hanya kepada potongan perbelanjaan yang ditanggung bagi pemeriksaan perubatan orang yang hayatnya diinsuranskan.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai kepada sesuatu polisi hayat yang menginsuranskan tiga orang atau lebih.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), sesuatu polisi hayat hendaklah disifatkan sebagai dipulangkan kepada seseorang penanggung insurans hayat berlesen pada tarikh polisi hayat itu diterima olehnya atau diposkan kepadanya melalui pos berdaftar.

149. (1) Seseorang penanggung insurans berlesen, apabila dikehendaki oleh Bank melalui notis secara bertulis, hendaklah mengemukakan borang cadangan, polisi atau risalah yang digunakan pada masa itu atau akan digunakan olehnya dan jika keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana borang cadangan, polisi atau risalah itu bukan dalam bahasa kebangsaan atau Inggeris, ia hendaklah mengemukakan terjemahannya dalam bahasa kebangsaan atau Inggeris.

Kawalan ke atas borang cadangan, polisi dan cadangan.

Penalti: Satu juta ringgit.

(2) Bank, selepas memberikan penanggung insurans berlesen peluang untuk didengar, melalui notis secara bertulis boleh mengarahkan penanggung insurans berlesen untuk memberhentikan penggunaan borang cadangan, polisi atau risalah dari suatu tarikh yang ditentukan dalam notis itu, atau sehingga ianya diubahsuaikan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Bank.

Penalti: Satu juta ringgit.

(3) Melainkan jika diarahkan oleh Bank di bawah subseksyen (2), seseorang penanggung insurans berlesen boleh terus menggunakan borang cadangan, polisi atau risalah yang diserahsimpan dengan Bank menurut subseksyen (1).

(4) Sesuatu borang cadangan dan, jika tiada borang cadangan rasmi digunakan, sesuatu permintaan bagi butir-butir oleh penanggung insurans berlesen hendaklah mempamerkan dengan nyata suatu amaran bahawa jika seseorang pencadang tidak memberikan hakikat secara penuh dan jujur sebagaimana yang dia tahu atau patut tahu, polisi itu boleh menjadi tak sah.

(5) Bank boleh menentukan suatu tata amalan baik berhubungan dengan apa-apa perihalan borang cadangan, polisi atau risalah.

Kewajipan
pendedahan.

150. (1) Sebelum sesuatu kontrak insurans dibuat, seseorang pencadang hendaklah mendedahkan kepada penanggung insurans berlesen sesuatu perkara yang—

- (a) dia tahu sebagai relevan kepada keputusan penanggung insurans berlesen sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai; atau
- (b) seseorang yang munasabah dalam keadaan itu mungkin dijangka untuk tahu sebagai relevan.

(2) Kewajipan pendedahan tidak menghendaki pendedahan sesuatu perkara yang—

- (a) menyusutkan risiko kepada penanggung insurans berlesen;
- (b) adalah pengetahuan am;
- (c) penanggung insurans berlesen tahu atau dalam perjalanan biasa perniagaannya patut tahu; atau
- (d) berkenaan dengan yang baginya penanggung insurans berlesen telah mengenenepikan mana-mana kehendak bagi pendedahan.

(3) Jika seseorang pencadang gagal untuk menjawab atau memberi sesuatu jawapan yang tak lengkap atau tak relevan kepada sesuatu soalan yang terkandung dalam borang cadangan itu atau yang ditanya oleh penanggung insurans berlesen dan perkara itu tidak dilanjutkan oleh penanggung insurans berlesen, pematuhan berkenaan

dengan kewajiban pendedahan berkenaan dengan perkara itu hendaklah disifatkan sebagai diketepikan oleh penanggung insurans berlesen itu.

(4) Tiada seorang pun penanggung insurans berlesen atau ejen insurans, dalam usaha untuk mendorong seseorang untuk membuat atau menawarkan untuk membuat sesuatu kontrak insurans dengannya atau melaluinya—

- (a) boleh membuat sesuatu pernyataan yang mengelirukan, palsu atau memperdaya, sama ada secara fraud atau selainnya;
- (b) boleh secara fraud menyembunyikan sesuatu fakta material; atau
- (c) dalam hal seseorang ejen insurans, menggunakan risalah jualan atau unjukan jualan yang tidak dibenarkan oleh penanggung insurans berlesen.

Penalti: Satu juta ringgit.

(5) Jika seseorang itu telah didorong untuk membuat sesuatu kontrak insurans dalam cara yang diperihalkan dalam subseksyen (4), kontrak insurans itu hendaklah boleh batal dan orang itu adalah berhak untuk membatalkan kontrak itu.

151. (1) Seseorang yang diberikuasa oleh seseorang penanggung insurans berlesen sebagai ejennya dan yang mensolisit atau merundingkan sesuatu kontrak insurans dalam sifat itu hendaklah disifatkan, bagi maksud pembentukan kontrak insurans itu, sebagai ejen insurans penanggung insurans berlesen itu dan pengetahuan ejen insurans itu hendaklah disifatkan sebagai pengetahuan penanggung insurans berlesen itu.

Pengetahuan,
dan
pernyataan
oleh, ejen
insurans.

(2) Sesuatu pernyataan yang dibuat, atau sesuatu tindakan yang dilakukan, oleh seseorang ejen insurans hendaklah disifatkan, bagi maksud pembentukan kontrak insurans itu, sebagai suatu pernyataan yang dibuat, atau tindakan yang dilakukan oleh penanggung insurans berlesen walau apa pun pelanggaran ejen insurans itu terhadap subseksyen 150(4) atau peruntukan lain Akta ini.

(3) Subseksyen (1) tidaklah boleh terpakai—

- (a) jika terdapat pakat sulit atau pembiaran antara ejen insurans dan pencadang dalam pembentukan kontrak insurans itu; atau
- (b) jika seseorang itu telah berhenti menjadi ejen insurans penanggung insurans berlesen dan ia telah mengambil kesemua langkah yang munasabah untuk memberitahu, atau membawa kepada pengetahuan, bakal pemunya polisi dan orang awam amnya mengenai hakikat pemberhentian itu.

Kepentingan
boleh
insurans.

152. (1) Sesuatu polisi hayat yang menginsuranskan hayat seseorang selain daripada orang yang mengambil insurans itu atau hayat orang yang disebut dalam subseksyen (2), hendaklah terbatal melainkan jika orang yang mengambil insurans itu mempunyai kepentingan boleh insurans dalam hayat itu pada masa insurans itu diambil dan wang polisi kena dibayar, atau jika wang polisi boleh dibayar secara ansuran, nilai diskaun kesemua ansuran di masa hadapan di bawah polisi hayat itu, tidaklah boleh melebihi amaun kepentingan boleh insurans itu pada masa kejadian yang menyebabkan pembayaran wang polisi itu berlaku.

(2) Seseorang hendaklah disifatkan sebagai mempunyai kepentingan boleh insurans berhubungan dengan seorang yang lain jika orang lain itu adalah—

- (a) suami atau isterinya, anak atau anak jagaan yang di bawah umur dewasa pada masa insurans itu diambil;
- (b) pekerjanya; atau
- (c) walau apa pun perenggan (a), seseorang yang kepadanya dia bergantung pada masa insurans itu diambil, secara keseluruhannya atau sebahagiannya.

(3) Dalam seksyen ini, "menginsuranskan hayat seseorang" ertinya menginsuranskan pembayaran wang atas kematian seseorang atau kemungkinan berlakunya apa-apa kontigen yang bergantung kepada penamatan atau penerusan hayatnya dan termasuk pemberian sesuatu anuiti yang bermula atas kematian orang itu atau pada suatu masa yang dirujuk dalam anuiti itu.

(4) Seksyen ini tidaklah boleh menjejaskan sesuatu polisi yang telah dikeluarkan sebelum 21 Januari 1963.

153. (1) Walau apa pun apa-apa undang-undang yang bertentangan, seseorang yang belum dewasa yang telah mencapai umur sepuluh tahun tetapi belum mencapai umur enam belas tahun, dengan keizinan secara bertulis oleh ibu bapa atau penjaganya—

Keupayaan orang yang belum dewasa untuk menginsurans.

- (a) boleh mengambil sesuatu polisi untuk hayatnya sendiri atau terhadap hayat seorang lain yang dia mempunyai kepentingan boleh insurans; atau
- (b) boleh menyerahkan polisi hayat itu atas hayatnya sendiri.

(2) Seseorang yang belum dewasa yang telah mencapai umur enam belas tahun—

- (a) boleh mengambil sesuatu polisi hayat untuk hayatnya sendiri atau terhadap hayat seorang lain yang dia mempunyai kepentingan boleh insurans; atau
- (b) menyerahkan polisi hayat itu atas hayatnya sendiri,

dan adalah kompeten dalam semua hal untuk mempunyai dan melaksanakan kuasa dan keistimewaan seseorang pemunya polisi berhubungan dengan sesuatu polisi hayat yang dia adalah pemunya seperti dia akan menjadi jika dia telah mencapai umur dewasa.

154. (1) Wang polisi yang kena dibayar di bawah sesuatu polisi hayat, atau wang yang kena dibayar atas penyerahan sesuatu polisi hayat, hendaklah dibayar tanpa apa-apa potongan bagi wang yang tidak kena dibayar di bawah polisi itu atau di bawah suatu penyerahhakan polisi hayat itu, melainkan jika potongan itu dibuat dengan keizinan orang yang berhak kepada wang polisi itu.

Wang polisi hayat hendaklah dibayar tanpa potongan.

(2) Sesuatu peruntukan yang terkandung dalam sesuatu polisi hayat atau sesuatu perjanjian berhubungan dengan potongan wang yang tidak kena dibayar di bawah polisi hayat itu hendaklah terbatal setakat ia memberikan hak

kepada penanggung insurans hayat berlesen untuk memotong sejumlah wang daripada wang polisi yang kena dibayar di bawah, atau wang yang kena dibayar atas penyerahan, polisi hayat itu tanpa keizinan orang yang berhak kepada wang polisi itu.

(3) Subseksyen (1) dan (2) terpakai kepada semua polisi hayat Malaysia tetapi tidaklah terpakai kepada sesuatu polisi hayat yang dikeluarkan sebelum 21 Januari 1963.

(4) Dalam mana-mana prosiding bagi mendapatkan semula wang polisi yang kena dibayar di bawah, atau kena dibayar atas penyerahan, sesuatu polisi hayat tiada tolakan atau tuntutan balas boleh dibenarkan kecuali bagi wang yang kena dibayar di bawah polisi hayat itu atau di bawah sesuatu perjanjian yang mengenakan caj bagi wang atas polisi hayat itu.

Penyerahan
polisi hayat.

155. (1) Pada bila-bila masa selepas—

- (a) wujudnya sesuatu polisi hayat premium tunggal; atau
- (b) sesuatu polisi hayat selain daripada sesuatu polisi hayat premium tunggal yang telah berkuatkuasa selama tiga tahun atau lebih,

pemunya polisi, melalui notis secara bertulis kepada penanggung insurans berlesen, boleh menyerahkan polisi hayat itu dan dia adalah berhak untuk menerima nilai serahan polisi hayat itu, yang ditentukan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan tetapi tertakluk kepada sesuatu potongan wang yang kena dibayar di bawah polisi hayat itu atau di bawah sesuatu perjanjian yang mengenakan caj bagi wang atas polisi hayat itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(b), seseorang penanggung insurans hayat berlesen boleh memperuntukkan nilai serahan bagi sesuatu polisi hayat yang telah berkuatkuasa kurang daripada tiga tahun.

(3) Sesuatu polisi hayat hendaklah tetap berkuatkuasa sehingga penanggung insurans hayat berlesen telah membuat pembayaran nilai serahan polisi hayat itu.

156. (1) Jika sesuatu polisi hayat telah berkuatkuasa selama tiga tahun atau lebih, polisi itu tidaklah boleh luput atau terlucuthak dengan sebab ketakbayaran premium tetapi hendaklah mempunyai kuatkuasa tertakluk kepada apa-apa ubahsuaian terhadap tempoh yang ianya berkuatkuasa, atau kepada faedah yang boleh diterima di bawahnya, atau kedua-duanya, sebagaimana yang ditentukan mengikut sistem penanggung insurans hayat berlesen itu yang terpakai kepada polisi hayat itu.

Ketakbayaran
premium
polisi hayat.

(2) Tiada seorang pun penanggung insurans hayat berlesen boleh menerimapakai sesuatu sistem bagi maksud subseksyen (1) melainkan dia telah memfailkan butir-butir mengenai sistem itu dengan Bank sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum tarikh berkuatkuasa bagi penerimaan pakai sistem itu.

(3) Jika Bank fikirkan sesuatu sistem penanggung insurans hayat berlesen adalah tidak wajar bagi apa-apa sebab, ia boleh menghendaki penanggung insurans hayat berlesen itu melalui notis secara bertulis untuk meminda sistem itu mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Bank.

(4) Seseorang penanggung insurans hayat berlesen hendaklah memberitahu pemunya polisi pada masa polisi hayat itu dikeluarkan mengenai sistem di bawah subseksyen (1) yang terpakai kepada polisi hayat itu dan sistem itu tidaklah boleh diubah kecuali bagi faedah pemunya polisi itu selagi polisi hayat itu berkuatkuasa.

(5) Seseorang penanggung insurans hayat berlesen, apabila menerima sesuatu notis di bawah subseksyen (3), tidaklah boleh menggunakan sistem itu melainkan jika ia diubahsuaikan sebagaimana ditentukan.

Penalti; Lima ratus ribu ringgit. Penalti ingkar.

(6) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang penanggung insurans hayat boleh memperuntukkan faedah di bawah seksyen ini bagi sesuatu polisi hayat yang telah berkuatkuasa kurang daripada tiga tahun.

Butir-butir dalam polisi.

157. (1) Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah menyatakan dalam sesuatu polisi amaun premium yang dicajkan bagi insurans itu.

(2) Seseorang penanggung insurans hayat berlesen hendaklah memasukkan sesuatu pernyataan dalam bentuk taip berlainan dalam sesuatu polisi hayat—

- (a) yang menyatakan sama ada polisi hayat itu adalah suatu polisi sertaan atau tidak; dan
- (b) bahawa pemunya polisi itu, melalui notis secara bertulis kepada penanggung insurans hayat berlesen, boleh menyerahkan polisi hayat itu di bawah seksyen 155 dan adalah berhak untuk menerima nilai serahan itu.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit.

Pemilihan bagi polisi berbayar.

158. (1) Jika sesuatu polisi hayat telah berkuatkuasa selama tiga tahun atau lebih, atau apa-apa tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang dibenar oleh penanggung insurans hayat berlesen, pemunya polisi itu, melalui notis secara bertulis kepada penanggung insurans hayat berlesen, boleh memilih untuk menukarkan polisi hayat itu dengan suatu polisi hayat berbayar bagi sesuatu jumlah yang diinsuranskan yang ditentukan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan.

(2) Sesuatu polisi hayat yang dikeluarkan sebagai ganti kepada suatu polisi yang lebih awal hendaklah dianggapkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada tarikh polisi yang lebih awal itu mula berkuatkuasa.

Hak tambahan yang diberikan oleh seksyen 155, 156 dan 158.

159. Hak yang diberikan oleh seksyen 155, 156 dan 158 hendaklah menjadi tambahan kepada, dan bukan pengurangan daripada, apa-apa hak lain yang sedia ada kepada pemunya polisi di bawah terma polisi hayat itu atau selainnya.

Pungutan premium di alamat pemunya polisi.

160. (1) Bank boleh menetapkan cara seseorang penanggung insurans hayat berlesen itu menjalankan perniagaan hayat berkenaan dengan polisi hayat yang baginya premium adalah biasanya dipungut di alamat

pemunya polisi oleh seseorang yang digajikan oleh penanggung insurans hayat berlesen bagt maksud ini.

(2) Berkenaan dengan sesuatu polisi hayat yang baginya subseksyen (1) terpakai, pembayaran kepada orang yang digajikan oleh penanggung insurans hayat berlesen itu bagi pemungutan premium hendaklah disifatkan sebagai pembayaran kepada penanggung insurans hayat berlesen.

161. (1) Jika sesuatu tuntutan atau sebahagian daripada sesuatu tuntutan yang dibuat di bawah sesuatu polisi hayat, atau di bawah sesuatu polisi kemalangan diri dengan kematian pemunya polisi, tidak dibayar oleh penanggung insurans berlesen dalam tempoh-enam puluh hari daripada penerimaan permakluman tuntutan itu, penanggung insurans berlesen itu hendaklah membayar suatu faedah kompaun minimum sebanyak empat peratus setahun atau apa-apa kadar lain sebagaimana yang ditetapkan atas amaun wang polisi apabila tamatnya tempoh enam puluh hari itu sehingga tarikh pembayaran.

(2) Seksyen ini terpakai kepada pembayaran yang dibuat di bawah Bahagian XIII.

BAHAGIAN XIII

PEMBAYARAN WANG POLISI DI BAWAH SUATU POLISI HAYAT ATAU POLISI KEMALANGAN DIRI

162. Dalam Bahagian ini, sebutan mengenai sesuatu polisi adalah sebutan mengenai sesuatu polisi hayat, termasuk sesuatu polisi hayat di bawah seksyen 23 Akta Undang-Undang Sivil 1956, dan sesuatu polisi kemalangan diri, yang diambil oleh seseorang pemunya polisi atas hayatnya sendiri yang memperuntukkan bagi pembayaran wang polisi atas kematiannya.

163. (1) Seseorang pemunya polisi yang telah mencapai umurlapan belas tahun boleh menamakan seseorang sebenar untuk menerima wang polisi yang kena dibayar atas kematiannya di bawah polisi itu dengan memberitahu penanggung insurans berlesen secara bertulis mengenai nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor sijil beranak dan alamat penama—

(a) semasa polisi itu dikeluarkan; atau

- (b) selepas polisi itu dikeluarkan, berserta dengan polisi bagi pengendorsan penanggung insurans berlesen mengenai penamaan atas polisi itu.
- (2) Sesuatu penamaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disaksikan oleh seseorang yang sempurna akal yang telah mencapai umur lapan belas tahun dan bukan seorang penama yang dinamakan di bawah subseksyen itu.
- (3) Penanggung insurans berlesen—
- (a) hendaklah mempamerkan secara ketara dalam borang penamaan bahawa pemunya polisi itu telah menyerahhakkan faedah polisi itu kepada penamanya jika niatnya adalah bagi penamanya, selain daripada suami atau isterinya, anak atau ibu bapanya, untuk menerima faedah polisi itu secara benefisial dan bukan sebagai wasi;
- (b) hendaklah merekodkan penamaan dan butir-butir penama itu dalam daftar polisinya; dan
- (c) hendaklah memulangkan polisi itu kepada pemunya polisi selepas penamaan diendorskan atas polisi itu atau dengan mengeluarkan suatu pengendorsan kepada polisi asal melalui surat berdaftar kepada pemunya polisi itu dan penamaan itu hendaklah mula berkuatkuasa dari tarikh penamaan itu didaftarkan oleh penanggung insurans berlesen itu.
- (4) Sesuatu kegagalan untuk mematuhi subseksyen (3) tidaklah boleh menjejaskan kesahan penamaan itu jika dibuktikan selainnya bahawa penamaan itu telah dibuat oleh pemunya polisi itu dan diberikan kepada penanggung insurans berlesen itu.
- (5) Sesuatu penamaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh dibuat bagi faedah seseorang atau lebih dan jika orang yang dinamakan itu lebih daripada seorang, pemunya polisi itu boleh mengarahkan supaya bahagian yang ditentukan itu dibayar kepada orang yang dinamakan dan jika pemunya polisi tidak mernbuat apa-apa arahan, penanggung insurans berlesen hendaklah membayar bahagian yang sama banyak kepada orang itu.

164. (1) Sesuatu penamaan, termasuklah sesuatu penamaan yang mana seksyen 166 terpakai. hendaklah dibatalkan—

Pembatalan penamaan.

- (a) atas kematian penama itu, atau jika terdapat lebih daripada seorang penama, atas kematian kesemua penama itu, semasa hayat pemunya polisi itu;
- (h) melalui sesuatu notis secara bertulis yang diberikan oleh pemunya polisi; atau
- (c) melalui apa-apa penamaan terkemudian.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), sesuatu penamaan tidaklah boleh dibatalkan melalui sesuatu wasiat atau melalui apa-apa tindakan lain, kejadian atau cara.

(3) Jika terdapat lebih daripada seorang penama dan seorang daripada penama itu mati terdahulu daripada pemunya polisi, dan pemunya polisi itu tidak membuat apa-apa penamaan terkemudian bagi melupuskan bahagian penama yang mati itu, penanggung insurans berlesen itu hendaklah membayar bahagian itu kepada penama yang masih hidup dalam nisbah bahagian masing-masing.

165. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika seseorang pemunya polisi mati setelah membuat sesuatu penamaan, penanggung insurans berlesen hendaklah membayar wang polisi pemunya polisi yang mati itu mengikut arahan penamaan itu apabila menerima sesuatu tuntutan daripada penama itu dan tuntutan itu disertai dengan bukti kematian pemunya polisi itu.

Pembayaran wang polisi jika terdapat penamaan.

(2) Jika seseorang penama gagal untuk menuntut wang polisi itu dalam tempoh enam puluh hari selepas penanggung insurans berlesen menyedari tentang kematian pemunya polisi itu, penanggung insurans berlesen itu hendaklah memberitahu penama itu secara bertulis di alamatnya yang terakhir diketahui mengenai haknya untuk menuntut wang polisi itu.

(3) Jika seseorang penama gagal untuk menuntut wang polisi itu dalam tempoh dua belas bulan selepas penanggung insurans berlesen menyedari tentang kematian pemunya polisi itu walaupun pemberitahuan dibuat di bawah subseksyen (2), seksyen 169 hendaklah terpakai seolah-olah tiada penamaan telah dibuat.

(4) Jika seseorang penama, selain daripada seorang penama di bawah seksyen 166, mati selepas kematian pemunya polisi tetapi sebelum apa-apa wang polisi dibayar kepadanya sebagai penama, seksyen 164 atau 169 hendaklah terpakai kepada polisi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pemegang
amanah
wang polisi.

166. (1) Sesuatu penamaan oleh seseorang pemunya polisi, selain daripada seseorang pemunya polisi yang beragama Islam, hendaklah mewujudkan suatu amanah bagi faedah penama atas wang polisi yang kena dibayar atas kematian pemunya polisi itu, jika—

- (a) penama itu adalah suami atau isteri atau anaknya; atau
- (b) tidak ada suami atau isteri atau anak yang hidup pada masa penamaan itu, penama adalah ibu bapanya.

(2) Walau apa pun apa-apa undang-undang bertulis yang bertentangan, suatu pembayaran di bawah subseksyen (1) tidaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka pemunya polisi yang mati atau tertakluk kepada hutangnya.

(3) Pemunya polisi, melalui polisi, atau melalui notis secara bertulis kepada penanggung insurans berlesen, boleh melantik pemegang amanah untuk wang polisi itu dan jika tidak ada pemegang amanah—

- (a) penama yang kompeten untuk berkontrak; atau
- (b) jika penama tak kompeten untuk berkontrak, ibu bapa kepada penama yang tak kompeten itu dan jika tidak ada ibu bapanya yang masih hidup, Pemegang Amanah Raya,

hendaklah menjadi pemegang amanah wang polisi itu dan penerimaan seseorang pemegang amanah hendaklah menjadi pelepasan kepada penanggung insurans berlesen bagi kesemua liabiliti berkenaan dengan wang polisi yang telah dibayar kepada pemegang amanah itu.

(4) Seseorang pemunya polisi tidaklah boleh berurusan dengan sesuatu polisi yang baginya subseksyen (1) terpakai dengan membatalkan sesuatu penamaan di bawah polisi

itu, pengubahan atau penyerahan polisi itu, atau dengan menyerahhkan atau menyandarkan polisi itu sebagai cagaran, tanpa keizinan bertulis pemegang amanah.

(5) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh memudaratkan seseorang pemiutang pemunya polisi daripada memohon kepada mahkamah bagi suatu pengisytiharan bahawa seksyen ini, keseluruhannya atau sebahagiannya, adalah tidak terpakai kepada mana-mana polisi tertentu atas alasan bahawa premium di bawah polisi itu telah dibayar untuk menipu pemiutang itu.

167. Seseorang penama, selain daripada seorang penama di bawah subseksyen 166(1), hendaklah menerima wang polisi yang kena dibayar atas kematian pemunya polisi itu sebagai wasi dan bukan semata-mata sebagai benefisiari dan apa-apa pembayaran kepada penama itu hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka pemunya polisi yang mati dan tertakluk kepada hutangnya dan penanggung insurans berlesen itu adalah dilepaskan daripada liabiliti berkenaan dengan wang polisi yang dibayar.

Penama selain daripada penama di bawah subseksyen 166(1).

(2) Subseksyen (1) terpakai kepada seseorang penama pemunya polisi yang beragama Islam yang, apabila wang polisi itu diterima, hendaklah membahagikan wang polisi itu mengikut undang-undang Islam.

168. (1) Walau apa pun suatu penamaan di bawah seksyen 163 atau pewujudan suatu amanah di bawah subseksyen 166(1), jika wang polisi, keseluruhannya atau sebahagiannya, telah disandarkan sebagai cagaran atau diserahkan kepada seseorang, tuntutan orang yang berhak di bawah cagaran atau penerima serahakan itu hendaklah mendapat keutamaan ke atas tuntutan penama itu dan tertakluk kepada hak di bawah cagaran atau serahakan yang disimpan itu, penanggung insurans berlesen itu hendaklah membayar baki wang polisi kepada penama itu.

Wang polisi yang diserahkan atau disandarkan.

(2) Jika terdapat lebih daripada seorang yang berhak di bawah cagaran atau serahakan itu, hak setiap orang yang berhak di bawah cagaran atau serahakan itu hendaklah mengikut aturan keutamaan yang mengikut

keutamaan tarikh yang mana cagaran atau serahakkan itu diwujudkan, kedua-dua cagaran dan serahakkan dianggap sebagai satu kelas bagi maksud ini.

Pembayaran wang polisi jika tidak ada penamaan.

169. (1) Jika seorang pemunya polisi bagi suatu polisi mati tanpa membuat suatu penamaan, tertakluk kepada seksyen 168, penanggung insurans berlesen hendaklah membayar wang polisi pemunya polisi yang mati itu kepada pemohon yang mengemukakan Perintah Probate atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), penanggung insurans berlesen boleh membayar kepada suami atau isteri pemunya polisi, anak atau ibu bapa mengikut aturan keutamaan tersebut dan jika terdapat lebih daripada seorang suami atau isteri, anak atau ibu bapa, dalam bahagian yang sama kepada setiap orang dalam kelas tersebut dan jika tiada suami atau isteri, anak atau ibu bapa dan—

(a) jika wang polisi tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau amaun yang lebih banyak sebagaimana yang boleh ditetapkan, penanggung insurans berlesen itu boleh membayar kesemua jumlah wang polisi itu tanpa menghendaki Perintah Probate atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian—

(i) kepada seseorang yang memuaskan hati penanggung insurans berlesen itu sebagai berhak dan berkemungkinan diberikan Perintah Probate atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian; atau

(ii) kepada seseorang yang memuaskan hati penanggung insurans berlesen itu sebagai berhak secara benefisial kepada harta pusaka pemunya polisi yang mati; atau

(b) jika wang polisi adalah lebih daripada satu ratus ribu ringgit, atau amaun yang lebih banyak sebagaimana yang ditetapkan, penanggung insurans berlesen itu boleh membayar kepada orang yang dirujuk dalam subperenggan (a)(i) atau (ii) amaun yang dirujuk dalam perenggan itu dan tertakluk kepada subseksyen (6), membayar kepada orang tersebut baki jumlah

wang polisi itu apabila Perintah Probate atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian dikemukakan.

(3) Dalam seksyen ini, sebutan mengenai wang polisi adalah sebutan mengenai amaun agregat wang polisi berkenaan dengan kesemua polisi pemunya polisi dengan penanggung insurans berlesen itu jika tiada penamaan.

(4) Perintah Probate atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian yang diberikan atau yang mempunyai kuatkuasa seolah-olah telah diberikan, berkenaan dengan harta pusaka diri yang meliputi wang polisi itu, oleh suatu Mahkamah di Malaysia atau pihak berkuasa yang kompeten di luar Malaysia, atau salinan yang diperakunya hendaklah menjadi bukti yang mencukupi kepada penanggung insurans berlesen itu untuk membayar wang polisi itu kepada orang yang baginya perintah itu dibuat.

(5) Penanggung insurans berlesen itu boleh menerima Perintah Probate atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian atau apa-apa dokumen lain yang mempunyai kuatkuasa yang sama, yang diberikan oleh suatu Mahkamah di Malaysia atau pihak berkuasa kompeten di luar Malaysia, sebagai bukti yang mencukupi untuk membayar wang polisi pemunya polisi yang mati kepada orang yang mana perintah itu dibuat, dengan syarat bahawa ia telah didaftarkan dengan sewajarnya dengan Mahkamah di Malaysia dan dimeteri mengikut Akta Probet dan Pentadbiran 1959. *Atta 97*

(6) Jika; setelah tamatnya tempoh dua belas bulan selepas suatu pembayaran di bawah perenggan (2)(b) dibuat oleh seseorang penanggung insurans berlesen, dan suatu baki wang polisi masih ada kena dibayar dan tiada tuntutan dibuat oleh orang yang memegang Perintah Probate atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian, penanggung insurans berlesen itu hendaklah membayar baki jumlah wang itu kepada orang yang telah menerima bayaran awal wang polisi itu.

(7) Wang polisi yang dibayar di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai telah dibayar dengan sewajarnya dan penanggung insurans berlesen hendaklah dilepaskan daripada liabiliti berkenaan dengan wang polisi

yang dibayarnya itu walau apa pun ketiadaan atau ketaksahan, atau apa-apa kecacatan dalam Perintah Probate atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian atau apa-apa dokumen lain yang mempunyai kuatkuasa yang sama.

(8) Seseorang yang kepadanya suatu pembayaran boleh dibuat di bawah seksyen ini hendaklah memberi suatu resit yang hendaklah disifatkan sebagai resit yang sah.

Pembayaran kepada orang yang tak kompeten untuk berkontrak.

170. Jika seseorang belum mencapai umur lapan belas tahun, atau yang diperakui oleh pengamal perubatan dalam perkhidmatan awam sebagai tak sempurna akal dan tidak ada jawatankuasa harta pusaknya yang telah dilantik, atau menjadi tak upaya, disebabkan kelemahan akal atau tubuh, bagi menguruskan dirinya sendiri dan harta dan hal-ehwalnya, penanggung insurans berlesen—

(a) dalam hal seorang penama di bawah subseksyen 166(1)—

(i) jika wang polisi itu adalah sepuluh ribu ringgit atau kurang atau apa-apa amaun sebagaimana yang boleh ditetapkan, boleh membayar kepada seseorang yang memuaskan hati penanggung insurans berlesen bahawa dia akan menggunakan wang polisi itu bagi menyara dan faedah penama itu di bawah subseksyen 166(1), mengikut mana-mana yang berkenaan, atau seseorang yang kepadanya wang polisi itu kena dibayar di bawah subseksyen 169(2) atau (6), tertakluk kepada pelaksanaan suatu akujanji oleh orang itu bahawa wang polisi itu akan digunakan semata-mata bagi menyara dan faedah penama itu; dan

(ii) jika wang polisi itu adalah lebih daripada amaun dalam perenggan (a)(i), membayar kepada Pemegang Amanah Raya atau suatu syarikat amanah yang dinamakan oleh Pemegang Amanah Raya.

(b) dalam hal seseorang yang kepadanya wang polisi kena dibayar di bawah subseksyen 169(2) atau (6), membayar kepada Pemegang Amanah Raya atau suatu syarikat amanah yang dinamakan oleh Pemegang Amanah Raya.

171. Seseorang kepada siapa wang polisi boleh dibayar di bawah seksyen 169 hendaklah menerima wang polisi itu sebagai seorang wasi dan bukan semata-mata sebagai seorang benefisiari dan hendaklah membahagikan wang polisi itu dalam perjalanan pentadbiran harta pusaka simati menurut terma suatu wasiat simati, dan jika tidak ada apa-apa wasiat, menurut undang-undang yang terpakai kepada pentadbiran, pembahagian dan pelupusan harta pusaknya kerana ketiadaan wasiatnya.

Pembahagian wang polisi dalam perjalanan pentadbiran.

172. (1) Bahagian ini hendaklah mempunyai kuatkuasa berhubung dengan suatu polisi yang berkuatkuasa pada atau selepas tarikh berkuatkuasa, dan berhubung dengan suatu penamaan yang dibuat sebelum, pada atau selepas tarikh berkuatkuasa, walau apa pun apa-apa yang terkandung dalam polisi itu, dan tiada apa-apa yang terkandung dalam suatu polisi boleh menyimpang daripada, atau ditafsirkan sebagai yang menyimpang mengikut apa-apa cara atau pada apa-apa takat daripada, Bahagian ini.

Bahagian ini mengalasi polisi dan mana-mana undang-undang bertulis lain.

(2) Bahagian ini hendaklah mempunyai kesan dan kuatkuasa penuh walau apa pun apa-apa yang bertentangan atau berlawanan dengan apa-apa undang-undang bertulis lain berhubung dengan probet. pentadbiran, pembahagian, atau pelupusan, harta pusaka simati, atau dalam apa-apa hukum undang-undang, amalan atau adat yang berhubung dengan perkara ini.

BAHAGIAN XIV

KUMPULAN WANG SKIM JAMINAN INSURANS

173. (1) Bank boleh menubuhkan dan menyenggarakan secara berasingan suatu kumpulan wang skim jaminan insurans bagi perniagaan am dan perniagaan hayat setakat yang perniagaan itu berhubung dengan polisi Malaysia.

Penubuhan dan penyenggaraan kumpulan wang skim jaminan insurans.

(2) Bank hendaklah meremitkan ke dalam kumpulan wang skim jaminan insurans bagi perniagaan am, dan ke dalam kumpulan wang skim jaminan insurans bagi perniagaan hayat—

- (a) levi yang dipungut daripada seorang penanggung insurans am berlesen atau penanggung insurans hayat berlesen, mengikut mana-mana yang berkenaan;

- (b) pendapatan pelaburan dan pertambahan modal atas pelaburan aset kumpulan wang skim jaminan insurans itu;
- (c) hasil daripada realisasi pelaburan aset kumpulan wang skim jaminan insurans itu;
- (d) wang yang diperolehi daripada pelikuidasi seseorang penanggung insurans yang digulungkan;
- (e) wang yang dipinjam di bawah seksyen 175;
- (f) derma atau sumbangan daripada mana-mana orang; dan
- (g) denda di bawah subseksyen 211(2).

Pelaburan wang.

174. Bank boleh melaburkan wang dalam suatu kumpulan wang skim jaminan insurans, setakat yang wang itu tidak diperlukan buat masa itu untuk dibelanjakan bagi maksud Bahagian ini, dalam apa-apa pelaburan yang diluluskan oleh Menteri dan kesemua pendapatan yang terakru berkenaan dengan pelaburan sedemikian hendaklah dikreditkan ke dalam kumpulan wang itu.

Bank boleh meminjam wang.

175. Bank boleh meminjam wang bagi suatu kumpulan wang skim jaminan insurans sehingga apa-apa takat, mengikut apa-apa cara, daripada mana-mana orang atau sumber, dan atas apa-apa syarat, yang diluluskan oleh Menteri.

Levi.

176. (1) Seorang penanggung insurans berlesen hendaklah membayar kepada Bank levi bagi kumpulan wang skim jaminan insurans, sebelum akhir bulan Jun pada setiap tahun atau tarikh lain yang diluluskan oleh Bank, pada apa-apa kadar dan dalam apa-apa ansuran yang ditentukan oleh Bank.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

(2) Kadar yang akan ditentukan oleh Bank di bawah subseksyen (1) tidaklah boleh melebihi satu peratus daripada pendapatan premium langsung penanggung insurans berlesen itu berkenaan dengan polisi Malaysiannya semasa tahun kewangan itu sebelum sahaja tarikh itu.

(3) Jika seseorang penanggung insurans berlesen belum mengemukakan akaunnya di bawah subseksyen 87(1), bagi maksud pengiraan amaun levi yang kena dibayar oleh penanggung insurans berlesen itu, Bank boleh memungut suatu amaun sementara yang hendaklah diselaraskan menurut pendapatan premium langsung dalam akaun itu.

(4) Walau pun lesennya dibatalkan, seseorang penanggung insurans, hendaklah terus membayar levi kepada kumpulan wang skim jaminan insurans jika ia masih terus menerima premium.

(5) Seorang penanggung insurans tidaklah berhak kepada pemulangan levi jika pendapatan premium langsungnya adalah negatif.

(6) Sesuatu levi yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada suatu kumpulan wang skim jaminan insurans.

(7) Dalam subseksyen (2) dan (3), "pendapatan premium langsung" berhubungan dengan—

(a) perniagaan insurans am, ertinya premium yang dicajkan kepada pemunya polisi berkenaan dengan polisi yang dikeluarkan kepada mereka ditolak apa-apa premium yang dipulangkan kepada mereka, tetapi tidak termasuk premium yang boleh diterima di bawah polisi insurans semula;

(b) perniagaan hayat, ertinya premium tunggal, premium tahun pertama dan premium pembaharuan yang boleh diterima daripada pemunya polisi.

177. Menteri, menurut budibicaranya, boleh mengarahkan Bank untuk memberhentikan pemungutan levi jika dia berpuas hati bahawa terdapat wang yang cukup dalam suatu kumpulan wang skim jaminan insurans tetapi jika keadaan memerlukan, dia boleh mengarahkan Bank untuk menyambung semula pemungutan levi itu.

Pemberhentian
levi.

Penggunaan wang.

178. (1) Bank, tertakluk kepada seksyen 179, boleh menggunakan wang dalam suatu kumpulan wang skim jaminan insurans—

- (a) untuk menunaikan kos pentadbiran, kos guaman dan kos lain untuk menyenggarakan dan mentadbirkan kumpulan wang skim jaminan insurans itu;
- (b) untuk membayar balik wang yang dipinjam di bawah seksyen 175 dan untuk membayar faedah atas wang yang dipinjam; dan
- (c) untuk memenuhi liabiliti seseorang penanggung insurans tak solven kepada seseorang pemunya polisi atau seseorang yang berhak melaluinya.

(2) Wang yang dibayar kepada seseorang pemunya polisi, atau seseorang yang berhak melaluinya, daripada suatu kumpulan wang skim jaminan insurans berserta dengan apa-apa wang yang boleh diterima olehnya daripada mana-mana sumber lain atau daripada pelikuidasi, tidaklah boleh melebihi sembilan puluh peratus daripada amaun yang menurut undang-undang yang kena dibayar kepadanya.

(3) Bagi maksud Bahagian ini, seseorang penanggung insurans hendaklah disifatkan tak solven jika—

- (a) pada akhir tempoh perakaunan yang terakhir penyatanya telah diserahkan dengan Bank di bawah seksyen 87, penanggung insurans itu tak solven;
- (b) prosiding penggulungan telah dimulakan terhadap penanggung insurans itu; atau
- (c) suatu perintah penerimaan telah dibuat terhadapnya oleh Mahkamah.

Sekatan ke atas penggunaan wang.

179. (1) Menteri, menurut budibicaranya, boleh menyekat penggunaan suatu kumpulan wang skim jaminan insurans kepada perihalan perniagaan insurans tertentu dalam sesuatu kelas atau dia boleh mengarahkan supaya penggunaan kumpulan wang skim jaminan insurans itu dibuat mengikut apa-apa cara yang diarahkannya.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), wang dalam suatu kumpulan wang skim jaminan insurans tidaklah boleh digunakan untuk membayar—

- (a) liabiliti seseorang penanggung insurans tak solven kepada pengurusnya, pengarahnya, pegawalnya, sekutunya atau sekutu sesuatu pertubuhan perbadanan yang mana penanggung insurans tak solven itu adalah subsidiarinya; dan
- (b) liabiliti seseorang penanggung insurans tak solven yang digulungkan melainkan jika pelikuidasi diberitahu mengenai liabiliti itu dalam tempoh enam bulan dari tarikh perintah penggulangannya berkuatkuasa atau apa-apa tempoh lain oleh Bank yang diluluskan apa-apa dalam hal penanggung insurans tertentu atau pemunya polisi atau orang yang berhak melaluinya.

180. (1) Tertakluk kepada subseksyen 178(2), Bank, Penentuan wang kena dibayar dibayar setelah mengambilkira aset seseorang penanggung insurans tak solven, boleh menentukan—

- (a) peratusan sesuatu tuntutan atau perihalan tuntutan yang kena dibayar oleh suatu kumpulan wang skim jaminan insurans; atau
- (b) bahawa tiada pembayaran boleh dibuat daripada suatu kumpulan wang skim jaminan insurans jika wang yang kena dibayar berkenaan dengan sesuatu tuntutan adalah kurang daripada sepuluh ringgit atau apa-apa amaun yang lebih banyak yang ditetapkan oleh Bank.

(2) Bank boleh mengenakan suatu amaun maksimum atas sesuatu tuntutan atau perihalan tuntutan seseorang penanggung insurans tak solven yang kena dibayar oleh suatu kumpulan wang skim jaminan insurans.

181. Jika sesuatu tuntutan itu dibayar sebahagiannya oleh orang yang lain, penuntut itu adalah berhak hanya untuk menuntut daripada kumpulan wang skim jaminan insurans itu berhubung dengan sesuatu amaun yang telah dikurangkan oleh pembayaran sebahagian itu. Pembayaran sebahagian tuntutan

Pembayaran tuntutan.

182. (1) Tertakluk kepada Bahagian ini, Bank boleh membayar suatu tuntutan di bawah seksyen 178 daripada suatu skim jaminan insurans pada bila-bila masa selepas tarikh berkuatkuasanya perintah penggulungan penanggung insurans tak solven itu.

(2) Bank, menurut budibicaranya, boleh membayar daripada suatu skim jaminan insurans kepada seseorang penuntut penanggung insurans tak solven, amaun dividen yang boleh diisytiharkan oleh pelikuidasi penanggung insurans itu berserta dengan amaun yang kena dibayar daripada kumpulan wang skim jaminan insurans itu, tertakluk kepada penuntut itu menyerahhakkan kesemua haknya berkenaan dengan tuntutan itu kepada kumpulan wang skim jaminan insurans itu dan setelah penuntut menerima pembayaran daripada kumpulan wang skim jaminan insurans itu sebagai penyelesaian penuh dan muktamad bagi tuntutannya.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), jika wang dalam suatu kumpulan wang skim jaminan insurans itu tidak mencukupi untuk menunaikan obligasinya, Bank boleh membayar sesuatu tuntutan secara ansuran, atau menanggungkan daripada membuat pembayaran, daripada kumpulan wang skim jaminan insurans itu.

Bantuan dalam pentadbiran.

183. Bank boleh melantik seseorang yang sesuai untuk membantunya dalam pentadbiran dan pembahagian wang dalam suatu kumpulan wang skim jaminan insurans.

BAHAGIAN XV

PELBAGAI

Ejen dan broker insurans.

184. (1) Tiada seorang pun boleh bertindak bagi pihak seseorang yang tidak dilesenkan di bawah Akta ini berhubungan dengan perjalanan perniagaan insurans di Malaysia melainkan jika diluluskan oleh Bank secara bertulis.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

(2) Suatu kelulusan di bawah subseksyen (1) hendaklah diberikan bagi apa-apa tempoh, dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan oleh Bank.

(3) Tiada seorang pun broker insurans berlesen boleh merundingkan sesuatu kontrak insurans dengan seseorang penanggung insurans yang tidak dilesenkan di bawah Akta ini kecuali bagi—

- (a) suatu kontrak insurans semula; atau
- (b) insurans harta atau liabiliti yang diluluskan oleh Bank di bawah subseksyen 140(2).

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

185. (1) Tiada seorang pun broker insurans berlesen yang bertindak bagi pihak seseorang pemunya polisi berkenaan dengan sesuatu risiko boleh bertindak sebagai seorang broker insurans semula bagi pihak penanggung insurans berlesen itu bagi risiko itu kecuali—

Sekatan ke
atas broker
insurans.

- (a) atas permintaan bertulis penanggung insurans berlesen itu; dan
- (b) jika ia mendedahkan kepada pemunya polisi itu hakikat bahawa ia juga bertindak sebagai broker insurans semula bagi risiko itu.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

(2) Kecuali dengan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu, tiada seorang pun broker insurans berlesen boleh membayar mana-mana orang yang bukan pekerjanya sesuatu fee atau komisyen, secara tunai atau berupa wang, untuk mensolisit perniagaan pembrokeran insurans bagi dirinya.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit,

186. (1) Tiada seorang pun boleh mempelawa mana-mana orang untuk membuat sesuatu tawaran atau cadangan untuk memasuki sesuatu kontrak insurans tanpa mendedahkan—

Perantara
insurans.

- (a) nama penanggung insurans berlesen itu;
- (b) hubungannya dengan penanggung insurans berlesen itu; dan
- (c) premium yang dicajkan oleh penanggung insurans berlesen itu.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

(2) Tiada seorang pun boleh mengatitkan sesuatu polisi kumpulan bagi orang yang dia tidak mempunyai kepentingan boleh insurans tanpa mendedahkan kepada setiap orang—

- (a) nama penanggung insurans berlesen itu;
- (b) hubungannya dengan penanggung insurans berlesen itu;
- (c) syarat polisi kumpulan itu, termasuklah saraan yang kena dibayar kepadanya; dan
- (d) premium yang dicajkan oleh penanggung insurans berlesen itu.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

(3) Seseorang penanggung insurans berlesen hendaklah bertanggung kepada orang yang diinsuranskan di bawah sesuatu polisi kumpulan jika pemunya polisi kumpulan tidak mempunyai kepentingan boleh insurans atas hayat orang yang diinsuranskan dan jika orang yang diinsuranskan itu telah membayar premium kepada pemunya polisi kumpulan tanpa mengambilkira bahawa penanggung insurans berlesen itu belum menerima premium daripada pemunya polisi kumpulan itu.

(4) Penanggung insurans berlesen sesuatu polisi kumpulan, jika pemunya polisi kumpulan itu tidak mempunyai kepentingan boleh insurans atas hayat orang yang diinsuranskan, hendaklah membayar wang yang kena dibayar di bawah polisi itu kepada orang yang diinsuranskan atau mana-mana orang yang berhak melaluinya.

Penalti: Satu juta ringgit.

BAHAGIAN XVI

PERUNTUKAN AM

Penguat-
kuasaan
Akta ini.

187. (1) Jika seseorang ingkar mematuhi sesuatu peruntukan Akta ini, Bank, melalui notis secara bertulis, boleh menghendaki orang itu untuk membetulkan keingkaran itu dalam apa-apa tempoh yang ditentukannya.

(2) Tiada apa-apa yang dilakukan di bawah seksyen ini boleh menjejaskan liabiliti seseorang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini.

(3) Sesuatu polisi yang dikeluarkan oleh seseorang penanggung insurans berlesen yang melanggar Akta ini tidaklah boleh dibatalkan semata-mata disebabkan oleh pelanggaran itu.

188. (1) Seseorang hendaklah memulangkan wang yang diperolehinya daripada mana-mana orang lain dalam perjalanan perniagaan insurans atau perniagaan pembrokeran insurans yang tidak dilesenkan di bawah Akta ini. Pemulangan wang yang diperolehi daripada pelanggaran Akta ini.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau tiga juta ringgit, Penalti ingkar.

(2) Seseorang yang berhak kepada suatu pemulangan di bawah subseksyen (1) boleh membuat suatu permohonan kepada Bank, dan Bank, selepas menimbangkan permohonan itu, boleh membuat suatu perintah yang mengarahkan pesalah itu supaya memulangkan amaun itu dalam apa-apa tempoh dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkannya.

(3) Tiada apa-apa yang dilakukan di bawah seksyen ini boleh menjejaskan liabiliti seseorang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini.

189. (1) Jika seseorang— Pampasan.

(a) telah disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain; atau

(b) telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini yang dikompaunkan di bawah subseksyen 211(1),

dan kesalahan itu mengakibatkan, atau menyebabkan, apa-apa kerugian atau kerosakan kepada seseorang pemegang lesen, orang itu hendaklah bertanggungjawab untuk menanggung rugi pemegang lesen itu secara penuh bagi kerugian atau kerosakan itu.

(2) Jika Bank berpuas hati bahawa seorang yang bertanggung di bawah subseksyen (1) untuk menanggung rugi seseorang pemegang lesen bagi kerugian atau kerosakan, ia hendaklah memberitahu orang itu secara bertulis, dengan memberikan satu salinan kepada pemegang lesen itu, mengenai amaun wang yang dia bertanggung untuk menanggung rugi pemegang lesen itu dan orang itu boleh membuat representasi secara bertulis kepada Bank dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis itu.

(3) Jika tiada representasi bertulis diterima oleh Bank dalam tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (2), atau jika representasi diterima, Bank, setelah menimbang representasi yang diterima di bawah subseksyen (2), boleh mengeluarkan satu sijil yang nyata amaun wang yang orang itu bertanggung untuk menanggung rugi pemegang lesen dan amaun wang itu adalah hutang sivil yang kena dibayar kepada pemegang lesen itu.

(4) Pemegang lesen, dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh sijil itu, boleh menguatkuasakan hutang sivil itu melalui pelaksanaan prosiding sivil di mahkamah yang mempunyai bidang kuasa dalam kawasan di mana tempat utama perniagaannya terletak seolah-olah ia merupakan suatu penghakiman mahkamah tersebut.

(5) Suatu sijil di bawah subseksyen (3) hendaklah menjadi keterangan muktamad mengenai hutang itu.

Pemberi-
tahuan sijil.

190. (1) Sesuatu pemberitahuan mengenai suatu sijil di bawah subseksyen 189(3) atau pembatalannya hendaklah disiarkan dalam *Warta* selepas ia dikeluarkan atau dibatalkan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Berkuatkuasa dari tarikh penyiaran pemberitahuan itu dalam *Warta*, orang yang terhadapnya sijil itu dikeluarkan tidaklah boleh menjual, menggadai, menyandar, memindah atau selainnya berurusan dengan, atau membawa keluar dari Malaysia, mana-mana hartanya tanpa kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu.

(3) Subseksyen (2) hendaklah juga terpakai kepada seseorang yang mempunyai jagaan, kawalan atau milikan sesuatu harta kepunyaan orang yang terhadapnya suatu sijil itu dikeluarkan.

(4) Seseorang pemegang lesen, sebelum suatu sijil di bawah subseksyen 189(3) dikeluarkan, boleh memulakan prosiding di mahkamah berkenaan dengan kerugiannya atau kerosakannya selepas memberikan notis bertulis kepada Barik.

(5) Jika seseorang pemegang lesen telah memulakan prosiding di mahkamah di bawah subseksyen (4), penyiasatan di bawah subseksyen 189(2) hendaklah diberhentikan dan seksyen 189 hendaklah berhenti terpakai berhubung dengan kerugian atau kerosakan itu.

191. Menteri, Gabenor, Bank, pengarahnya, pekerjaanya atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya, tidaklah boleh bertanggung atas sesuatu tindakan atau prosiding lain bagi ganti rugi untuk, atau oleh sebab, atau berkenaan dengan, sesuatu tindakan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat, atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, dalam melaksanakan sesuatu fungsi di bawah Akta ini jika tindakan yang telah dilakukan atau pernyataan yang telah dibuat, atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, dengan suci hati.

Tanggung
rugi.

192. (1) Bank hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu laporan tahunan mengenai perjalanan Akta ini semasa tahun kalendar yang terdahulu sebelum akhir bulan April setiap tahun dan laporan itu hendaklah termasuk suatu ringkasan mengenai dokumen yang diserahkan dengannya.

Laporan
tahunan.

(2) Menteri hendaklah membentangkan satu salinan laporan itu di hadapan Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

193. (1) Seseorang pemegang lesen, atau seseorang ejen pemegang lesen, hendaklah mengemukakan kepada Bank, atau mana-mana orang yang ditentukan oleh Bank, apa-apa dokumen atau maklumat yang dikehendaknya melalui notis secara bertulis dalam apa-apa tempoh yang ditentukannya.

Pengemukaan
maklumat dan statistik.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

(2) Bank boleh menghendaki dokumen atau maklumat yang dikemukakan di bawah subseksyen (1) supaya diperakui dengan sewajarnya oleh juruaudit, atau aktuari yang dilantik, pemegang lesen itu.

Penyampaian
notis.

194. Sesuatu surat yang mengandungi sesuatu notis atau dokumen lain yang hendak disampaikan oleh Bank di bawah Akta ini hendaklah disifatkan telah dialamatkan ke tempat yang wajar jika ianya dialamatkan ke alamat penerima surat yang terakhir diketahui.

Kerahsiaan.
Akta 519.

195. (1) Tertakluk kepada seksyen 16A Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan seksyen 108, tiada seorang pun yang melaksanakan apa-apa kuasa di bawah Akta ini boleh mendedahkan maklumat berhubungan dengan hal-ehwal seseorang pemegang lesen atau pelanggannya yang diperolehi semasa melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Seksyen ini tidaklah terpakai kepada maklumat yang pada masa pendedahan itu adalah, atau telah pun sedia ada secara sahnyanya, kepada orang awam daripada apa-apa sumber atau maklumat dalam bentuk ringkasan atau kumpulan maklumat yang dalamnya maklumat berhubungan dengan seseorang pemegang lesen tertentu atau pelanggannya tidak dinyatakan secara jelas.

(3) Tiada seorang pun yang mempunyai maklumat yang pada pengetahuannya telah pun didedahkan yang melanggar subseksyen (1) boleh mendedahkan maklumat itu kepada orang yang lain.

Pendedahan
yang
dibenarkan.

196. (1) Seksyen 195 tidaklah terpakai kepada pendedahan maklumat—

(a) kepada Bank, pengarahnya atau pekerjanya, seseorang yang dilantik di bawah subseksyen 3(3) atau seseorang yang dilantik, jika pendedahan itu adalah dalam pelaksanaan fungsi; atau

- (b) kepada seseorang yang memberikan khidmat kepada Bank berhubungan dengan sesuatu perkara yang menghendaki pengetahuan profesional.

197. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, sesuatu keputusan yang dibuat oleh Menteri di bawah Akta ini adalah muktamad.

Keputusan Menteri adalah muktamad

198. Menteri, jika dia fikirkan selaras dengan maksud Akta ini atau demi kepentingan awam, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, boleh mengecualikan seseorang atau kelas orang daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini bagi apa-apa tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukannya.

Pengecualian.

199. (1) Jika terdapat percanggahan atau pertentangan di antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan Akta Syarikat 1965, Akta Kontrak 1950, atau Akta Pertubuhan Koperasi 1993, peruntukan Akta ini hendaklah mengatasi.

Pemakaian undang-undang lain. Akta 125 Akta 316. Akta 502.

(2) Jika sesuatu kesulitan atau keraguan berbangkit dalam pemakaian subseksyen (1) berhubungan dengan seorang pemegang lesen atau perkara tertentu, Menteri, apabila kesulitan atau keraguan itu dirujuk boleh menyelesaikan kesulitan atau keraguan yang dirujukkan kepadanya oleh Bank melalui suatu arahan secara bertulis.

200. Akta ini tidaklah terpakai kepada—

- (a) seseorang yang didaftarkan di bawah seksyen 8, atau dilesenkan di bawah seksyen 37 atau 38 Akta Takaful 1984; atau

Ketak-pemakaian Akta.

Akta 312

- (b) seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 9 Akta Insurans Luar Pesisir 1990,

Akta 444.

berhubungan dengan perniagaan yang baginya dia didaftarkan atau dilesenkan, mengikut mana-mana yang berkenaan,

201. Bank boleh mengeluarkan garis panduan, pekeliling, atau notis berkenaan dengan Akta ini berhubungan dengan perjalanan hal-ehwal dan perniagaan sesuatu pemegang lesen.

Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan

Peraturan-
peraturan.

202. Bank, dengan kelulusan Menteri, atau Menteri mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membuat peraturan-peraturan untuk melaksanakan tujuan Akta ini atau apa-apa peruntukan Akta ini dan untuk menetapkan apa-apa yang perlu ditetapkan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN XVII

KESALAHAN

Penalti am.

203. (1) Seseorang yang—

- (a) melanggar atau gagal untuk mematuhi sesuatu peruntukan Akta ini; atau
- (b) gagal untuk mematuhi sesuatu kehendak, notis, perintah atau arahan yang dikeluarkan oleh Menteri atau Bank di bawah Akta ini atau sesuatu peraturan yang dibuat di bawah Akta ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, jika tiada penalti nyata diperuntukkan, adalah bertanggung apabila disabitkan kepada suatu denda sebanyak lima ratus ribu ringgit atau penjara selama enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan itu adalah sesuatu pertubuhan perbadanan, penalti penjara bagi kesalahan itu tidak terpakai kepadanya.

Kesalahan
berterusan.

204. (1) Ungkapan "Penalti ingkar" di hujung sesuatu seksyen atau subseksyen menunjukkan bahawa seseorang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan berhubungan dengan seksyen atau subseksyen itu melakukan suatu kesalahan lanjut jika kesalahan itu terus berlaku selepas dia disabitkan dan bertanggung kepada denda sebanyak sepuluh ribu ringgit atau penjara selama dua hari atau kedua-duanya bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada satu hari selagi kesalahan itu masih terus berlaku selepas dia disabitkan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), sesuatu kesalahan adalah disifatkan sebagai terus berlaku selagi perkara yang dikehendaki atau diarahkan untuk dilakukan olehnya masih tidak dilakukan, walau pun tempoh itu telah berakhir.

- 205.** Tiada seorang pun, dengan niat untuk memperdaya—
- (a)* berkenaan dengan sesuatu dokumen yang berhubungan dengan seseorang pemegang lesen—
- (i)* boleh membuat atau menyebabkan dibuat sesuatu catatan palsu;
 - (ii)* boleh meninggalkan daripada membuat, atau menyebabkan ditinggalkan, apa-apa catatan; atau
 - (iii)* boleh mengubah, membuat cabutan, menyembunyikan, atau memusnahkan, atau menyebabkan ubahan, dibuat cabutan, disembunyikan atau dimusnahkan, apa-apa catatan;
- (b)* berkenaan dengan sesuatu polisi kumpulan, boleh menerima sesuatu cadangan bagi insurans, atau memungut premium, atas polisi kumpulan itu jika ia telah tamat atau telah dibatalkan oleh penanggung insurans berlesen itu;
- (c)* boleh memalsukan sesuatu dokumen, menggunakan atau memegang dalam miliknya, sesuatu dokumen palsu, yang berupa sesuatu polisi sesuatu penanggung insurans berlesen;
- (d)* boleh mengubah sesuatu catatan yang dibuat dalam sesuatu polisi seseorang penanggung insurans berlesen; atau
- (e)* boleh mengeluarkan atau menggunakan sesuatu polisi yang palsu atau salah, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, atau yang mengelirukan.

Kesalahan
berhubungan
dengan
catatan
dalam
dokumen.

Penalti: Pemenjaraan selama sepuluh tahun atau sepuluh juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.

- 206.** (1) Jika sesuatu kesalahan dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan atau sesuatu persatuan orang, seseorang—

Kesalahan
oleh
pertubuhan
perbadanan.

- (a)* yang adalah pengarahnya, pengawalnya, pegawainya, atau pekongsinya; atau
- (b)* yang berkaitan dengan pengurusan hal-ehwalnya,

pada masa kesalahan itu dilakukan, adalah disifatkan sebagai telah melakukan kesalahan tersebut melainkan orang tersebut membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa keizinannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil langkah berhati-hati untuk mencegah kesalahan itu daripada dilakukan sebagaimana yang ia patut lakukan, dengan mengambilkira fungsinya dalam keupayaan tersebut dan keadaan sedemikian.

(2) Seorang individu boleh didakwa untuk suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) walau apa pun pertubuhan perbadanan atau persatuan orang itu tidak disabitkan bagi kesalahan itu.

(3) Subseksyen (1) tidaklah menjejaskan liabiliti jenayah pertubuhan perbadanan atau persatuan orang itu bagi kesalahan yang dirujuk dalam subseksyen tersebut.

(4) Penalti hukuman penjara bagi suatu kesalahan hendaklah terpakai kepada individu yang disabitkan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen (1), walau apa pun hukuman penjara tersebut tidak terpakai kepada pertubuhan perbadanan atau persatuan orang itu menurut subseksyen 203(2).

Kesalahan
oleh
individu.

207. Jika seorang adalah bertanggung di bawah Akta ini bagi suatu penalti bagi apa-apa tindakan, peninggalan, kecuiaan atau keingkaran, dia adalah bertanggung bagi penalti yang sama bagi tindakan, peninggalan, kecuiaan atau keingkaran pekerja, pengarah, pengawal, atau ejennya jika tindakan, peninggalan, kecuiaan atau keingkaran itu dilakukan oleh—

- (a) pekerja semasa menjalankan pekerjaannya;
- (b) pengarahnya semasa menjalankan fungsinya sebagai seorang pengarah;
- (c) pengawalnya semasa menjalankan fungsinya sebagai seorang pengawal; atau
- (d) ejennya apabila bertindak bagi pihaknya;

208. Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam apa-apa undang-undang bertulis lain, jika seseorang itu dituduh lebih daripada satu kesalahan di bawah Akta ini, ia boleh dituduhkan dengan dan dibicarakan dalam satu perbicaraan bagi seberapa banyak kesalahan yang dilakukan dalam apa-apa tempoh masa.

Percantuman kesalahan.

209. Suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 203 atau 205 adalah suatu kesalahan boleh tangkap, dan seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada pangkat inspektor, atau seorang pegawai penyiasat yang dilantik di bawah seksyen 103 boleh menangkap tanpa waran seseorang yang dia secara munasabah mengesyaki telah melakukan atau sedang melakukan kesalahan itu.

Kesalahan boleh tangkap.

210. Seorang pegawai penyiasat yang membuat tangkapan di bawah seksyen 209 hendaklah tanpa kelengahan yang tidak berpatutan menyerahkan orang yang ditangkap itu kepada pegawai polis dan orang yang ditangkap itu hendaklah diuruskan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan prosedur jenayah seolah-olah dia telah ditangkap oleh seorang pegawai polis.

Orang ditangkap diserahkan kepada pihak polis.

211. (1) Gabenor boleh mengkompaun sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dengan menerima daripada orang yang disyaki secara munasabah yang telah melakukan kesalahan itu amaun wang yang tidak melebihi denda bagi kesalahan itu, termasuk denda harian bagi sesuatu kesalahan yang berterusan, dalam tempoh, sebagaimana yang ditentukan dalam tawaran bertulisnya.

Kuasa Gabenor untuk mengkompaun kesalahan.

(2) Lima puluh peratus daripada jumlah wang yang diterima oleh Gabenor menurut subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam, dan hendaklah menjadi pendapatan kepada kumpulan—

- (a) kumpulan wang skim jaminan insurans bagi perniagaan hayat jika kesalahan berhubungan dengan perniagaan hayat seseorang penanggung insurans;
- (b) kumpulan wang skim jaminan insurans bagi perniagaan am jika kesalahan berhubungan dengan perniagaan amnya; atau

- (c) apa-apa kumpulan wang skim jaminan insurans yang ditentukan oleh Gabenor jika kesalahan tidak berhubungan dengan perniagaan hayat atau perniagaan amnya,

dan wang tidaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan dan baki amaun wang hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu telah dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun wang itu tidak dibayar dalam tempoh yang ditentukan dalam tawaran itu, atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Gabenor, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(4) Apabila pembayaran denda diterima di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran kompaun itu telah dibuat.

*Percubaan,
pensubahatan
dan komplot.*

212. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) cuba untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) melakukan suatu perbuatan persediaan kepada atau bagi mencapai perlakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (c) bersubahat atau terlibat dalam suatu komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah itu ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) suatu kesalahan di bawah Akta ini, sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya,

*N.M.B.
Bab 45.*

adalah melakukan suatu kesalahan dan bertanggung bagi penalti kesalahan itu.

(2) Suatu peruntukan Akta ini yang merujuk kepada suatu kesalahan di bawah suatu peruntukan yang tertentu

Akta ini hendaklah dibaca sebagai termasuk suatu rujukan kepada suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) berhubungan dengan kesalahan di bawah peruntukan tertentu itu.

213. (1) Tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya. Pendakwaan.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), suatu pendakwaan boleh dijalankan oleh seseorang yang diberikuasa oleh Gabenor.

BAHAGIAN XVIII

PEMANSUHAN DAN PERUNTUKAN PERALIHAN

214. (1) Undang-undang bertulis yang disebut dalam Jadual pada takat yang mana ianya adalah dinyatakan untuk dimansuhkan atau dipinda adalah dengan itu dimansuhkan atau dipindakan sewajarnya. Pemansuhan dan kecualian.

(2) Walau apa pun subseksyen (1)—

- (a) suatu perundangan subsidiari dan suatu kelulusan, arahan, keputusan, pemberitahuan, pengecualian dan tindakan eksekutif lain yang telah dibuat atau dilakukan di bawah Akta yang dimansuhkan dan berkuatkuasa atau mempunyai kesan sebaik sahaja tarikh berkuatkuasa, hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat atau dilakukan di bawah peruntukan yang bersamaan dengan Akta ini, dan hendaklah terus berkuatkuasa secara penuh dan berkesan berhubungan dengan orang kepada siapa ianya terpakai sehingga ia dipinda atau digantikan;
- (b) suatu garis panduan, pekeliling, atau notis yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Insurans di bawah Akta yang dimansuhkan kepada seseorang penanggung insurans, broker insurans atau ajuster sebelum tarikh berkuatkuasa, adalah disifatkan telah dikeluarkan mengikut undang-undang di bawah seksyen 201 berhubungan dengan peruntukan Akta ini yang bersamaan dengan

perkara yang diuruskan dalam garis panduan, pekeliling atau notis itu, dan hendaklah terus berkuatkuasa secara penuh dan berkesan sehingga ia dipinda atau digantikan;

- (c) suatu permohonan bagi suatu lesen atau kelulusan atau bagi apa-apa maksud lain atau suatu rayuan, yang dibuat oleh seseorang kepada Menteri atau kepada Ketua Pengarah Insurans di bawah Akta yang dimansuhkan sebelum tarikh berkuatkuasa, jika terdapat peruntukan yang bersamaan dalam Akta ini, hendaklah diuruskan seolah-olah ia telah dibuat di bawah peruntukan tersebut dan, jika tiada peruntukan bersamaan di dalam Akta ini, permohonan atau rayuan itu hendaklah luput pada tarikh berkuatkuasa;
- (d) suatu polisi yang dikeluarkan, suatu transaksi atau urusan yang dilaksanakan mengikut undang-undang atau dimasuki, dan perniagaan yang dilakukan mengikut undang-undang, di bawah Akta yang dimansuhkan oleh seorang yang merupakan penanggung insurans berdaftar di bawah Akta yang dimansuhkan, atau yang merupakan broker insurans berlesen atau ajuster berlesen di bawah Akta yang dimansuhkan, dan yang dilesenkan atau disifatkan telah dilesenkan sebagai seseorang penanggung insurans, broker insurans atau ajuster di bawah Akta ini, dengan seorang pemunya polisi atau pelanggan, pemiutang, penghutang, atau orang lain, adalah disifatkan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan secara sah dilaksanakan atau dibuat di bawah Akta ini, dan suatu hak atau liabiliti di bawah transaksi, urusan atau perniagaan yang sedia ada, sebaik sahaja sebelum tarikh berkuatkuasa itu, adalah disifatkan sebagai mengikut undang-undang dan sah di bawah Akta ini;
- (e) prosiding undang-undang, pendakwaan jenayah, atau penyiasatan di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah ditafsirkan seolah-olah Akta yang dimansuhkan itu berkuatkuasa; dan

(f) suatu tindakan, keputusan, kaedah, perintah atau arahan yang dibuat atau dilakukan sebelum berkuatkuasanya Akta ini berkenaan dengan seseorang penanggung insurans yang penggulangannya telah dimulakan tetapi belum selesai hendaklah terus menjadi sah dan mengikat sehingga ia dipinda dan digantikan.

- 215.** (1) Tertakluk kepada seksyen 216,217,218 dan 219—
- (a) seseorang penanggung insurans yang didaftarkan di bawah seksyen 4 Akta yang dimansuhkan hendaklah disifatkan telah dilesenkan di bawah seksyen 16 pada tarikh berkuatkuasa dan boleh menjalankan perniagaan insurans yang telah dijalankan mengikut undang-undang sebaik sahaja sebelum tarikh berkuatkuasa dan lesen itu hendaklah sah bagi suatu tempoh enam bulan dari tarikh berkuatkuasa itu; atau
- (b) seseorang broker insurans atau ajuster yang dilesenkan di bawah seksyen 20B atau 20c masing-masing di bawah Akta yang dimansuhkan, hendaklah disifatkan telah dilesenkan di bawah seksyen 17 pada tarikh berkuatkuasa dan boleh menjalankan perniagaan pembrokeran insurans atau perniagaan pengajusteran, mengikut mana yang berkenaan, yang telah dijalankan mengikut undang-undang sebaik sahaja sebelum tarikh berkuatkuasa dan lesen itu hendaklah sah bagi baki tempohnya tetapi tidak melebihi suatu tempoh enam bulan daripada tarikh berkuatkuasa itu.

Kecualian berkenaan dengan penanggung insurans berdaftar, broker insurans dan ajuster berlesen, di bawah Akta termansuh.

(2) Seseorang penanggung insurans tempatan atau seseorang penanggung insurans asing yang disifatkan telah dilesenkan di bawah perenggan (1)(a) hendaklah mematuhi seksyen 18 dengan menambahkan modal syer berbayarnya atau lebih aset ke atas liabiliti, mengikut mana yang berkenaan, pada takat dan dalam tempoh sebagaimana yang Bank tentukan.

216. (1) Seseorang penanggung insurans yang disifatkan telah dilesenkan di bawah perenggan 215(1)(a) untuk menjalankan perniagaan am atau perniagaan hayat atau keduanya, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah memohon bagi suatu lesen untuk menjalankan perniagaan insurans

Kelulusan lesen kepada penanggung insurans yang disifatkan telah dilesenkan di bawah perenggan 215(1)(a).

tersebut di bawah seksyen 15 dalam tempoh enam puluh hari daripada tarikh berkuatkuasa.

(2) Jika subseksyen (1) telah dipatuhi, Menteri boleh memberikan lesen itu di bawah seksyen 16, dengan atau tanpa syarat, atau enggan untuk memberikan lesen itu di bawah seksyen 16.

(3) Suatu lesen yang disifatkan telah dipegang di bawah perenggan 215(1)(a) adalah dibatalkan jika—

- (a) subseksyen (1) tidak dipatuhi; atau
- (b) subseksyen (1) telah dipatuhi tetapi lesen telah ditolak di bawah seksyen 16.

Penukaran kepada, pemindahan perniagaan insurans kepada, syarikat awam.

217. Jika seseorang penanggung insurans yang disifatkan telah dilesenkan di bawah perenggan 215(1)(a) atau dilesenkan di bawah seksyen 16 untuk menjalankan, sama ada perniagaan am atau hayat atau kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) adalah suatu syarikat persendirian, ia hendaklah menukarkan dirinya kepada suatu syarikat awam mengikut Akta Syarikat 1965 dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh berkuatkuasa;
- (b) adalah seseorang penanggung insurans asing, selain daripada seseorang penanggung insurans semula profesional, ia hendaklah memindahkan harta, perniagaan, dan liabilitinya kepada suatu syarikat awam yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 setakat mana berhubungan dengan perniagaan insuransnya di Malaysia menurut Bahagian X Akta tersebut pada atau sebelum 30 Jun 1998; dan
- (c) adalah suatu pertubuhan koperasi, ia hendaklah memindahkan harta, perniagaan, dan liabilitinya kepada suatu syarikat awam yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 setakat mana ianya berhubungan dengan perniagaan insuransnya mengikut Bahagian X Akta tersebut dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh berkuatkuasa,

Akta 125.

atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang Menteri tentukan melalui notis secara bertulis kepada penanggung insurans itu atas permohonan bertulisnya sebelum tamatnya tempoh itu.

218. Jika seksyen 217 tidak dipatuhi, lesen yang disifatkan telah dipegang di bawah seksyen 215 atau dikeluarkan di bawah seksyen 16 adalah disifatkan telah dibatalkan di bawah seksyen 31 setelah tamatnya tempoh yang ditentukan dalam seksyen 217.

Pembatalan lesen insurans kerana ketakpatuhan seksyen 217.

219. (1) Seseorang broker insurans atau ajuster yang disifatkan telah dilesenkan di bawah perenggan 215(1)(b) hendaklah memohon bagi suatu lesen untuk menjalankan perniagaan sebagai seseorang broker insurans atau ajuster, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah seksyen 15 sebelum tamatnya baki tempoh lesennya tetapi tidak melebihi tempoh enam puluh hari dari tarikh berkuatkuasa.

Kelulusan lesen kepada broker Insurans atau ajuster yang disifatkan telah dilesenkan di bawah perenggan 215(1)(b).

(2) Jika subseksyen (1) dipatuhi, Bank boleh memberikan lesen di bawah seksyen 17, dengan atau tanpa syarat atau enggan untuk memberikan lesen itu di bawah seksyen 17.

(3) Lesen yang disifatkan telah dipegang di bawah perenggan 215(1)(b) adalah disifatkan terbatal jika—

- (a) subseksyen (1) tidak dipatuhi setelah tamat tempoh yang ditentukan dalam subseksyen itu; atau
- (b) subseksyen (1) telah dipatuhi, tetapi lesen telah ditolak di bawah seksyen 17, pada tarikh penolakan itu.

220. Seseorang penanggung insurans asing berlesen hendaklah menubuhkan dan menyenggarakan suatu kumpulan wang insurans bagi polisi Malaysianya dan bagi polisi asingnya, yang diunderaitkan di cawangannya di Malaysia.

Penanggung insurans asing untuk menubuhkan kumpulan wang insuran.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

Kecualian
dan
pendedahan
berkenaan
dengan
kepentingan
dalam syer.

221. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada apa-apa yang terkandung dalam seksyen 67 atau 69 boleh menjadikan suatu perolehan atau pelupusan kepentingan dalam syer seseorang pemegang lesen atau pengawalnya oleh seseorang yang mana perolehan atau pelupusan kepentingan dalam syer seseorang pemegang lesen atau pengawalnya telah disempurnakan atau sesuatu pegangan bagi kepentingan dalam syer seseorang pemegang lesen atau pengawalnya yang telah wujud, sebelum tarikh berkuatkuasa dan mengikut undang-undang dan sah sebaik sahaja sebelum tarikh tersebut.

(2) Suatu perolehan, pegangan atau pelupusan kepentingan dalam syer yang mana subseksyen (1) terpakai hendaklah diambilkira dalam menentukan kesahan di bawah seksyen 67 atau 69, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi mana-mana perolehan atau pelupusan kepentingan dalam syer seseorang pemegang lesen atau pengawalnya yang dibuat selepas tarikh berkuatkuasa itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang yang merupakan seseorang pengawal pemegang lesen pada tarikh berkuatkuasa hendaklah memberitahu kepada Bank secara bertulis dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh tersebut—

- (a) nama pemegang syer yang memegang lebih daripada lima peratus syernya; dan
- (b) jika seorang pemegang syer itu memegang syer sebagai seorang pemegang amanah, untuk menunjukkan setakat yang dia boleh, orang yang baginya dia memegang syer itu melalui nama atau melalui butir-butir lain yang mencukupi untuk membolehkan orang itu dikenalpasti dan bentuk kepentingannya,

dan seksyen 66 hendaklah terpakai berhubungan dengan seseorang pengawal pemegang lesen di bawah subseksyen ini.

Penalti: Satu juta ringgit. Penalti ingkar.

222. (1) Jika seseorang penanggung insurans berlesen telah menandatangani dalam wang tunai atau cagaran dengan Akauntan Negara sejumlah wang yang ditentukan di bawah subseksyen 7(1) Akta yang dimansuhkan, Akauntan Negara boleh memulangkan deposit tersebut bersama-sama dengan apa-apa pertambahan kepada penanggung insurans berlesen itu.

Deposit dan waad bank sebagai ganti deposit.

(2) Jika sesuatu bank berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 berwaad dengan Kerajaan di bawah subseksyen 8(1) Akta yang dimansuhkan untuk menandatangani dengan Akauntan Negara sejumlah wang tertentu secara tunai oleh sebab deposit penanggung insurans berlesen di bawah subseksyen 7(1) Akta yang dimansuhkan, waad itu adalah disifatkan sebagai telah dibatalkan mulai tarikh berkuatkuasa.

Akta 372.

223. Wang yang masih berada dalam kumpulan wang skim jaminan insurans bagi perniagaan insurans am yang ditubuhkan di bawah seksyen 12A Akta yang dimansuhkan hendaklah dipindahkan dan dibayar ke dalam kumpulan wang skim jaminan insurans bagi perniagaan am yang ditubuhkan dan disenggarakan di bawah seksyen 173.

Wang dalam kumpulan wang skim jaminan insurans.

224. (1) Jika seorang penanggung insurans hayat berlesen telah menandatangani dengan Perbendaharaan suatu baki wang polisi hayat di bawah subseksyen 44(4) Akta yang dimansuhkan dan duti harta pusaka yang kena dibayar atau boleh dilevikan terhadap wang polisi itu di bawah—

Kecualian berkaitan dengan wang polisi hayat.

(a) Enakrnen Duti Harta Pusaka Persekutuan Tanah Melayu; atau

(b) Ordinan Duti Harta Pusaka Sabah,

penanggung insurans hayat berlesen itu, secepat yang boleh dipraktikkan, hendaklah mendapatkan suatu pemulangan wang polisi itu daripada Perbendaharaan apabila suatu permohonan secara bertulis dibuat dan disertai dengan resit asal yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dan satu surat keizinan daripada orang yang menerima bayaran awal dan jika orang tersebut tiada, daripada orang yang dirujuk di dalam subseksyen 169(2) dan penanggung insurans hayat berlesen hendaklah membayar sejumlah

wang polisi itu kepada orang tersebut tanpa jumlah wang polisi itu dimasukkan ke dalam jadual yang disebutkan di dalam perenggan 50(ii) Enakmen tersebut atau sijil yang disebut di dalam seksyen 35 Ordinan tersebut.

(2) Jika pemunya polisi mati sebelum 1 November 1991, penanggung insurans hayat berlesen, sebelum membuat suatu bayaran di bawah subseksyen (1), hendaklah memberi notis bertulis tidak kurang daripada empat belas hari melalui pos berdaftar kepada Pemungut Duti Harta Pusaka dengan butir-butir sebagaimana yang dia kehendaki.

(3) Jika pemunya polisi mati pada atau selepas 1 November 1991 dan bayaran telah dibuat di bawah subseksyen 44(1) Akta yang dimansuhkan, penanggung insurans hayat berlesen hendaklah berurusan dengan baki wang polisi itu dalam cara yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1), jika—

(a) tiada tuntutan telah dibuat kepada baki wang polisi itu oleh seorang wakil diri pemunya polisi yang mati itu; atau

(b) penanggung insurans hayat berlesen telah membayar baki wang polisi itu ke dalam Akaun Amanah Yang Disatukan di bawah subseksyen 11(1) Akta Wang Yang Tak Dituntut 1965, penanggung insurans hayat berlesen itu, walau apa pun apa-apa jua yang terkandung di dalam Akta tersebut, apabila menerima satu surat keizinan daripada orang yang dirujuk di dalam subseksyen 169(2), adalah berhak untuk menuntut, dan hendaklah menuntut, di bawah subseksyen 13(1) Akta tersebut, baki wang polisi yang kena di bayar kepadanya oleh Pendaftar Wang Yang Tak Dituntut seolah-olah ia adalah pemunya di bawah Akta tersebut.

Akta 370.

(4) Subseksyen (1) terpakai kepada wang polisi di bawah suatu polisi hayat yang mana simati bukan pemunya polisi semasa kematiannya.

(5) Perbendaharaan, sebelum memulangkan baki wang polisi itu kepada penanggung insurans hayat berlesen atas permohonannya untuk membayar orang yang dirujuk

di dalam subseksyen 169(2), boleh menggunakan baki wang polisi itu untuk membayar mana-mana duti harta pusaka yang belum dibayar.

(6) Sebelum membuat suatu permohonan di bawah subseksyen (1) atau suatu tuntutan di bawah subseksyen (3), penanggung insurans hayat berlesen itu hendaklah memberitahu dan mendapatkan satu surat keizinan daripada orang yang dirujuk dalam subseksyen 169(2).

(7) Seksyen 170 dan 171 terpakai kepada pembayaran baki wang polisi itu di bawah seksyen ini.

(8) Jika suatu baki wang polisi tidak dipulangkan di bawah seksyen ini dalam tempoh tujuh tahun daripada tarikh berkuatkuasa, amaun itu hendaklah dibayar ke dalam Akaun Amanah Yang Disatukan di bawah subseksyen 11(1) Akta Wang Yang Tak Dituntut 1965.

Akta 370.

225. Menteri boleh melalui kaedah membuat peruntukan yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat bagi maksud mengatasi apa-apa kesulitan yang timbul berikutan mula berkuatkuasanya Akta ini dan apa-apa kaedah sedemikian boleh dibuat supaya berkuatkuasa mulai dari tarikh berkuatkuasa.

Peruntukan bagi mengatasi kesulitan.

JADUAL

Subseksyen 214(1)

BAHAGIAN A

Pemansuhan

No.	Tajuk	Takat Mansuh
1 tahun 1962	Akta Syarikat Asurans Nyawa (Likuidasi Wajib) 1962	
89 tahun 1963	Akta Insurans 1963	Seluruh
P.U. 250/63	Kaedah-Kaedah Syarikat Asurans Nyawa (Penggulungan Wajib) 1963	

BAHAGIAN B

Pindaan Berbangkit

Akta 124

1. Akta Syarikat 1965 adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan 217(1)(f) Akta tersebut, yang berikut:

"(g) in the case of a company which is licensed under the Insurance Act 1996, Bank Negara Malaysia,";

(b) dengan memotong perkataan "or" selepas perenggan 218(1)(j) Akta tersebut;

(c) dengan menggantikan tanda noktah pada akhir perenggan 218(1)(k) perkataan "; or";

(d) dengan memasukkan selepas perenggan 218(1)(k) Akta tersebut, yang berikut:

"(1) the company has held a licence under the Insurance Act 1996 and—

(i) that licence has been revoked;

(ii) Bank Negara Malaysia has petitioned for its winding up under subsection 58(4) of the Insurance Act 1996; or

(iii) an order under paragraph 59(4)(b) of the Insurance Act 1996 has been made in respect of it.";

(e) dalam sub.seksyen 234(3) Akta tersebut, dengan memasukkan selepas perkataan "lodged with the Registrar" perkataan ", and in the case of a company which is an insurer, whether or not its licence under the Insurance Act 1996 is revoked, Bank Negara Malaysia,";

(f) dengan memasukkan selepas subseksyen 235(2) Akta tersebut, yang berikut:

"(3) The liquidator of a company which is an insurer shall submit the preliminary report in subsection (1) and the further reports in subsection (2) to Bank Negara Malaysia at the same time as he submits them to the Court."

(g) dengan memasukkan selepas subseksyen 254(3), yang berikut:

"(4) A company which is an insurer, whether or not its licence under the Insurance Act 1996 is revoked, shall not be wound up voluntarily before the transfer of the whole of its insurance business to another insurer under section 128 of that Act,";

(h) dengan menomborkan semula seksyen 267 sebagai subseksyen 267(1) dan memasukkan selepas subseksyen 267(1) yang berikut:

"(2) Notwithstanding section 232 (3), in the case of a company which is an insurer, no person, other than Bank Negara Malaysia, may apply to the Court to review the remuneration of the liquidator and the Court shall determine the remuneration of the liquidator on the recommendation of Bank Negara Malaysia.";

(i) dalam subseksyen 281(1) Akta tersebut, dengan memasukkan selepas perkataan "and the official Receiver" perkataan ", and in the case of a company which is an insurer, whether or not its licence under the Insurance Act 1996 is revoked, Bank Negara Malaysia,".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk membuat peruntukan menyeluruh bagi pelesenan, pengawalseliaan terhadap penanggung insurans, insurans broker dan ajuster. Setelah menjadi undang-undang, ia akan menggantikan Akta Insurans 1963 yang sedia ada (Akta yang dimansuhkan). Peruntukan dalam Rang Undang-Undang ini adalah diasaskan, dengan beberapa pengubahsuaian dan penambahan, kepada peruntukan yang sedia ada dalam Akta yang dimansuhkan.

2. Bahagian I Rang Undang-Undang ini memperkatakan tentang perkara awalan, seperti takrifan terma tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini dan yang memberikuasa kepada Bank dengan segala fungsi yang diberikan kepadanya oleh Rang Undang-Undang ini, termasuk yang memberikan kuasa kepada seseorang pekerja atau seseorang untuk melaksanakan apa-apa fungsinya.

3. Bahagian II memperuntukkan bagi pelesenan orang yang menjalankan perniagaan insurans, perniagaan pembrokeran insurans dan perniagaan pengajusteran.

Fasal 4 bertujuan untuk mengelaskan perniagaan insurans kepada perniagaan am dan perniagaan hayat.

Fasal 5 memperuntukkan bahawa skim persaraan pekerja, perniagaan yang dijalankan oleh sesuatu pertubuhan faedah bersama di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan kedua-dua eksport kredit dan kredit perniagaan insurans lain yang dijalankan oleh Malaysia Export Credit Insurance Berhad (MECIB) bukan perniagaan insurans. MECIB, akan dengan demikian beroperasi di luar bidang kuasa Akta yang dimansuhkan.

Fasal 6 memberikuasa kepada Bank untuk melarang atau menyekat seseorang penanggung insurans berlesen daripada menjalankan perihal perniagaan insurans tertentu untuk mencegah pengunderaitan tak hemat.

Fasal 7 melarang seseorang penanggung insurans berlesen daripada menjalankan perniagaan anuiti pasti atau perniagaan insurans berkaitan pelaburan kecuali dengan kelulusan Bank kerana jenis perniagaan tersebut perlu dikawalselia secara berbeza.

Fasal 8 menyatakan aktiviti yang menjadi perniagaan insurans.

Fasal 9 dan *10* melarang seseorang daripada menjalankan perniagaan berlesen, iaitu perniagaan insurans, perniagaan pembrokeran insurans atau perniagaan pengajusteran atau mengemukakan diri sebagai seseorang penanggung insurans, broker insurans atau ajuster, kecuali dilesenkan masing-masingnya. Subfasal (2) mengecualikan ajuster bagi kerugian penerbangan atau maritim daripada dilesenkan di bawah Rang Undang-Undang ini.

Fasal U melarang penggunaan perkataan "insurans", "asurans" atau "pengunderait" atau apa-apa perkataan lain yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan perjalanan apa-apa perniagaan berlesen itu tanpa kelulusan daripada Bank. Larangan ini tidak terpakai kepada seseorang pemegang lesen dan seseorang yang dikecualikan di bawah subfasal 11(2).

Fasal 12 melarang seseorang penanggung insurans berlesen daripada menjalankan kedua-dua perniagaan hayat dan perniagaan am. Larangan ini tidak terpakai kepada seseorang penanggung insurans semula profesional atau seseorang penanggung insurans berlesen yang secara sah menjalankan kedua-dua perniagaan. Oleh kerana perniagaan hayat dan am adalah berbeza secara substantif, adalah dikirakan perlu untuk mengasingkan kedua-dua aktiviti itu. Bagaimanapun, penanggung insurans hayat akan dibenarkan untuk mentransaksi perniagaan insurans kesihatan.

Fasal 13 memperuntukkan bagi Menteri untuk menjadi pihak pelesenan bagi penanggung insurans dan bagi Bank untuk menjadi pihak berkuasa pelesenan bagi broker insurans dan ajuster.

Fasal 14 memperuntukkan bagi seseorang pemohon untuk mendapatkan sesuatu lesen perniagaan insurans hendaklah sesuatu syarikat awam, bagi perniagaan pembrokeran insurans atau perniagaan pengajusteran hendaklah sesuatu syarikat dan bagi perniagaan insurans semula profesional hendaklah suatu badan korporat.

Fasal 15 memperuntukkan bagi cara permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen di bawah Rang Undang-Undang ini.

Fasal 16 dan *17* memperuntukkan bagi pelesenan penanggung insurans, insurans broker dan ajuster, selain daripada ajuster penerbangan dan maritim.

Subfasal 18(1) dan *(2)* memperuntukkan bagi modal syer berbayar minimum penanggung insurans tempatan, atau lebih aset berbanding dengan liabiliti penanggung insurans asing, hendaklah sebanyak amaun yang ditetapkan oleh Bank. Ini bagi memastikan bahawa penanggung insurans berlesen mempunyai kekukuhan kewangan minimum yang diperlukan.

Subfasal 18(3) memperuntukkan bagi modal syer berbayar minimum bagi suatu broker insurans dan ajuster yang ditetapkan oleh Bank.

Fasal 19 dan *20* menyatakan kehendak tentang penyata modal dan prospektus.

Fasal 21 memperuntukkan bagi fee lesen bagi semua pemegang lesen untuk ditetapkan. Seseorang penanggung insurans berlesen juga dikehendaki untuk membayar fee lesen setelah Bank memberikan kelulusan bagi penubuhan sesuatu pejabatnya di Malaysia selain daripada tempat utama perniagaannya dan fee lesen tahunan bagi pejabatnya yang lain.

Fasal 22 memperuntukkan bagi keanggotaan mandatori dalam pertubuhan perdagangan yang sesuai untuk mengalakkan pengawalseliaan sendiri oleh industri insurans.

Fasal 23 membolehkan penganan syarat ke atas sesuatu lesen.

Fasal 24,25 dan *26* memperkatakan tentang bentuk dan pempameran lesen dan pelekatan nama seseorang pemegang lesen di luar pejabatnya.

Fasal 27 menghendaki seseorang penanggung insurans berlesen untuk memulakan perniagaan dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh lesennya.

Fasal 28 menyekat pemegang lesen daripada menjalankan aktiviti yang tidak berkaitan.

Fasal 29 menghendaki seseorang pemegang lesen untuk mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank sebelum meminda butir-butir pelesenannya, termasuklah dokumen konstituennya.

Fasal 30 menghendaki seseorang pemegang lesen untuk menguruskan perniagaan berlesennya secara eksklusif melainkan jika diluluskan oleh Bank tetapi seseorang penanggung insurans berlesen dibenarkan untuk beroperasi bersesama dengan penanggung insurans berlesen lain atau untuk berinsurans bersama-sama dengan seorang penanggung insurans berlesen atau lebih.

Fasal 31 menyenaraikan hal keadaan yang sesuatu lesen boleh dibatalkan.

Fasal 32 memperuntukkan bagi rayuan terhadap pembatalan lesen.

Fasal 33 menyatakan tanggungjawab seseorang pemegang lesen yang lesennya telah dibatalkan dan secara khusus membuatkan ia terus tertakluk kepada pemakaian peruntukan yang relevan dalam Rang Undang-Undang ini untuk menjaga kepentingan pemunya polisi semasa tempoh penggulungan perniagaan itu.

Fasal 34 menghendaki Bank untuk menyiarkan satu senarai penanggung insurans berlesen tidak lewat dari bulan Mac setiap tahun.

4. Bahagian III memperkatakan tentang subsidiari dan pejabat pemegang lesen.

Fasal 35,36 dan *37* melarang seseorang pemegang lesen daripada menubuhkan apa-apa subsidiari atau pejabat di dalam atau di luar Malaysia tanpa kelulusan daripada Bank dan memperuntukkan bagi permohonan untuk mendapatkan kelulusan sedemikian.

5. Bahagian IV memperkatakan tentang kumpulan wang insurans yang ditubuhkan oleh penanggung insurans berlesen dan perkara yang berkaitan dengan kumpulan wang insurans dan kumpulan wang pemegang syer.

Fasal 38 dan 39 menghendaki seseorang penanggung insurans berlesen untuk menubuhkan kumpulan wang insurans berasingan bagi polisi Malaysiannya dan polisi asingnya bagi perniagaan hayat dan am dan penanggung insurans berlesen hendaklah menguntukkan polisinya ke dalam kumpulan wang insurans masing-masing.

Fasal 40 menghendaki pendapatan untuk dikreditkan ke dalam kumpulan wang insurans masing-masing.

Fasal 41 menghendaki sesuatu kumpulan wang insurans pada setiap masa cukup untuk memenuhi liabilitinya dan aset sesuatu kumpulan wang insurans hendaklah digunakan hanya untuk memenuhi liabiliti dan perbelanjaannya.

Fasal 42 menghendaki aset sesuatu kumpulan wang insurans untuk diasingkan daripada aset lain penanggung insurans dan mengecualikan aset tak ketara tertentu daripada dimasukkan sebagai aset sesuatu kumpulan wang insurans.

Fasal 43 mengawalselia cara dan kuantum pengeluaran daripada sesuatu kumpulan wang insurans.

Fasal 44 memberikuasa kepada Bank untuk menetapkan cara penilaian aset dan penentuan liabiliti. Ini bagi memastikan bahawa kunci kira-kira menunjukkan kedudukan kewangan sebenar penanggung insurans berlesen itu.

Fasal 45 mengawalselia cara pelaburan aset seseorang penanggung insurans berlesen.

Fasal 46 memperuntukkan bagi margin kesolvenan untuk ditetapkan dan menghendaki seseorang penanggung insurans berlesen untuk memegang aset yang mewakili margin kesolvenannya dalam kumpulan wang insuransnya melainkan jika diluluskan oleh Bank. Ini adalah sebagai sandaran keselamatan penting bagi pemunya polisi.

Fasal 47 menghendaki seseorang penanggung insurans berlesen untuk menyenggarakan suatu daftar polisi dan suatu daftar tuntutan insurans. Ini akan menjadikan kelewatan atau ketinggalan dalam mengakui liabiliti penanggung insurans berlesen itu sebagai suatu kesalahan.

Fasal 48 menghendaki kesemua aset seseorang penanggung insurans berlesen dan dokumen hakmilik atau hak kepada sesuatu aset untuk dipegang dalam nama perbadanannya atau tertakluk kepada kelulusan Bank, dalam nama penamanya.

Fasal 49,50,51,52,53 dan 54 menghendaki seseorang penanggung insurans berlesen dan seseorang broker insurans berlesen untuk tidak memberikan kemudahan kredit tak bercagar, mentakrifkan cagaran bagi kemudahan kredit, memperuntukkan bagi penilaian cagaran, memberikuasa kepada Bank untuk menetapkan sekatan atau larangan terhadap harta tertentu sebagai cagaran, menyekat penyandaran aset seseorang penanggung insurans berlesen dan seseorang broker insurans berlesen dan menghendaki pendedahan kepentingan dalam kemudahan kredit oleh pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pengurus kredit seseorang penanggung insurans berlesen dan seseorang broker insurans berlesen, masing-masingnya.

Fasal 55 menghendaki seseorang pengarah penanggung insurans berlesen dan seseorang broker insurans berlesen untuk mendedahkan hakikat, jenis dan takat apa-apa percanggahan kepentingan kepada lembaga pengarahnya.

Fasal 56 menghendaki setiausaha seseorang penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen untuk merekodkan apa-apa pengisytiharaan yang dibuat di bawah *Fasal 54* atau *55*.

Fasal 57 menghendaki seseorang penanggung insurans berlesen untuk menginsuranskan semula mengikut prinsip insurans yang wajar dan memberikuasa kepada Bank untuk memberikan arahan jika perlu. Ini membolehkan Bank untuk memastikan bahawa perkiraan insurans semula adalah benar dan demi kepentingan terbaik pemunya polisi.

6. Bahagian V memperkatakan mengenai arahan dan kawalan oleh Menteri dan Bank terhadap penanggung insurans yang ingkar.

Fasal 58 mengadakan sistem amaran awal dengan menghendaki seseorang penanggung insurans berlesen yang hanya mematuhi margin kesolvenan tetapi mengalami hasil perniagaan yang buruk atau menghadapi kekurangan dalam margin kesolvenan untuk memberitahu kepada Bank dan mengemukakan suatu rancangan untuk membaiki keadaan kewangannya dan memberikuasa kepada Bank untuk mengeluarkan arahan. Jika tiada lebihan aset berbanding dengan liabiliti, Bank boleh memohon petisyen bagi pengulungannya selepas memberikan ia hak untuk didengar.

Fasal 59 memberikuasa kepada Bank untuk mengambil tindakan jika seseorang penanggung insurans berlesen yang beroperasi mengikut cara yang tidak wajar atau melanggar undang-undang atau menghadapi kekurangan dalam margin kesolvenan atau pengarahnya atau pegawainya bertindak mengikut cara yang boleh memudaratkan. *Subfasal 59(3)* memberikuasa kepada Bank dengan kelulusan Menteri untuk memecat seseorang pekerja atau pengarah atau melantik seseorang pekerja atau pengarah atau penasihat dan untuk menamatkan apa-apa kontrak yang dibuat oleh penanggung insurans itu. *Subfasal 59(4)* memberikuasa kepada Bank dengan arahan Menteri untuk

mengambil alih kawalan penanggung insurans berlesen atau membuat petisyen kepada Mahkamah untuk menggulungkan penanggung insurans berlesen, *Subfasal 59(5), (6) dan (7)* memperkatakan tentang peluang penanggung insurans berlesen untuk mengemukakan sesuatu representasi mengenai perkara itu. *Fasal 60, 61, 62, dan 63* adalah peruntukan berbangkit daripada *fasal 59*.

Fasal 64 memperuntukkan bagi Bank untuk memohon kepada Mahkamah untuk membatalkan modal syer seseorang penanggung insurans berlesen yang tidak terdiri daripada aset, untuk mengeluarkan modal baru dan menguntukkan modal baru kepada mana-mana orang jika tidak diambil oleh pemegang syer sedia ada penanggung insurans berlesen itu.

Fasal 65 memberikuasa kepada Menteri untuk mengeluarkan arahan kepada penanggung insurans berlesen yang menghadapi kekurangan dalam margin kesolvenan berhubungan dengan perniagaannya atau untuk menggantungkan lesennya atau untuk memohon kepada Mahkamah untuk menanggungkan sesuatu kelas tindakan tertentu berhubungan dengan perniagaan penanggung insurans berlesen itu selama enam bulan, sementara memberikan penanggung insurans berlesen itu peluang untuk membuat representasi.

7. Bahagian VI memperkatakan mengenai pengurusan pemegang lesen.

Fasal 66 memberikuasa kepada seseorang pemegang lesen untuk mendapatkan maklumat mengenai pemuya benefisial syernya atau syer syarikat yang memegang syernya bagi memastikan ketelusan pemegangan saham.

Fasal 67 mengenakan keperluan untuk mendapatkan kelulusan Menteri (bagi seseorang penanggung insurans berlesen) atau Bank (bagi seseorang broker insurans berlesen dan seseorang ajuster berlesen) sebelum memperoleh atau melupuskan syer yang membawa kepada agregat pemegangan syer lebih daripada lima peratus dalam pemegang lesen atau pengawalnya.

Subfasal (2) melarang seseorang yang telah mendapat kelulusan Menteri atau Bank, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi pemerolehan atau pelupusan apa-apa kepentingan dalam syer seseorang pemegang lesen atau pengawalnya daripada membuat apa-apa perjanjian kemudiannya atau perkiraan bagi pemerolehan atau pelupusan kepentingan selanjutnya dalam syer pemegang lesen itu atau pengawalnya melainkan jika dia telah mendapatkan kelulusan bertulis daripada Menteri atau Bank terlebih dahulu, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk membuat perjanjian atau perkiraan yang kemudian itu.

Fasal 68 memberikuasa kepada Bank untuk membuat arahan awal secara bertulis atau menyekat mana-mana orang yang melanggar *fasal 67* daripada berurusan dengan syer.

Fasal 69 melarang pemegangan silang dalam kepentingan syer pemegang lesen kecuali dengan kelulusan Menteri atas syor Bank. Larangan pemegangan silang ini tidak terpakai kepada kepentingan dalam syer penanggung insurans berlesen yang menjalankan kelas perniagaan insurans yang berbeza.

Fasal 70 menghendaki seseorang pemegang lesen dan seseorang pengawal pemegang lesen untuk memohon dan mendapatkan kelulusan Bank sebelum melantik seseorang pengarah atau ketua pegawai eksekutif dan menghendaki supaya pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pengurus yang dilantik itu mesti seseorang yang "layak dan sesuai" dan juga seorang pemastautin di Malaysia semasa tempoh perlantikannya, kecuali dalam kes pengarah bukan eksekutif yang mewakili seseorang pemegang syer asing.

Fasal 71, 72 dan 73 menyatakan keadaan yang seseorang itu menjadi tidak layak untuk dilantik sebagai pengarah, ketua pegawai eksekutif, pengurus, setiausaha atau pekerja lain yang berkaitan dengan pengurusan seseorang pemegang lesen, kesan kehilangan kelayakan itu dan keperluan bagi seseorang pemegang lesen untuk memberitahu Bank apabila mana-mana orang yang telah berhenti daripada menjadi pengarahnya atau ketua pegawai eksekutifnya dan alasan bagi pemberhentian itu.

8. Bahagian VII memperkatakan mengenai perkara berkaitan dengan juruaudit, aktuari dan akaun seseorang pemegang lesen, yang mana terpakai.

Fasal 74 menghendaki seseorang pemegang lesen untuk melantik pada setiap tahun kewangan seorang juruaudit yang diluluskan oleh Bank.

Fasal 75 mengariskan hal keadaan yang seseorang hilang kelayakan untuk dilantik sebagai seorang juruaudit pemegang lesen.

Fasal 76 mengenakan sekatan kepada sesuatu firma juruaudit yang akan dilantik sebagai juruaudit pemegang lesen.

Fasal 77 menghendaki seseorang juruaudit untuk memberikan persetujuannya untuk bertindak sebagai juruaudit sebelum perlantikannya.

Fasal 78 memperuntukkan bahawa perlantikan sesuatu firma juruaudit hendaklah beroperasi sebagai perlantikan kepada anggota dalam firma itu.

Fasal 79 memperuntukkan bahawa seseorang juruaudit pemegang lesen tidaklah disifatkan sebagai pekerjanya.

Fasal 80 dan *81* menghendaki seseorang juruaudit pemegang lesen untuk mengemukakan satu laporan mengenai pematuhannya dengan undang-undang dan mengenai hal ehwal perniagaan kepada anggota pemegang lesen itu, memberikuasa kepada Bank untuk menghendaki seseorang juruaudit untuk mengemukakan maklumat tambahan, atau meluaskan skop pengauditannya yang ditentukan.

Fasal 82 menghendaki seseorang juruaudit untuk melaporkan kepada Bank apa-apa pelanggaran Rang Undang-Undang ini atau apa-apa undang-undang lain, apa-apa salah aturan yang serius atau jika margin kesolvenan tidak dikekalkan secara memuaskan menurut *fasal 46* dan melindungi juruaudit daripada liabiliti bagi apa-apa pendedahan.

Fasal 83 dan *84* memperuntukkan bagi seseorang penanggung insurans hayat berlesen untuk melantik pada setiap tahun seseorang aktuari yang diluluskan oleh Bank dan menentukan kelayakan seseorang aktuari yang dilantik dan hal keadaan yang seseorang aktuari yang dilantik itu berhenti untuk menjadi aktuari yang dilantik dan tindakan yang boleh diambil ke atas pemberhentian sedemikian.

Fasal 85 menghendaki penyiasatan aktuari tahunan terhadap keadaan kewangan perniagaan seseorang penanggung insurans hayat berlesen dan menghendaki laporan aktuari yang dilantik dan sijil berkaitan dengan keadaan kewangan perniagaan penanggung insurans hayat berlesen diserahkan dengan Bank.

Fasal 86 menghendaki seseorang pemegang lesen dan pengarahnya, pengawalnya, atau pekerjanya untuk mengemukakan maklumat tidak palsu atau tidak mengelirukan dan sempurna kepada juruaudit atau aktuari yang dilantiknya.

Fasal 87 menghendaki seseorang pemegang lesen untuk mengemukakan kepada Bank akaun untung dan rugi dan kunci kira-kira, suatu sijil oleh juruauditnya, suatu laporan oleh lembaga pengarahnya dan dalam hal penanggung insurans berlesen, juga suatu akaun pendapatan yang diaudit sewajarnya. *Fasal* ini juga menghendaki pemegang lesen untuk mengemukakan kepada Bank apa-apa laporan oleh juruaudit kepada lembaga pengarahnya dan laporan mengenai tindakan yang diambil terhadapnya oleh lembaga pengarah.

Fasal 88 memperuntukkan berkaitan dengan suatu seseorang penanggung insurans asing berlesen, dokumen yang dikehendaki untuk dikemukakan di *bawah fasal 85, 87* dan *89* hanya perlu bagi polisi Malaysiannya.

Fasal 89 menghendaki seseorang penanggung insurans berlesen untuk mengemukakan penyata suku tahun kepada Bank berkaitan dengan operasinya bagi membolehkan penelitian rapi dibuat ke atas perniagaannya.

Fasal 90 menghendaki seseorang pemegang lesen untuk menyenggarakan akaunnya dengan mematuhi standard perakaunan yang diluluskan oleh Bank bagi memastikan akaun itu akan menunjukkan keadaan sebenarnya.

Fasal 91 memberikuasa kepada Bank untuk menghendaki seseorang penanggung insurans am berlesen untuk mendapatkan suatu penilaian aktuari mengenai liabilitinya berkaitan dengan tuntutan yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan.

Fasal 92 memberikuasa kepada Bank untuk menghendaki akaun tahunan, penyata suku tahun dan laporan aktuari untuk diperbetulkan jika penyata yang difailkan tidak boleh diterima dalam hal seseorang penanggung insurans yang perlu diawasi rapi untuk mendapatkan pengesahan daripada Bank sebelum menyiarkan akaunnya. *Fasal* ini juga memberikuasa kepada Bank untuk menghendaki penyiasatan aktuari mengenai keadaan kewangan seseorang penanggung insurans oleh aktuari yang lain.

Fasal 93 melarang seseorang penanggung insurans berlesen tempatan daripada membayar apa-apa dividen sehingga perbelanjaan yang dipermodatkan telah diluputkan atau jika pembayaran itu boleh menimbulkan kekurangan dalam margin kesolvenannya.

Fasal 94 menghendaki seseorang penanggung insurans berlesen untuk mengemukakan kepada Bank tiga salinan akaunnya yang dibentangkan pada mesyuarat agung tahunannya berserta dengan minit mesyuarat tersebut.

Fasal 95 menghendaki seseorang penanggung insurans berlesen untuk menyiarkan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian yang disiarkan di Malaysia dan diluluskan oleh Bank, satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan satu lagi dalam bahasa Inggeris. Kemudiannya, ianya hendaklah dipamerkan sepanjang tahun pada kedudukan yang ketara di setiap cawangannya di Malaysia.

Fasal 96 menghendaki seseorang penanggung insurans berlesen untuk menghantar kepada anggotanya atau pemunya polisinya, atas permohonan dan pembayaran fee yang munasabah, satu salinan apa-apa dokumen yang diserahkan dengan Bank di bawah *fasal 85* dan *subfasal 87 (1)*. Ini membenarkan apa-apa orang untuk memeriksa atau membuat satu salinan daripada dokumen yang diserahkan sepanjang lima tahun terakhir dengan Bank selain daripada apa-apa dokumen yang ditetapkan oleh Bank.

Fasal 97 memperuntukkan bahawa satu sijil yang ditandatangani oleh seseorang pegawai yang diberikuasa oleh Bank yang menyatakan bahawa sesuatu dokumen adalah dokumen yang telah diserahkan dengan Bank hendaklah boleh diterima dalam mahkamah sebagai keterangan kepada hakikat itu.

Fasal 98 memperuntukkan bahawa tiap-tiap pekerja sekarang dan dahulu seseorang pemegang lesen yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab menyimpan rekod perakaunan melakukan suatu kesalahan jika pekerja itu tidak menyimpan rekod perakaunan sewajarnya yang perlu untuk menunjukkan dan menjelaskan transaksi dan keadaan kewangan pemegang lesen itu. Bagaimanapun, pekerja itu tidak akan bertanggungjawab jika dia telah bertindak secara jujur dan menunjukkan bahawa keingkaran yang berlaku tanpa pengetahuan atau persetujuannya.

9. Bahagian VIII bertujuan untuk membuat peruntukan berkaitan dengan pemeriksaan pemegang lesen.

Fasal 99 memberikuasa kepada seseorang pemeriksa yang diberikuasa oleh Bank untuk memeriksa, dari semasa ke semasa, tanpa memberikan notis terlebih dahulu, dokumen seseorang pemegang lesen, atau ejennya, di dalam atau di luar Malaysia atau seseorang pemegang lesen dalam likuidasi atau seseorang pemegang lesen yang lesennya telah dibatalkan. Dalam hal seseorang berlesen asing, pemeriksaan hendaklah dihadkan kepada perniagaannya atau perniagaan ejennya di Malaysia.

Fasal 100 mengenakan sesuatu obligasi ke atas seseorang yang diperiksa dan pengarahnya, pekerjaannya dan ejennya untuk memberikan kepada pemeriksa akses kepada dokumen dan akaun dan juga untuk memberikan segala maklumat sebagaimana pemeriksa boleh menghendakinya. *Subfasal (2)* membolehkan seseorang pemeriksa untuk mengambil milikan apa-apa dokumen atau wang tunai yang dia mempunyai akses di bawah *subfasal (1)*, jika pada pendapatnya, dokumen atau wang tunai itu tidak dapat diperiksa, disalin, dibuat cabutan daripadanya tanpa mengambil milikan ke atasnya atau pun ianya mungkin diganggu atau dimusnahkan melainkan jika dia mengambil milikan ke atasnya atau bahawa ianya mungkin diperlukan sebagai keterangan dalam prosiding undang-undang, sama ada berkaitan dengan Rang Undang-Undang ini, atau Akta Bank Negara Malaysia 1958, atau mana-mana undang-undang bertulis lain.

Fasal 101 memberikuasa kepada seseorang pemeriksa untuk memeriksa pengarah atau pekerja seseorang pemegang lesen atau ejennya, seseorang pemunya polisi atau mana-mana orang lain yang berurusan dengan pemegang lesen dan mana-mana orang lain yang pemeriksa mempercayai berpengetahuan tentang hakikat dan hal keadaan kes, termasuklah juruaudit seseorang pemegang lesen atau aktuari yang dilantik seseorang penanggung insurans hayat berlesen. Orang yang diperiksa hendaklah memberikan, secara lisan atau bertulis, segala dokumen dan maklumat yang dikehendaki oleh pemeriksa. *Subfasal (2)* memperuntukkan bahawa seseorang juruaudit atau seseorang aktuari yang dilantik tidaklah bertanggungjawab bagi pemecahan kontrak berkaitan dengan kerahsiaan dalam memberikan dokumen dan maklumat kepada pemeriksa.

Fasal 102 mengenakan sesuatu obligasi ke atas orang yang hendak diperiksa di bawah *fasal 99(1)* atau *101*, jika dikehendaki oleh pemeriksa, untuk hadir dihadapannya di pejabatnya pada bila-bila masa yang ditentukan oleh pemeriksa.

10. Bahagian IX mengandungi peruntukan berkaitan dengan penyiasatan terhadap kesalahan di bawah Rang Undang-Undang ini, pengeledahan dan penyitaan berkaitan dengan penyiasatan itu.

Fasal 103 memperuntukkan kepada seseorang pekerja Bank atau mana-mana orang lain untuk dilantik sebagai seseorang pegawai penyiasat bagi maksud Bahagian ini. Jika pegawai penyiasat itu bukan seorang pekerja Bank, dia hendaklah tertakluk kepada Rang Undang-Undang ini dan menikmati hak, perlindungan, dan tanggungruji yang ditentukan dalam Rang Undang-Undang ini atau Akta Bank Negara Malaysia 1958 atau apa-apa undang-undang bertulis lain yang terpakai kepada pekerja Bank. Seseorang pegawai penyiasat adalah tertakluk kepada arahan dan kawalan Bank dan melaksanakan fungsinya menurut arahan Bank.

Fasal 104 memberikan kepada seseorang pegawai penyiasat kuasa untuk masuk, menggeledah dan menyita jika dia berpuas hati atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa mana-mana orang telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Rang Undang-Undang ini. Di bawah kuasa ini, seseorang pegawai penyiasat boleh memasuki mana-mana premis dan menggeledah, menyita dan menahan apa-apa dokumen atau harta atau memeriksa, membuat salinan, atau membuat cabutan daripada dokumen atau mengambil milikan ke atas, dan mengalih daripada premis apa-apa harta, atau dokumen yang disita. Dia juga diberikuasa untuk memeriksa mana-mana orang di premis sedemikian dan bagi maksud pemeriksaan sedemikian, menahannya dan memindahkannya ke mana-mana tempat sebagaimana yang perlu untuk memudahkan pemeriksaan, dan untuk menyita dan menahan apa-apa dokumen atau harta yang didapati daripadanya. Jika perlu, pegawai penyiasat itu boleh memecah masuk atau masuk secara paksa mana-mana premis atau mana-mana kenderaan atau menahan mana-mana orang yang didapati dalam mana-mana premis atau kenderaan sehingga orang, premis atau kenderaan itu telah diperiksa atau dikeledah. Seseorang wanita hanya boleh diperiksa oleh wanita yang lain.

Fasal 105 melarang halangan kepada pelaksanaan mana-mana kuasa pegawai penyiasat, sifat halangan itu dikemukakan dalam perenggan (a) hingga (h) *fasal* ini.

Fasal 106 memberikuasa kepada seseorang pegawai penyiasat untuk menghendaki suatu terjemahan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris bagi apa-apa dokumen yang dijumpai, disita, ditahan atau diambil milikan oleh pegawai penyiasat daripada orang yang mempunyai milikan, penjagaan atau kawalan terhadap dokumen itu.

Fasal 107 memberikuasa kepada seorang pegawai penyiasat untuk memeriksa mana-mana orang yang dia percayai mempunyai pengetahuan tentang hakikat dan keadaan sesuatu kes itu. Bagi maksud pemeriksaan itu, orang itu boleh diarahkan untuk hadir, atau mengemukakan apa-apa dokumen di hadapan pegawai penyiasat itu. Orang itu juga boleh dikehendaki untuk mengangkat sumpah atau ikrar oleh pegawai penyiasat itu dan dikehendaki untuk mengemukakan satu pernyataan secara bertulis yang dibuat dengan sumpah atau ikrar yang menyatakan apa-apa maklumat yang dikehendaki di bawah notis itu. *Subfasal (2)* atau *(6)* mengandungi berbagai peruntukan lain yang berkaitan dengan sesuatu pemeriksaan di bawah *fasal* ini.

Fasal 108 memperuntukkan bahawa Bank boleh sama ada atas inisiatifnya sendiri, atau pun atas permintaan seseorang pegawai polis atau mana-mana pegawai awam yang lain untuk membekalkan kepada pegawai itu satu salinan apa-apa dokumen yang disita, ditahan atau diambil milikan atau apa-apa rekod pemeriksaan atau apa-apa penyata bertulis yang dibuat dengan sumpah atau ikrar.

Fasal 109 memperuntukkan bahawa seseorang pegawai penyiasat hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan, dan sebagai seorang pegawai awam bagi maksud Kanun Prosedur Jenayah atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang mana Menteri boleh, atas syor Bank, menetapkan.

11. Bahagian X memperkatakan tentang perkara yang berkaitan dengan penggulungan penanggung insurans.

Fasal 110 memperuntukkan bahawa sebagai tambahan kepada Akta Syarikat 1965 selain daripada seksyen 176, 237, 241, 242, 246 dan 278 Akta tersebut, Bahagian ini terpakai kepada gulungan seseorang penanggung insurans, termasuk seseorang penanggung insurans yang lesennya telah dibatalkan atau yang penggulangannya telah dimulakan tetapi belum selesai.

Fasal 111 melarang seseorang penanggung insurans tempatan daripada digulungan secara sukarela kecuali setelah ia memindahkan keseluruhan perniagaannya kepada penanggung insurans yang lain di bawah *fasal 128*. Seseorang penanggung insurans tempatan adalah diminta untuk memberitahu kepada Bank mengenai permulaan penggulungan secara sukarelanya.

Fasal 112 memberikuasa kepada Bank untuk membuat petisyen bagi penggulungan seseorang penanggung insurans, menghendaki seseorang pempetisyen selain daripada Bank untuk menyampaikan satu salinan petisyen kepada Bank dan membenarkan Bank untuk hadir dan didengar dalam segala prosiding.

Fasal 113 menghendaki seseorang pempetisyen untuk memberikan kepada Bank notis segala prosiding berkaitan dengan petisyen itu dan menyerahkan kepada Bank satu salinan dokumen dan rekod berkaitan dengan prosiding itu.

Fasal 114 menggariskan hal keadaan tambahan yang mana suatu penanggung insurans boleh digulungkan, iaitu jika suatu petisyen dibuat yang mana penanggung insurans berlesen tidak mengemukakan suatu pelan yang memuaskan untuk memulihkan margin kesolvenannya atau menurut suatu perintah Menteri di bawah *perenggan 59(4)(b)* atau jika lesen penanggung insurans itu telah dibatalkan di bawah *fasal 31*.

Fasal 115 memperuntukkan bagi Mahkamah untuk melantik seorang yang ditentukan oleh Bank sebagai pelikuidasi atau pelikuidasi sementara.

Fasal 116 menghendaki pelikuidasi untuk berfungsi di bawah arahan dan kawalseliaan Bank dengan mengambilkira keadaan teknikal perniagaan insurans dan kepentingan pemunya polisi dan penuntut.

Fasal 117 menyatakan bahawa saraan pelikuidasi akan ditentukan oleh Mahkamah atas syor Bank.

Fasal 118 dan *119* menghendaki pengemukaan penyata hal ehwal penanggung insurans dan laporan awal dan borang yang ditetapkan yang dirujuk di dalam seksyen 235 dan subseksyen 281(1) Akta Syarikat 1965 masing-masingnya kepada Bank pada masa ia dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

Fasal 120 memperuntukan bahawa dalam penggulungan suatu penanggung insurans, penilaian aset dan liabilitinya hendaklah berasaskan kepada penentuan oleh Bank dan mengecualikan pemakaian undang-undang yang berkaitan dengan kebangkrapan.

Fasal 121 memperuntukan bagi penamatan semua polisi yang dikeluarkan oleh suatu penanggung insurans berkuatkuasa daripada tarikh perintah penggulungan. Pemunya polisi hanya boleh menuntut sebagai hutang pemulangan kepada premiumnya dalam kadar tempoh belum tamat polisi amnya atau rizab nilai aktuari bagi polisi hayatnya, mengikut mana-mana yang berkenaan. Pelikuidasi adalah dikehendaki untuk memaklumkan kepada setiap pemunya polisi atas penamatan tersebut melalui surat biasa dan melalui iklan.

Fasal 122 memperuntukkan bahawa aset suatu kumpulan wang insurans adalah sedia ada untuk menampung liabilitinya kepada semua pemunya dan penuntut di bawah polisi kelas peniagaan insurans tersebut. Liabiliti ini mempunyai keutamaan daripada semua liabiliti tak bercagar selain daripada hutang yang diutamakan di bawah subseksyen 292(1) Akta Syarikat 1965 ke suatu takat yang ia adalah berkadar kepada kumpulan wang insurans tersebut. *Subfasal (2)* memperuntukkan bahawa aset mana-mana kumpulan wang insurans Malaysia hendaklah digunapakai bagi menampung liabiliti kumpulan wang tersebut. Perkara yang sama terpakai kepada kumpulan wang insurans asing. Jika aset suatu kumpulan wang insurans melebihi

liabilitinya, lebih aset itu boleh digunapakai mengikut kadar untuk menampung liabiliti kumpulan wang insurans penanggung insurans lain yang terkurang. Apa-apa kekurangan yang wujud dalam suatu kumpulan wang insurans setelah pemakaiannya boleh ditampung oleh aset insurans lain penanggung insurans itu mengikut keutamaan atas liabiliti tak bercagar lain selain daripada hutang yang diutamakan di bawah Akta Syarikat 1965.

Fasal 123 membolehkan seorang pelikuidasi seseorang penanggung insurans yang sedang digulung untuk membayar dengan suci hati kepada mana-mana penuntut tanpa menghendaki bukti ketat mengenai hutang atas tuntutan tersebut untuk memudahkan pembayaran.

Fasal 124 menerangkan kesalahan seseorang pengarah, pekerja, ejen atau penyumbang, dahulu atau pun sekarang, seseorang penanggung insurans yang sedang digulungkan, kesalahan itu adalah dinyatakan di dalam perenggan (a) hingga (c) *fasal ini*.

Fasal 125 memberikuasa kepada pelikuidasi seseorang penanggung insurans hayat untuk menjalankan perniagaan hayatnya yang sedia ada tanpa kebenaran daripada Mahkamah atau jawatankuasa pemeriksaan. Perniagaan hayat adalah dijalankan dengan tujuan untuk memindahkannya sebagai suatu perniagaan yang sedang dijalankan kepada penanggung insurans lain supaya pemunya polisi paling kurang dimudaratkan. Bagaimanapun, pelikuidasi adalah tidak dibenarkan untuk menguatkuasakan apa-apa polisi baru. *Subfasal (2)* membenarkan pelikuidasi untuk memohon kepada Mahkamah bagi suatu perintah untuk mengurangkan amaun liabilitinya di bawah polisinya dan liabiliti lain bagi maksud pemindahan perniagaan itu.

Fasal 126 memperuntukkan bagi Jawatankuasa Kaedah-Kaedah untuk membuat kaedah-kaedah berkaitan dengan penggulungan penanggung insurans.

12. Bahagian XI memperkatakan mengenai pemindahan keseluruhan perniagaan insurans penanggung insurans atau sebahagian daripadanya.

Fasal 127 mentakrifkan perkataan "pemindah", "penerima-pindahan" dan "skim" bagi takrifan Bahagian ini.

Fasal 128 memperuntukkan bagi pemindahan perniagaan insurans melalui suatu skim yang diluluskan oleh Bank dan disahkan oleh Mahkamah. Bagaimanapun, pengesahan daripada Mahkamah tidak perlu bagi pemindahan perniagaan insurans berlesen penanggung insurans tempatan di luar Malaysia. Apa-apa pemindahan kepada suatu syarikat awam tidak berlesen sebagai seseorang penanggung insurans akan berkuatkuasa hanya setelah syarikat itu dilesenkan.

Fasal 129 menghendaki pemindah untuk mengemukakan dokumen berkaitan dengan skim pemindahan kepada Bank.

Fasal 130 memberikuasa kepada Bank untuk menolak atau meluluskan skim pemindahan itu dengan apa-apa pengubahsuaian sebagaimana yang ia boleh tentukan.

Fasal 131 menghendaki penyiaran suatu notis skim pemindahan itu di dalam *Warta* dan dua surat khabar harian yang diterbitkan di Malaysia, satu daripadanya mesti dalam Bahasa Kebangsaan yang juga menyatakan bahawa skim itu dibuka bagi pemeriksaan dan mana-mana orang yang terjejas dengannya boleh membuat bantahan kepada skim itu dengan menulis kepada Bank.

Fasal 132 membenarkan pemindah, dengan kelulusan Bank, untuk mengubahsuai skim pemindahan itu dalam apa-apa hal bantahan ditimbulkan.

Fasal 133 menghendaki pemindah untuk membuat petisyen kepada Mahkamah bagi pengesahan skim sebagaimana yang diluluskan oleh Bank.

Fasal 134 memperuntukan bagi Bank untuk menjadi suatu pihak kepada prosiding yang mana ia bukannya pemohon kepada Mahkamah dan menghendaki pemohon itu untuk memberitahu Bank mengenai segala prosiding berkaitan dengan permohonan itu. Selanjutnya, Bank boleh didengar dan memanggil, menyoal dan menyoalbalas mana-mana saksi dalam semua prosiding.

Fasal 135 memperuntukan bahawa pengesahan skim pemindahan itu oleh Mahkamah mempunyai kesan meletakhakkan hak dan hakmilik pemindah dalam asetnya kepada penerima pindahan dan menjadikan penerima pindahan bertanggungjawab secara keseluruhannya terhadap liabiliti yang dipindahkan. Dalam hal mana-mana tanah yang diberimilik atau apa-apa syer atau kepentingan tanah diberimilik, yang diletakhakkan oleh perintah Mahkamah kepada penerima pindahan, *subfasal (2)* menyatakan prosidur yang terpakai di Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak, bagi perletakhakkan itu didaftarkan di bawah undang-undang tanah masing-masing yang terpakai.

Fasal 136 bertujuan untuk menjadikan pemindah dan penerima pindahan untuk secara bersesama dan berasingan bertanggung untuk membayar kembali kepada Bank bagi apa-apa perbelanjaan yang ditanggungnya di bawah Bahagian ini.

Fasal 137 melarang penanggung insurans daripada membayar saaraan kepada mana-mana orang daripada aset suatu kumpulan wang insurans berkaitan dengan suatu skim pemindahan.

Fasal 138 menghendaki penerima pindahan untuk menyerahkan simpan dokumen tertentu dengan Bank, dokumen sedemikian dinyatakan di dalam perenggan (a) hingga (e) fasal ini.

Fasal 139 menyekat seseorang broker insurans berlesen atau ajuster berlesen daripada memindahkan perniagaannya tanpa kelulusan Bank untuk menjaga kepentingan pelanggannya.

13. Bahagian XII membuat peruntukan berkaitan dengan polisi penanggung insurans berlesen.

Fasal 140 melarang seseorang daripada menginsuranskan harta atau liabiliti dengan seseorang penanggung insurans selain daripada seseorang penanggung insurans am berlesen. Ini adalah untuk mencegah pengeluaran premium yang boleh dielakkan daripada Malaysia dan untuk memastikan bahawa insurans harta yang terletak di Malaysia, termasuk kapal atau kapal udara yang didaftarkan di Malaysia, dan insurans liabiliti seseorang yang bermastautin di Malaysia kepada suatu pihak ketiga dikuatkuasakan dengan penanggung insurans am berlesen di bawah Rang Undang-Undang ini. Bagaimanapun, jika Bank berpuas hati bahawa insurans harta atau liabiliti itu tidak sedia ada daripada mana-mana penanggung insurans am berlesen, ia boleh meluluskan bagi insurans itu dibuat di luar Malaysia. Bagi mengawalselia insurans harta atau liabiliti, *subfasal (4)* memberikuasa kepada Bank untuk menghendaki seseorang untuk mengemukakan kepadanya maklumat berkaitan dengan insurans tersebut.

Fasal 141 melarang seseorang penanggung insurans am berlesen daripada mengambilalih apa-apa risiko melainkan ia telah menerima premium yang kena dibayar. *Fasal* ini memberikuasa kepada Bank untuk menetapkan perihalan perniagaan insurans am yang mana larangan ini terpakai dan cara dan tempoh dalam mana premium itu kena dibayar. Premium yang diterima oleh seseorang bagi pihak seseorang penanggung insurans am berlesen adalah disifatkan sebagai telah diterima oleh penanggung insurans am berlesen itu dan orang tersebut adalah dikehendaki untuk mengirinkan amaun itu kepada penanggung insurans am berlesen dalam tempoh yang ditetapkan oleh Bank. Peruntukan ini melindungi seorang pemunya polisi yang telah pun membayar premiumnya kepada suatu ejen insurans. Bagi maksud *subfasal (1)*, penanggung insurans am berlesen adalah dalam risiko apabila ejen insuransnya menerima premium itu. Penanggung insurans am berlesen adalah dikehendaki untuk membayar apa-apa pulangan premium yang kena dibayar secara terus kepada pemunya polisi.

Fasal 142 melarang seseorang penanggung insurans hayat berlesen daripada mengeluarkan suatu polisi hayat melainkan kadar premium bagi polisi hayat itu adalah sebagai bersesuaian oleh aktuari yang dilantiknya. *Subfasal (2)* menghendaki suatu seseorang penanggung insurans hayat berlesen untuk menyerahsimpan dengan Bank butir-butir mengenai produk polisi hayat baru berserta dengan perakuan oleh aktuari yang dilantik tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum ia menawarkan polisi hayat itu kepada orang awam. Bank boleh melarang polisi hayat itu daripada ditawarkan kepada orang

awam atau menghendakinya untuk diubahsuai. Seseorang penanggung insurans hayat berlesen adalah dilarang daripada membayar komisyen pada kadar yang lebih tinggi daripada kadar yang ditentukan oleh aktuari yang dilantik.

Fasal 143 memberikuasa kepada Bank untuk mengarahkan seseorang penanggung insurans hayat berlesen mengemukakan kepada Bank satu laporan aktuari mengenai kesesuaian terma, polisi dan kadar premium bagi apa-apa polisi hayat atau perkara lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank dan mengeluarkan arahan yang sesuai selepas menimbangkan laporan tersebut.

Penanggung insurans berlesen adalah dilarang di bawah *fasal 144* daripada menerima pakai tarif kadar premium, terma polisi dan syarat-syarat bagi apa-apa polisi kecuali dengan kelulusan Bank, *Subfasal (2)* menghendaki seorang penanggung insurans untuk mengemukakan maklumat atas perniagaan insurans kepada suatu persatuan penanggung insurans berlesen yang diluluskan oleh Bank. *Fasal 145* memberikuasa kepada Bank untuk menghendaki seseorang penanggung insurans berlesen atau suatu persatuan penanggung insurans hayat atau am berlesen untuk menyemak semula kadar premium atau membuat justifikasi terhadap kadar yang dikenakan.

Fasal 146 menghendaki seseorang penanggung insurans hayat berlesen untuk mengeluarkan pada atau berserta dengan polisi hayat itu satu notis bercetak yang menyatakan bahawa bukti umur orang yang diinsuranskan hayatnya boleh dikehendaki sebelum pembayaran faedah di bawah polisi hayat itu jika bukti umur adalah satu syarat terdahulu sebelum pembayaran wang yang diinsuranskan.

Fasal 147 memperuntukkan bahawa suatu salahnyata umur mengenai orang yang diinsuranskan dalam suatu polisi hayat tidak menyebabkan polisi hayat itu diketepikan tetapi membenarkan penanggung insurans hayat berlesen itu untuk mengubahsuai wang yang diinsuranskan, bonus yang diuntukkan kepada polisi hayat itu, atau premium untuk membetulkan kesilapan itu.

Fasal 148 membenarkan seorang pemunya polisi untuk memulangkan suatu polisi dalam tempoh lima belas hari selepas penyampaiannya tanpa perlu memberikan apa-apa alasan dan penanggung insurans hayat berlesen hendaklah memulangkan premium itu tertakluk kepada potongan perbelanjaan pemeriksaan perubatan yang ditanggung. Suatu polisi hayat adalah disifatkan sebagai telah dipulangkan kepada penanggung insurans hayat berlesen pada tarikh ianya diterima atau diposkan.

Fasal 149 memberikuasa kepada Bank untuk menghendaki seseorang penanggung insurans hayat berlesen mengemukakan kepadanya apa-apa borang cadangan, polisi atau brosur yang digunakan oleh seseorang penanggung insurans hayat berlesen dan jika Bank

merasakan perlu. untuk mengarahkan insurer hayat berlesen untuk berhenti daripada menggunakannya sehingga diubahsuai sebagaimana yang ditentukan.

Fasal 150 secara jelas menyatakan tugas seorang pengenal bagi insurans untuk mendedahkan perkara yang boleh memberi kesan kepada keputusan penanggung insurans berlesen sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma untuk dipakai atau perkara relevan lain. Bagaimanapun, kewajipan pendedahan ini tidak terpakai kepada perkara yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hingga (d) dalam *subfasal (2)*. Ia juga melarang seseorang penanggung insurans berlesen atau ejennya daripada mempengaruhi secara tidak wajar seseorang itu untuk memasuki suatu kontrak insurans.

Fasal 151 memperuntukkan bahawa seseorang yang mensolisit atau merundingkan suatu kontrak insurans adalah disifatkan sebagai seorang ejen penanggung insurans berlesen bagi maksud pembentukan kontrak dan pengetahuannya hendaklah dianggap sebagai pengetahuan penanggung insurans berlesen itu. Perkara yang sama terpakai kepada penyata ejen tersebut dan tindakan yang dijalankan dalam keupayaan tersebut.

Fasal 152 menghendaki seorang yang mengambil insurans atas hayat mana-mana orang untuk mempunyai suatu kepentingan boleh insurans atas hayat tersebut pada masa insurans diambil. Wang polisi yang dibayar, secara ansuran atau selainnya, di bawah polisi hayat itu tidak boleh melebihi amaun kepentingan boleh insurans tersebut pada masa berlakunya perkara yang menyebabkan pembayaran faedah wang polisi itu. Bagaimanapun, sekatan sedemikian tidak terpakai kepada orang yang mengambil insurans atas hayatnya sendiri atau hayat orang yang disebut di dalam *subfasal (2)*, iaitu suami atau isteri kepada orang tersebut, anak atau anak jagaan yang berada di bawah umur dewasa pada masa insurans itu diambil, pekerja kepada orang tersebut dan mana-mana orang yang mana orang tersebut pada masa itu bergantung sepenuhnya atau sebahagiannya.

Fasal 153 membenarkan seorang kanak-kanak yang berumur sepuluh tahun atau lebih tetapi kurang daripada enam belas tahun untuk mengambil, dengan keizinan bertulis ibu bapanya atau penjaganya, suatu polisi hayat atas hayatnya sendiri atau atas hayat lain yang mana ia mempunyai kepentingan boleh insurans atau mengambil penyerahhakkan suatu polisi hayat. Dalam hal seorang kanak-kanak yang berumur enam belas tahun, dia boleh menginsuranskan hayatnya atau menyerahhakkan polisi itu tanpa memerlukan keizinan ibu bapanya atau penjaganya.

Fasal 154 memperuntukkan bahawa wang polisi yang kena dibayar di bawah suatu polisi hayat hendaklah dibayar tanpa apa-apa potongan bagi wang yang tidak perlu dibayar di bawah polisi hayat itu melainkan orang yang berhak kepada wang tersebut telah memberikan keizinannya.

Perkara yang sama terpakai kepada wang yang kena dibayar kerana penyerahan suatu polisi hayat.

Fasal 155 membenarkan seorang pemunya polisi untuk menyerahkan polisi hayat premium tunggal pada bila-bila masa selepas kuatkuasanya atau dalam hal mana-mana polisi hayat lain, selepas ia berkuatkuasa selama tiga tahun atau lebih dan dia berhak untuk menerima nilai serahan polisi hayat itu yang ditentukan dalam cara yang ditetapkan. Bagaimanapun, seseorang penanggung insurans hayat berlesen boleh memperuntukkan nilai serahan bagi suatu polisi hayat yang telah berkuatkuasa kurang daripada tiga tahun.

Fasal 156 memperuntukkan bahawa suatu polisi hayat yang telah berkuatkuasa selama tiga tahun atau lebih untuk tidak luput atau dirampas kerana ketakbayaran premium. Polisi hayat hendaklah berkuatkuasa itu tertakluk kepada pengubahsuaian bergantung kepada tempoh ia dikuatkuasakan atau faedah yang boleh diterima di bawahnya atau kedua-duanya sebagaimana yang dimaklumkan oleh penanggung insurans hayat berlesen kepada pemunya polisi.

Fasal 157 menghendaki seseorang penanggung insurans berlesen untuk menyatakan dalam setiap polisi amaun premium yang dikenakan bagi insurans itu. Seseorang penanggung insurans hayat berlesen adalah dikehendaki untuk menyatakan dalam suatu polisi hayat sama ada ianya adalah atau bukan suatu polisi sertain dan bahawa pemunya polisi boleh menyerahkan polisi hayat itu di bawah fasal 155 dan berhak untuk menerima nilai serahan.

Fasal 158 membenarkan seorang pemunya polisi untuk memilih untuk menukarkan polisi hayatnya kepada polisi dibayar.

Fasal 159 memperuntukkan bahawa hak yang diberikan oleh *fasal 155, 156* dan *158* adalah sebagai tambahan kepada hak lain pemunya polisi sama ada di bawah polisi atau selainnya.

Fasal 160 memberikuasa kepada Bank untuk menentukan cara mana seseorang penanggung insurans hayat berlesen menjalankan perniagaan penanggung insurans hayat yang mana premium adalah dipungut di alamat pemunya polisi oleh pekerjaanya dan pembayaran premium kepada pekerja tersebut adalah disifatkan sebagai bayaran kepada penanggung insurans berlesen.

Fasal 161 menghendaki seseorang penanggung insurans berlesen untuk membayar suatu faedah kompaun minimum sebanyak empat peratus setiap tahun atau apa-apa kadar lain sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Bank atas amaun insurans hayat atau faedah wang polisi kemalangan diri atau kematian yang tidak dibayar dengan secepat mungkin. Kepentingan tersebut akan dicajkan selepas tamatnya tempoh enam puluh hari daripada tarikh penanggung insurans berlesen menerima permohonan tuntutan itu sehingga tarikh pembayaran.

Fasal ini juga terpakai kepada pembayaran wang polisi di bawah Bahagian XIII.

14. Bahagian XIII memperuntukkan bayaran wang polisi di bawah suatu polisi hayat atau suatu polisi kemalangan diri. Ini bertujuan untuk menyegerakan bayaran wang polisi atas kematian seseorang yang diinsuranskan.

Fasal 162 memperuntukkan bagi pemakaian Bahagian ini kepada suatu polisi hayat dan polisi kemalangan diri.

Fasal 163, 164, 165, 166, 167, 168 dan 169 memberikuasa kepada seorang pemunya polisi untuk membuat penamaan orang sebenar untuk menerima wang polisi yang kena dibayar atas kematiannya di bawah polisi itu dan untuk membatalkan penamaan tersebut, memperuntukkan bagi pembayaran wang polisi jika ada penamaan atau jika tiada penamaan, penubuhan suatu amanah bagi faedah seorang penama yang adalah seorang suami atau isteri, anak atau ibu bapa (dalam hal seseorang pemunya polisi yang belum berkahwin) kepada pemunya polisi, memperuntukkan bagi seorang penama yang bukan seorang suami atau isteri, anak atau ibu bapa pemunya polisi untuk menerima wang polisi itu sebagai seorang wasi dan bukan semata-mata sebagai seorang benefisiari, memperuntukkan tuntutan penerima hak dan penerima sandaran untuk mempunyai keutamaan ke atas tuntutan seorang penama dan juga memperuntukkan pembayaran wang polisi jika tiada penamaan. masing-masingnya.

Fasal 170 memperuntukkan bagi cara pembayaran jika penama atau orang yang mana wang polisi kena dibayar adalah seorang yang tak kompeten untuk berkontrak.

Fasal 171 menjadikannya mandatori ke atas seseorang yang menerima bayaran di bawah*fasal 169* untuk menguruskan wang polisi itu sebagai seorang wasi.

Fasal 172 memperuntukkan supaya fasal-fasal ini mengatasi syarat-syarat polisi dan undang-undang lain.

15. Bahagian XIV memperuntukkan bagi penubuhan dan penggunaan kumpulan wang skim jaminan insurans.

Fasal 173 memberikuasa kepada Bank untuk menubuhkan kumpulan wang yang berasingan bagi polisi hayat Malaysia dan polisi am Malaysia dan menyatakan amaun yang kena dibayar ke dalam kumpulan wang itu.

Fasal 174 memperuntukkan bagi pelaburan wang dalam kumpulan wang itu.

Fasal 175 memberikuasa kepada Bank untuk meminjam wang bagi kumpulan wang itu.

Fasal 176 memberikuasa kepada Bank untuk memungut levi bagi kumpulan wang itu pada kadar yang diluluskan oleh Menteri.

Fasal 177 membolehkan Menteri untuk menghentikan pengutipan atas levi atau memulakan kembali kutipan.

Fasal 178 menyatakan pemakaian kumpulan wang dan takat pembayaran relief berkaitan dengan liabiliti seseorang penanggung insurans tak solven kepada suatu maksimum sembilan puluh peratus daripada amaun yang perlu dibayar secara sah.

Fasal 179 memberikuasa kepada Menteri untuk menyekat penggunaan wang dalam kumpulan wang itu kepada jenis perniagaan insurans tertentu atau dengan pengecualian atau sekatan tertentu. Ia juga melarang pembayaran wang dalam kumpulan wang itu kepada pengurus, pengarah, pengawal, syarikat bersekutu atau subsidiari penanggung insurans tak solven itu, ia menghendaki pemberitahuan liabiliti kepada pelikuidasi dalam tempoh enam bulan untuk layak menerima relief daripada kumpulan wang itu.

Fasal 180 membolehkan Bank untuk menentukan peratus sesuatu tuntutan atau yang boleh dibayar daripada suatu kumpulan wang atau bahawa tiada pembayaran boleh dibuat daripada suatu kumpulan wang jika wang yang kena dibayar berkaitan dengan suatu tuntutan adalah kurang daripada sepuluh ringgit atau sesuatu amaun wang yang lebih banyak sebagaimana ditetapkan. *Subfasal (2)* memberikuasa kepada Bank untuk mengenakan had ke atas sesuatu tuntutan atau perihalan tuntutan.

Fasal 181 menghendaki tuntutan untuk dikurangkan dengan apa-apa perolehan daripada apa-apa jua cara,

Fasal 182 membolehkan Bank untuk membayar kepada penuntut terlebih dahulu atas Penyerahhakkan hak untuk menerima dividen daripada pelikuidasi bagi faedah suatu kumpulan wang. Pembayaran awal ini kepada penuntut akan membantu mengurangkan kesusahan mereka. Bagaimanapun, jika wang dalam suatu kumpulan wang skim jaminan insurans adalah tidak mencukupi untuk menampung obligasinya, Bank boleh membayar suatu tuntutan itu secara ansuran atau menangguhkan bayaran.

Fasal 183 membolehkan Bank untuk melantik seseorang membantunya dalam mentadbir atau membuat pembayaran daripada kumpulan wang itu.

16. Bahagian XV memperkatakan mengenai perkara pelbagai.

Fasal 184 melarang mana-mana orang, termasuk seseorang broker insurans berlesen, untuk bertindak bagi pihak seseorang penanggung

insurans tidak berlesen di bawah Akta, kecuali dengan kelulusan bertulis daripada Bank.

Fasal 185 menghendaki seseorang broker berlesen yang bertindak sebagai broker langsung dan broker insurans semua untuk melakukannya hanya atas permintaan penanggung insurans berlesen dan dengan pengetahuan pemunya polisi.

Fasal 186 menghendaki suatu perantara dalam transaksi insurans, termasuk suatu polisi kumpulan, untuk mendedahkan nama penanggung insurans berlesen, hubungannya dengan penanggung insurans berlesen dan amaun premium. *Subfasal (3) dan (4)* selanjutnya melindungi kepentingan orang yang diinsuranskan.

17. Bahagian XVI mengandungi peruntukan am.

Fasal 187 membolehkan Bank untuk menghendaki seseorang pemegang lesen untuk mematuhi dengan apa-apa peruntukan dalam Rang Undang-Undang ini. Bagaimanapun, pelanggaran Rang Undang-Undang ini oleh seseorang penanggung insurans berlesen tidaklah akan menjadikan polisinya tak sah.

Fasal 188 menghendaki seseorang yang bertindak tanpa suatu lesen untuk memulangkan apa-apa wang yang dikutip.

Fasal 189 dan 190 menjadikan seseorang yang disabitkan dengan suatu kesalahan untuk bertanggung mengganti rugi kepada pemegang lesen apa-apa kerugian yang terhasil dan menyatakan prosedur bagi penggantian kerugian tersebut.

Fasal 191 memperuntukkan tanggungrugi kepada Menteri, Bank, pekerja Bank dan orang yang bertindak bagi pihak mereka bagi perbuatan yang dijalankan secara suci hati.

Fasal 192 menghendaki Bank untuk menyiarkan dalam suatu laporan tahunan mengenai perjalanan Rang Undang-Undang ini dan Menteri hendaklah membentangkannya di Parlimen.

Fasal 193 memberikuasa kepada Bank untuk mendapatkan maklumat daripada seseorang pemegang lesen atau ejennya.

Fasal 194 menyatakan bahawa Bank boleh menyampaikan suatu notis atau dokumen kepada penerima notis atau dokumen itu di alamat terakhirnya yang diketahui.

Fasal 195 dan 196 memperuntukkan bagi kerahsiaan maklumat dan membenarkan pendedahan kepada Bank atau pengarah atau pekerjaannya atau kepada mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan profesional kepada Bank dan pendedahan lain yang dibenarkan.

Fasal 197 menyatakan bahawa melainkan dinyatakan selainnya, keputusan Menteri adalah muktamad.

Fasal 198 memberikuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana orang daripada semua atau mana-mana peruntukan Rang Undang-Undang jika ia selaras dengan maksud Rang Undang-Undang ini atau demi kepentingan orang awam.

Fasal 199 menyatakan dalam hal apa-apa percanggahan atau ketakkonsistenan dengan undang-undang lain, Rang Undang-Undang ini akan mengatasi dan Menteri boleh memutuskan apa-apa kesulitan yang berbangkit atau keraguan dengan arahan secara bertulis.

Fasal 200 menyatakan Rang Undang-Undang ini tidak terpakai kepada pengendali takaful di bawah Akta Takaful 1984 atau seseorang pemegang lesen di bawah Akta Insurans Luar Pesisir 1990.

Fasal 201 memberikuasa kepada Bank untuk mengeluarkan garis panduan, pekeliling atau notis berkaitan dengan perjalanan perniagaan pemegang lesen.

Fasal 202 memberikuasa kepada Bank, dengan kelulusan Menteri, untuk membuat peraturan-peraturan.

18. Bahagian XVII memperkatakan tentang kesalahan di bawah Akta.

Fasal 203 dan *204* memperuntukkan penalti bagi suatu kesalahan dan kesalahan berterusan.

Fasal 205 memperuntukkan bagi kesalahan berkaitan dengan catatan dalam buku, dokumen dan sebagainya dan polisi.

Fasal 206 menjadikan seorang pengarah, pengawal, pegawai, pekongsi atau orang yang terlibat dalam pengurusan suatu entiti korporat, bertanggung bagi kesalahan entiti korporat itu. Orang tersebut tidak bertanggung jika dia membuktikan bahawa kesalahan oleh korporat entiti itu telah dilakukan tanpa keizinan atau penglibatannya.

Fasal 207 menjadikan seseorang bertanggung bagi tindakan pengarah, pengawal pekerja atau ejennya.

Fasal 208 dan *209* memperuntukkan bagi pencantuman kesalahan dan menjadikan kesalahan di bawah Rang Undang-Undang sebagai kesalahan boleh tangkap.

Fasal 210 memperuntukkan bagi seseorang yang ditahan oleh seorang pegawai penyiasat untuk diserahkan kepada polis.

Fasal 211 memberikuasa kepada Gabenor untuk mengkompaunkan kesalahan di bawah Rang Undang-Undang atau di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Rang Undang-Undang dan memperuntukkan bagi lima puluh peratus daripada amaun yang diterima oleh Gabenor sebagai denda kompaun untuk dibayar ke dalam kumpulan wang skim jaminan insurans masing-masing.

Di bawah *fasal 212* seseorang melakukan suatu kesalahan di bawah Rang Undang-Undang jika ia mencuba, terlibat dalam persediaan, subahat atau komplot untuk melakukan suatu kesalahan.

Fasal 213 menyatakan bahawa apa-apa pendakwaan di bawah Rang Undang-Undang ini hendaklah dilakukan dengan keizinan Pendakwa Raya dan oleh seseorang yang diberikuasa oleh Gabenor.

19. Bahagian XVIII memperkatakan tentang peruntukan pemansuhan dan peralihan.

Fasal 214 memperuntukkan bagi pemansuhan perundangan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Rang Undang-Undang dan pindaan berbangkit yang dibuat kepada Akta Syarikat 1965. *Subfasal (2)* menjadikan perundangan subsidiari, garis panduan, kelulusan, di bawah Akta yang dimansuhkan untuk terpakai sehingga dipinda, dibatalkan atau digantikan dan semua tindakan sah yang dibuat di bawahnya.

Fasal 215 menyifatkan insurans yang berdaftar dan broker berlesen dan ajuster berlesen di bawah Akta yang dimansuhkan sebagai dilesenkan di bawah Rang Undang-Undang ini bagi suatu tempoh sementara.

Fasal 216 menghendaki penanggung insurans berdaftar di bawah Akta yang dimansuhkan untuk memohon bagi suatu lesen dalam tempoh enam puluh hari daripada tarikh berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini.

Fasal 217 menghendaki suatu insurer berdaftar di bawah Akta yang dimansuhkan yang mana adalah suatu syarikat persendirian atau suatu pertubuhan koperasi untuk bertukar kepada suatu syarikat awam dalam tempoh dua belas bulan daripada tarikh berkuatkuasa dan suatu cawangan seseorang penanggung insurans asing, selain daripada suatu insurans semula profesional, untuk memindahkan perniagaannya kepada suatu syarikat awam pada atau sebelum 30 Jun 1998.

Fasal 218 memperuntukkan bagi pembatalan lesen kerana kegagalan mematuhi *fasal 217*.

Fasal 219 menghendaki seseorang broker insurans berlesen atau ajuster berlesen di bawah Akta yang dimansuhkan untuk memohon

bagi suatu lesen di bawah Rang Undang-Undang dalam tempoh dua bulan daripada tarikh berkuatkuasa Rang Undang-Undang.

Fasal 220 menghendaki seseorang penanggung insurans asing berlesen untuk menubuhkan kumpulan wang insurans bagi perniagaan Malaysiannya dan bagi perniagaan asingnya yang diunderaitkan di Malaysia.

Fasal 221 menjadikan apa-apa pemerolehan atau pelupusan kepentingan dalam syer yang sempurna sebelum tarikh berkuatkuasa atau pegangan kepentingan dalam syer yang wujud sebelum tarikh berkuatkuasa sebagai terpakai.

Fasal 222 memperuntukkan bagi pemulangan deposit oleh Akauntan Negara yang dibuat di bawah seksyen 7 Akta yang dimansuhkan dan pembatalan apa-apa jaminan bank sebagai ganti kepada deposit itu.

Fasal 223 memperuntukkan bagi wang dalam skim kumpulan wang jaminan insurans yang sedia ada bagi perniagaan am untuk dipindahkan ke dalam kumpulan wang bersamaan di bawah Rang Undang-Undang ini.

Fasal 224 memberikuasa seseorang penanggung insurans berlesen untuk memohon bagi pemulangan wang polisi yang didepositkan dengan Perbendaharaan di bawah seksyen 44 Akta dimansuhkan dan untuk membayar wang tersebut kepada orang yang dirujuk di dalam *subfasal 169(2)* dan menyatakan prosedur pembayaran bagi wang polisi jika pemunya polisi itu meninggal dunia sebelum, pada atau selepas tarikh berkuatkuasa pemansuhan undang-undang duti harta pusaka pada 1 November 1991.

Fasal 225 memberikuasa kepada Menteri untuk membuat kaedah-kaedah bagi mengeneipkan kesulitan yang timbul akibat daripada Rang Undang-Undang ini.

Jadual kepada Rang Undang-Undang memansuhkan secara keseluruhannya Life Assurance Companies (Compulsory Liquidation) Act 1962, Akta Insurans 1963 dan Life Assurance Companies (Compulsory Winding Up) Rules 1963. Jadual juga membuat pindaan berbangkit kepada seksyen 217, 218, 234, 235, 267 dan 281 Akta Syarikat 1965.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1900.]